

Contents

Kandungan

2	Chairman's Message	2	Perutusan Pengerusi
11	Operations Review	11	Ulasan Operasi
24	Financial Highlights	24	Pencapaian Kewangan
26	Five Years Group Financial Data	26	Data Kewangan Lima Tahun Kumpulan
28	Board Of Directors & Profiles	28	Lembaga Pengarah & Profil
41	Statement On Corporate Governance	41	Penyata Tadbir Urus Korporat
54	Statement On Director's Responsibility In Relation To The Financial Statement	54	Penyata Tanggungjawab Pengarah Berhubung dengan Penyata Kewangan
54	Additional Compliance Statement	54	Penyata Pematuhan Tambahan
56	Board Audit Committee Report	56	Laporan Lembaga Jawatankuasa Audit
64	Statement On Internal Controls	64	Penyata Kawalan Dalaman
67	Event Highlights Of The Year	67	Peristiwa-peristiwa Penting Tahun 2002
72	Corporate Information	72	Maklumat Korporat
76	Group Corporate Structure	76	Struktur Kumpulan
81	Directors' Report	151	Laporan Para Pengarah
84	Statement By Directors	154	Penyata Para Pengarah
84	Statutory Declaration	154	Akuan Berkanun
85	Auditors' Report	155	Laporan Juruaudit
86	Income Statements	156	Penyata Pendapatan
87	Balance Sheets	157	Lembaran Imbangan
88	Consolidated Statement Of Changes In Equity	158	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
89	Statement Of Changes In Equity	159	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
90	Cash Flow Statements	160	Penyata Aliran Tunai
92	Notes To Financial Statements	162	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
138	Group's Held Properties	208	Hartanah Kumpulan
144	Statistics On Shareholding	214	Statistik Pegangan Saham
218	Notice of Annual General Meeting	218	Notis Mesyuarat Agung Tahunan
227	Statement Accompanying Notice Of Annual General Meeting	227	Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
231	Form of Proxy	232	Borang Proksi

...to become
the finest
enterprise in
the country

CHAIRMAN'S MESSAGE

PERUTUSAN PENERUSI



Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid

2002 was a year in which your Company successfully navigated rough waters to chart a new course. Immeasurably strengthened by the events and experiences of the last 12 months, Celcom has embarked on a journey to rejuvenate and revitalise even as it prepares to fully integrate with TM Cellular to eventually become a larger and stronger entity.

2002 merupakan tahun di mana Syarikat kita telah berjaya mengharungi cabaran dalam usaha menetapkan haluan yang baru. Hasil dari kekuatan yang diperolehi dari peristiwa dan pengalaman sepanjang 12 bulan lalu, Celcom kini telah mengorak langkah yang lebih bersemangat dan bertenaga sambil bersiap sedia untuk bergabung dengan TM Cellular sebagai sebuah entiti yang lebih besar dan kukuh.

The real measure of success lies in a board and management which adhere to good governance, to procedures and transparency, checks and balances, the best standards of professionalism and integrity and an internal audit function fully independent of management.

Sebenarnya, ukuran sesuatu kejayaan itu terletak kepada lembaga pengarah dan pengurusan yang mematuhi tadbir urus korporat yang baik, prosedur dan ketelusan, sekatan dan imbalan, profesionalisme dan integriti – audit dalaman yang benar-benar bebas dari pihak pengurusan.

Dear Shareholders & Partners,

The past year has been a highly eventful one for your Company. As its new Chairman, it is my pleasure to present this annual report to you, and to highlight the achievements and challenges over the past year – and beyond.

The much needed recapitalisation and restructuring exercise was duly completed during the year, and the Company finally managed to extricate itself from the highly indebted situation it got itself into.

On 10 October 2002, Celcom (Malaysia) Berhad [Celcom] took the place of Technology Resources Industries Berhad as your listed Company on the Kuala Lumpur Stock Exchange, reflecting better identification of public name with brand and operating activity.

There was a struggle for control of your Company and, finally, the previous controlling shareholders departed. The new, single largest shareholder Telekom Malaysia Berhad (TMB) appointed their nominees to the board on 3 July 2002, signaling the beginning of TMB coming to steer your Company and its appointees forward.

The board under my chairmanship, unfortunately, discovered a number of irregularities from the past, which had to be addressed and put right. The events surrounding this process captured public interest and imagination, and the Company's past threatened to define its present and future.

The board has, however, been able to finally ensure that all action against past irregularities was swiftly taken, while the lesson was learned and measures put into place to protect the future against repetition of such irregularities.

Pemegang Saham dan Rakan Kongsi yang saya hormati,

Tahun lalu merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa bermakna bagi Syarikat anda. Sebagai Pengerusi Syarikat anda yang baru, saya amat berbesar hati untuk membentangkan Laporan Tahunan ini serta berkongsi pencapaian dan cabaran yang dilalui sepanjang tahun – dan seterusnya.

Proses penstrukturan dan permodalan semula siap dilaksanakan dan Syarikat akhirnya berjaya menyelesaikan masalah hutang yang dihadapinya.

Pada 10 Oktober 2002, Celcom (Malaysia) Berhad [Celcom] mengambil alih tempat Technology Resources Industries Berhad sebagai Syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, di mana jenama dan aktiviti operasi dapat dikenali dengan lebih baik oleh orang awam.

Berlakunya perebutan kuasa untuk menguasai Syarikat anda tetapi akhirnya pemegang-pemegang saham yang lalu beredar. Telekom Malaysia Berhad (TMB) sebagai pemegang saham baru dan terbesar melantik nomini mereka ke lembaga pengarah pada 3 Julai 2002 menandakan bermulanya penguasaan TMB ke atas Syarikat anda.

Dukacita dimaklumkan bahawa, lembaga pengarah di bawah kepimpinan saya, telah mendapati beberapa penyelewengan yang dilakukan pada masa lalu, yang harus ditangani dan diperbetulkan. Proses membetulkan kesilapan ini menarik perhatian umum dan kisah lampau Syarikat dikhuatiri akan memberi kesan di masa ini dan akan datang.

Walaupun bagaimanapun, lembaga pengarah telah berjaya mengambil tindakan ke atas penyelewengan yang dilakukan pada masa lalu dan mengambil iktibar darinya serta memastikan ianya tidak akan berulang.

Namun ia nampak mudah untuk diperkatakan. Sebenarnya, ukuran

For the telecommunication industry, the growth prospects are even better. The industry anticipates a double digit growth within the mobile sector over the next three years.

Bagi industri telekomunikasi pula, prospek pertumbuhan adalah lebih baik lagi. Industri menjangkakan pertumbuhan dua angka dalam sektor telekomunikasi mudah alih dalam jangka masa tiga tahun akan datang.

These things are easy to say. The real measure of success lies in a board and management which adhere to good governance, to procedures and transparency, checks and balances, the best standards of professionalism and integrity and an internal audit function fully independent of management. This is the challenge even as the Company strives to attain its business objectives. Like in everything else, a good and strong foundation is essential.

A new Group Chief Executive Officer was appointed in September and, while he built the management and defined the business objectives, the intention was also to ensure a transparency and accountability of management to the Chairman and the Board of Directors, who represent the shareholders of the Company and, indeed, are directly answerable to them.

It is important that this is well appreciated even as the Company strikes out to return to its previous pole position in the mobile telecommunications industry, and to achieve greater heights of excellence with the acquisition of TM Cellular Sdn Bhd and with the integration of the two companies and businesses.

Integration of Celcom and TM Cellular

On 28 October, Celcom signed the Sale and Purchase Agreement (S&P) with TMB for the acquisition of TM Cellular for a purchase consideration of RM1.68 billion. The signing of the S&P paves the way for the integration of Celcom and TM Cellular which will culminate in the creation of an enlarged Celcom Group with at least 41 per cent of Malaysia's mobile subscriber market.

Since November 2002, a Joint Integration Steering Committee and an Integration Management Office

sesuatu kejayaan itu terletak kepada lembaga pengarah dan pengurusan yang mematuhi tadbir urus korporat yang baik, prosedur dan ketelusan, sekatan dan imbangan, profesionalisme dan integriti – audit dalaman yang benar-benar bebas dari pihak pengurusan. Inilah cabarannya sambil Syarikat berusaha mencapai objektif perniagaan. Sepertimana biasa, asas yang baik dan kukuh amatlah penting.

Seorang Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang baru dilantik pada bulan September dan selain dari membentuk pasukan pengurusan dan objektif perniagaan, perlantikan tersebut juga adalah untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah, yang mewakili pemegang-pemegang saham Syarikat dan juga bertanggungjawab kepada mereka.

Adalah penting langkah tersebut dihayati lebih-lebih lagi sewaktu Syarikat berusaha untuk merampas semula kedudukan teratas di dalam industri telekomunikasi mudah alih serta mencapai kecemerlangan lebih tinggi dengan pengambilalihan TM Cellular Sdn Bhd dan penggabungan dua syarikat tersebut.

Integrasi Celcom dan TM Cellular

Pada 28 Oktober 2002 Celcom telah menandatangani satu Perjanjian Jual Beli bagi pengambilalihan TM Cellular yang bernilai sebanyak RM1.68 bilion. Perjanjian Jual Beli tersebut telah membuka jalan bagi penggabungan di antara Celcom dan TM Cellular, di mana akan wujudnya Kumpulan Celcom yang lebih besar yang menguasai sekurang-kurangnya 41 peratus pasaran mudah alih Malaysia.

Semenjak November 2002, satu Jawatankuasa Bertindak Integrasi Bersama dan Integrasi Pengurusan Pejabat telah diwujudkan untuk membimbing dan mempermudah gabungan kedua-dua buah entiti. Jawatankuasa Bertindak dan Pengurusan Pejabat terdiri daripada

The potential synergies of the merger are promising, both for the business and for customers alike.

Potensi daripada sinergi penggabungan ini adalah memberangsangkan bagi perniagaan dan para pelanggan.

were set up to facilitate a smooth and successful integration of the two entities. The Committee and Integration Office comprise leaders and key personnel from TMB, Celcom and TM Cellular, with the Integration Office headed by the Group Chief Executive Officer of Celcom.

Synergies

The potential synergies of the merger are promising, both for the business and for customers alike. Celcom expects to derive significant advantages of scale, revenue enhancements and operating cost savings as a result of the integration. Immediate benefits can be anticipated in areas such as:

a. Customer Base

The combination of Celcom's over two million customers and TM Cellular's over one million customers will put the merged entity in the leading market position in terms of customer base.

b. Network Infrastructure

The merged entity will have an enhanced and expanded network infrastructure affording its customers with the most comprehensive network coverage in the country.

c. Network Quality

Along with an expanded infrastructure, customers will enjoy a higher level of network quality through the rationalization of TM TOUCH's PCN-1800 bandwidth with Celcom's GSM-900 bandwidth.

d. Products and Services

The merged entity will have a comprehensive and expanded stable of products and services.

e. Distribution Network

The merger will expand the distribution network and channels, a key factor in the marketing of the merged entity's products and services.

ketua dan kakitangan penting dari TMB, Celcom dan TM Cellular, dengan Integrasi Pengurusan Pejabat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Celcom.

Sinergi

Potensi daripada sinergi penggabungan ini adalah memberangsangkan bagi perniagaan dan para pelanggan. Celcom dijangka mendapat kelebihan dari segi peningkatan hasil dan penjimatan kos operasi. Faedah segera dijangka diperolehi dalam bidang-bidang seperti:

a. Jumlah Pelanggan

Penggabungan lebih dua juta orang pelanggan Celcom dengan lebih satu juta orang pelanggan TM Cellular akan menjadikan entiti yang bergabung ini sebagai pendahulu pasaran dari segi jumlah pelanggan.

b. Infrastruktur Rangkaian

Penggabungan ini akan menghasilkan infrastruktur rangkaian yang lebih meluas, memberi pelanggan liputan rangkaian yang paling komprehensif di dalam negara.

c. Kualiti Rangkaian

Dengan infrastruktur yang lebih meluas, para pelanggan akan menikmati kualiti rangkaian yang lebih tinggi mengoptimalkan gelombang PCN-1800 TMTouch dan GSM-900 Celcom.

d. Produk dan Perkhidmatan

Penggabungan entiti akan menawarkan produk dan perkhidmatan yang lebih komprehensif dan luas.

e. Rangkaian Pengedaran

Penggabungan ini akan memperluaskan rangkaian pengedaran dan saluran, satu faktor penting di dalam pemasaran produk dan perkhidmatan entiti yang bergabung itu.

...the biggest challenge we face as we strive to successfully combine two entities, is to exceed the expectations of our stakeholders, which include our shareholders, our customers, our employees and business partners.

...cabaran utama yang kita hadapi dalam usaha menyatukan dua entiti tersebut, adalah untuk melampaui jangkaan pemegang amanah kita yang terdiri daripada pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan rakan niaga kita.

f. Talent and Productivity

The merger will enlarge the pool of talent and knowledge, that will make a crucial contribution to our future success.

Challenges

Like in any merger exercise, the biggest challenge we face as we strive to successfully combine two entities, is to exceed the expectations of our stakeholders, which include our shareholders, our customers, our employees and business partners.

While the ultimate goal is to increase shareholder value through creating a larger, stronger and more competitive Celcom Group, we are equally mindful of the critical need to provide a consistently high level of quality, uninterrupted service to our customers.

Where employees are concerned, it is our intention to retain the best of talents, who will ultimately contribute to the future success of the Group. We will therefore see to it that every effort is put in to ensure the welfare of this most important asset of the Company – our employees throughout the process of the integration and beyond.

Financial Performance

Your Company managed to squeak in a small after tax profit of RM32.9 million after the losses of the past years. It is by no means a considerable achievement but will hopefully, mark a turning point in your Company's financial performance.

Group turnover however fell by 6 per cent from RM2.6 billion in 2001 to RM2.4 billion in 2002, mainly because of a decline in the number of subscribers. This decline was in part, due to a clean-up of unprofitable customers. The lower revenue recorded was also reflective of the

f. Keupayaan dan Produktiviti

Penggabungan ini akan memperluaskan keupayaan dan pengetahuan kita, yang memberi sumbangan penting pada kejayaan kita di masa hadapan.

Cabaran

Sepertimana proses penggabungan yang lain, cabaran utama yang kita hadapi dalam usaha menyatukan dua entiti tersebut, adalah untuk melampaui jangkaan pemegang amanah kita yang terdiri daripada pemegang saham, pelanggan, kakitangan dan rakan niaga kita.

Walaupun matlamat utama ialah untuk meningkatkan nilai pemegang saham menerusi pembentukan Kumpulan Celcom yang lebih besar, kukuh dan kompetitif, kita juga sedar tentang betapa perlunya memberi perkhidmatan berkualiti tinggi tanpa gangguan kepada pelanggan kita.

Dari segi kakitangan pula, adalah menjadi hasrat kita untuk mengekalkan mereka yang terbaik, yang akan menyumbang kepada kejayaan Kumpulan pada masa hadapan. Oleh itu, kita akan memastikan agar setiap usaha dilakukan bagi memastikan kebajikan kakitangan, yakni aset terpenting Syarikat – dijaga di sepanjang proses integrasi ini.

Prestasi Kewangan

Syarikat anda berjaya mencatat keuntungan selepas cukai sebanyak RM32.9 juta setelah mengalami kerugian pada tahun-tahun sebelumnya. Ia bukanlah pencapaian yang amat menggalakkan tetapi diharap ia dapat membawa perubahan kepada prestasi kewangan Syarikat.

Pusing ganti Kumpulan turun 6 peratus dari RM2.6 bilion pada 2001 kepada RM2.4 bilion pada 2002, disebabkan pengurangan jumlah pelanggan. Pengurangan ini adalah sebahagian daripada proses menamatkan

The future of Celcom is more promising than ever. The creation of one brand, with the forthcoming integration of TM Cellular, will afford Celcom the benefit of continued brand equity growth even as it optimises the added strength and potential of TM Cellular.

Masa depan Celcom khususnya adalah semakin cerah. Pembentukan satu jenama dengan mengintegrasikan TM Cellular akan memberi manfaat kepada Celcom dari segi perkembangan ekuiti jenama sambil ia mengoptimalkan kekuatan dan potensi TM Cellular.

deconsolidated revenue contribution from Celcom's operations in Tanzania and Bangladesh.

The Group reported a loss before tax of RM98.1 million in 2002, as compared to a loss before tax of RM68.1 million in the preceding year. The higher loss before tax was a result of provisions for impairment of assets and the write-offs of non-GSM plant and equipment.

On a more positive note, operating expenses decreased as a result of a lower provision for bad debts and lower staff costs following a manpower rationalization programme in March 2002.

The Group's cash position improved significantly from RM377 million in 2001 to RM652 million in 2002.

Moving Forward

Despite an uncertain international political and economic environment, the prospects for the Malaysian economy remain good, with bottom-line GDP growth of 4.5 per cent expected.

For the telecommunication industry, the growth prospects are even better. The industry anticipates a double digit growth within the mobile sector over the next three years. According to a report by ING Barings (Malaysia: Asian Telecom Strategy, March 2003), mobile subscriber growth should remain buoyant at a Compounded Annual Growth Rate of 13 percent over Financial Years 2002-2005, even if penetration has reached 36 per cent. In their view, the threat of new entrants in the Malaysian mobile market is extremely low, given the consolidation process that is taking place.

The future of Celcom in particular is more promising than ever. The creation of one brand, with the forthcoming integration of TM

pelanggan-pelanggan yang tidak membawa keuntungan. Hasil yang kurang adalah disebabkan hasil yang tidak terkumpul dari operasi Celcom di Tanzania dan Bangladesh.

Kumpulan mencatat kerugian sebelum cukai sebanyak RM98.1 juta pada 2002, berbanding dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM68.1 juta pada tahun sebelumnya. Kerugian sebelum cukai yang tinggi adalah disebabkan oleh peruntukan bagi aset yang rosak dan melupuskan peralatan dan stesen bukan GSM.

Dari sudut positif, perbelanjaan operasi menurun hasil dari peruntukan rendah terhadap hutang lapuk dan kos kakitangan yang rendah setelah program penyusunan sumber manusia dilakukan pada Mac 2002.

Kumpulan juga melihat kedudukan tunainya yang lebih kukuh daripada RM377 juta pada 2001 kepada RM652 juta pada 2002.

Maju Ke hadapan

Walaupun keadaan ekonomi dan politik antarabangsa tidak menentu, prospek ekonomi Malaysia masih baik, dengan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5 peratus.

Bagi industri telekomunikasi pula, prospek pertumbuhan adalah lebih baik lagi. Industri menjangkakan pertumbuhan dua angka dalam sektor telekomunikasi mudah alih dalam jangka masa tiga tahun akan datang. Menurut laporan ING Barings (Malaysia: Asian Telecom Strategy, Mac 2003), jumlah pelanggan mudah alih akan terus meningkat pada Kadar Pertumbuhan Tahunan sebanyak 13 peratus bagi tahun kewangan 2002-2005, walaupun penggunaan telah mencecah 36 peratus. Menurut lagi, ancaman syarikat-syarikat baru dalam pasaran mudah alih Malaysia adalah rendah, memandangkan proses penggabungan yang sedang berlaku.

I am confident that with the renewed vigour and spirit, Celcom will go on to become a truly significant force in the mobile telecommunications sector.

Saya yakin bahawa dengan semangat dan keazaman baru, Celcom akan menjadi suatu kuasa yang benar-benar berpengaruh dalam sektor telekomunikasi mudah alih.

Cellular, will afford Celcom the benefit of continued brand equity growth even as it optimises the added strength and potential of TM Cellular.

Indeed, upon the successful integration of the two companies, your Company can look forward to maximizing the potential of an enlarged Celcom group and ultimately create better value for shareholders.

On that positive note, I would like to assure all valued shareholders and stakeholders that your Company has embarked on a journey to rejuvenate and revitalize even as it prepares to fully integrate with TM Cellular to eventually become a larger and stronger entity. I am confident that with the renewed vigour and spirit, Celcom will go on to become a truly significant force in the mobile telecommunications sector.

Appreciation

In closing, I would like to place on record my appreciation to the Company's shareholders, our valued customers, employees and business partners, without whose support, the Company would not have been able to successfully ride the many changes, overcome the challenges and achieved the many successes in the past year.

I also wish to record a special word of thanks and appreciation to my fellow members of the board. Their hard work and commitment have seen the Company through some of the most challenging moments. I am grateful to them for their support and encouragement.

Masa depan Celcom khususnya adalah semakin cerah. Pembentukan satu jenama dengan mengintegrasikan TM Cellular akan memberi manfaat kepada Celcom dari segi perkembangan ekuiti jenama sambil ia mengoptimumkan kekuatan dan potensi TM Cellular.

Sudah tentu dengan berjayanya integrasi kedua Syarikat nanti, Syarikat anda akan dapat memaksimumkan potensi kumpulan Celcom yang lebih besar dan seterusnya memberi nilai lebih baik kepada pemegang-pemegang saham.

Justera itu, saya ingin meyakinkan semua pemegang saham dan pemegang amanah yang dihargai bahawa Syarikat anda telah mengorak langkah untuk menyuntik semangat baru disamping ia bersiap-sedia untuk bergabung dengan TM Cellular dan menjadi sebuah entiti yang lebih besar dan kukuh. Saya yakin bahawa dengan semangat dan keazaman baru, Celcom akan menjadi suatu kuasa yang benar-benar berpengaruh dalam sektor telekomunikasi mudah alih.


Penghargaan

Akhir kata, saya ingin memberi penghargaan yang tinggi kepada pemegang-pemegang saham Syarikat, para pelanggan kita, kakitangan dan rakan kongsi kita, yang mana tanpa sokongan mereka, Syarikat tidak akan dapat melalui perubahan, menangani cabaran serta mengecapi banyak pencapaian di sepanjang tahun lalu.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada semua ahli Lembaga Pengarah. Usaha keras dan komitmen mereka kepada Syarikat telah berjaya membawa Celcom melalui beberapa detik yang sukar. Saya amat terhutang budi di atas sokongan dan galakan mereka.

Finally but not lastly, my gratitude goes to all relevant authorities, the Ministry of Energy, Communications and Multimedia, the Malaysian Commission of Multimedia and Communication, the Kuala Lumpur Stock Exchange, the Securities Commission, government departments and all other agencies as well as members of the media for their support, co-operation and understanding all of which helped to contribute to the growth and development of Celcom.

Tidak ketinggalan juga, setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua pihak berkuasa yang berkenaan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia, Bursa Saham Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti dan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan termasuk pihak media di atas sokongan, kerjasama dan timbang rasa mereka yang membantu pertumbuhan dan perkembangan Celcom.



Dato' Dr. Mohd Munir bin Abdul Majid
Chairman
Pengerusi



OPERATIONS REVIEW ULASAN OPERASI

OPERATIONS REVIEW

ULASAN OPERASI

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas



The impending business intergration of Celcom and TM Cellular Sdn Bhd will, at a stroke, propel Celcom to the forefront of the mobile communications industry in terms of network coverage, capacity and customer base. We will leverage the power of two networks to reclaim supremacy in the market, and work towards a unified brand with a refreshed and revitalised spirit, to become the most dynamic mobile communications force in the country.

Penggabungan perniagaan di antara Celcom dan TM Cellular Sdn Bhd yang bakal berlaku, secara langsung akan menggerakkan Celcom ke hadapan di dalam industri komunikasi mudah-alih dari segi liputan rangkaian, kapasiti dan jumlah pelanggan. Kita akan menggunakan kelebihan kekuatan kedua-dua rangkaian yang disatukan ini untuk menguasai semula pasaran, dan berusaha ke arah suatu jenama yang disatukan dengan semangat yang segar dan kembali bertenaga, bagi menjadi kuasa komunikasi mudah-alih yang paling dinamik di dalam negara.

In 2002, Celcom turned a chapter and made a new beginning, with a vision to become the finest enterprise in the country.

Despite the many challenges and changes during the year, I am delighted to say that 2002 saw your Company take the first steps towards realising its vision. We put strategies in place to enable us to compete more effectively in the market. We began to turn the tide back from managing customer complaints to delighting customers. More significantly, we started to rebuild our brand and refresh our image to project a more energetic and vibrant Celcom.

We introduced imaginative and customer-focused product packages that transformed the dynamics of the market. We segmented and positioned our products and services to match the needs and aspirations of our customers. To achieve operational and cost efficiencies, we have started to review and revamp our systems and processes. By improving efficiencies, we will further maximise stakeholder value, increase revenue and reduce cost.

We continue to recognise that people are our most important asset. Hence, we will continue to energise them by clearly communicating our new goals and directions and rewarding performance and achievement. In the same way, we will nurture our business partners by sharing with them our long-term goals so that we may achieve mutual success.

Pada tahun 2002, Celcom membuka suatu lembaran serta mengorak langkah baru, dengan satu visi untuk menjadi syarikat terbaik di dalam negara.

Biarpun banyak cabaran dan perubahan sepanjang tahun, saya amat berbangga untuk menyatakan 2002 memperlihatkan Syarikat anda mengambil langkah pertama untuk merealisasikan visinya. Kita menangka strategi yang berkesan untuk membolehkan kita bersaing secara lebih efektif di dalam pasaran. Kita mula mengubah arus dari mengurus aduan pelanggan kepada memenuhi kehendak pelanggan. Lebih penting, kita mula membangunkan semula jenama kita dan memulihkan imej kita untuk memperlihatkan Celcom yang lebih bertenaga dan bersemangat.

Kita memperkenalkan pakej produk yang imaginatif dan fokus-pelanggan yang mana mengubah dinamik pasaran. Kita membahagi dan meletakkan produk dan perkhidmatan kita pagi memandakannya dengan keperluan dan aspirasi pelanggan kita. Untuk mencapai kecekapan operasi dan kos, kita telah mula membaik pulih sistem dan proses kerja kita. Dengan meningkatkan kecekapan, kita akan dapat memaksimumkan nilai pemegang amanah, meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos.

Kita sentiasa sedar bahawa sumber manusia adalah aset yang paling penting. Dengan demikian, kita akan terus memberi semangat kepada mereka dengan menyampaikan matlamat dan arah tuju kita yang baru secara jelas, dan menghargai kejayaan dan pencapaian. Pada masa yang sama, kita akan memupuk rakan niaga kita dengan berkongsi matlamat jangka panjang kita, supaya kita boleh mencapai kejayaan bersama.

The Celcom brand symbolises the spirit of freedom, aspiration, confidence, dynamism, timelessness, universality and globalism.

Jenama Celcom melambangkan semangat kebebasan, aspirasi, keyakinan, dinamisme, kesejagatan dan globalisme tanpa mengira batasan masa.

Corporate Planning & Strategy

The proposed acquisition of TM Cellular is in line with Celcom's aim of becoming Malaysia's premier mobile communications company. Nonetheless, the merger exercise remains the biggest outstanding risk that Celcom has to conscientiously mitigate over the next two years. It is therefore essential that areas such as customer care, service delivery, network and infrastructure and human resources are meticulously reviewed to ensure the successful implementation of the integration exercise, with minimal disruption to our day-to-day operations, or to the confidence of our customers and stakeholders.

To facilitate the successful business integration of Celcom and TM Cellular, the Company has ensured that all the necessary integration plans are in place and ready to be implemented. Celcom and TM Cellular have been working in close collaboration to formulate unified strategies including a financial model and a corporate structure for the integrated entity.

The integration of Celcom and TM Cellular is targeted to be completed by the first quarter of 2003, while Phase 1 of the operational integration of the two entities under a unified management team is expected to be implemented by the third quarter.

Marketing

Recognising the diverse lifestyles of prepaid customers, Celcom launched three new uniquely designed prepaid packages in November 2002. Xcel, Xceed and Xplore offer prepaid customers, for the first time ever, distinct choices to meet their individual communication needs. Combining innovation with competitive pricing, these packages

Perancangan Korporat dan Strategi

Pembelian TM Cellular yang dicadangkan adalah selaras dengan matlamat Celcom untuk menjadi peneraju syarikat komunikasi mudah alih di Malaysia. Namun demikian, penggabungan tersebut terus menjadi risiko terbesar yang mana Celcom perlu menanganinya dalam tempoh dua tahun akan datang. Dengan itu, adalah penting bagi bahagian seperti khidmat pelanggan, penyampaian perkhidmatan, rangkaian dan infrastruktur dan sumber tenaga manusia dikaji semula secara teliti untuk memastikan kejayaan pelaksanaan integrasi, dengan gangguan yang minimum kepada operasi seharian atau kepada keyakinan pelanggan dan pemegang saham kita.


Bagi mempermudah kejayaan integrasi perniagaan Celcom dan TM Cellular, Syarikat telah memastikan bahawa segala rancangan integrasi berjalan lancar dan sedia untuk dilaksanakan. Celcom dan TM Cellular telah bekerjasama rapat untuk merumuskan strategi kerjasama termasuk satu model kewangan dan struktur korporat bagi entiti integrasi tersebut.

Integrasi Celcom dan TM Cellular ini didasarkan untuk siap di dalam suku pertama 2003, sementara Fasa 1 operasi integrasi dua entiti di bawah satu pasukan pengurusan dijangka dilaksanakan pada suku ketiga.

Pemasaran

Dengan mengenal pasti pelbagai gaya hidup para pelanggan pra-bayar, Celcom melancarkan tiga pakej pra-bayar baru yang direkabentuk unik pada November 2002. Buat pertama kalinya, Xcel, Xceed dan Xplore menawarkan para pelanggan pra-bayar pilihan yang nyata dalam memenuhi keperluan komunikasi individu mereka. Menggabungkan inovasi dengan harga yang kompetitif, pakej-pakej ini memberi semangat baru kepada pelbagai produk Celcom. Tiga pakej ini bertujuan untuk menawan





Providing a consistently high level of network quality and performance is an integral part of our efforts to delight our customers. Hence the continual investment in our network management facilities.

Penyediaan kualiti dan prestasi rangkaian yang bermutu tinggi adalah merupakan usaha penting kami dalam memenuhi kehendak pelanggan. Oleh itu, pelaburan dalam kemudahan pengurusan rangkaian akan kami teruskan.



We aim to make Celcom a truly global Malaysian brand. We aim to serve the myriad needs of our customers who come from all walks of life.

Kami berusaha untuk menjadikan Celcom suatu jenama Malaysia yang bertaraf dunia. Kami akan memenuhi pelbagai kehendak pelanggan-pelanggan kami yang terdiri dari setiap golongan masyarakat.

represent a major rejuvenation of Celcom's product range. The three packages aim to capture premium and high growth customers, to attract mass market customers, and to regain lost customers.

In addition, Celcom initiated a series of highly effective marketing strategies in 2002, including closing business deals expeditiously with major corporations and institutions; working closely with strategic business partners; garnering dealers' support and commitment; implementing customer loyalty and retention plans and further penetrating the commercial and government sectors.

International Business and Ventures

In September 2002, Celcom established a new division called Group International Business and Ventures to drive all businesses related to ventures and consultancy, roaming and carrier & wholesale activities.

The division principally evaluates investment proposals and establishes new ventures; manages, protects and enhances Celcom's investments outside the country as well as provides consultancy services for such ventures. The division also establishes and manages the Company's agreements; markets and sells domestic and international roaming services to inbound and outbound roamers and develops value added services to enhance roaming facilities. Roaming will not only provide Celcom with a lucrative revenue stream; it will build both brand equity and global presence. Carrier & Wholesale in turn involves tailoring, carrying and wholesaling service bundles to intermediaries to expand the Company's market.

pelanggan premium dan hasil tinggi, menarik pelanggan di pasaran awam dan mendapatkan semula pelanggan yang telah beralih. Selain dari itu, Celcom telah merintis berbagai siri strategi pemasaran yang amat berkesan pada tahun 2002, termasuk menyempurnakan sebarang urusan perniagaan dengan syarikat korporat utama dan institusi; berkerjasama dengan rakan kongsi yang strategik, meningkat sokongan dan komitmen pengedar, melaksanakan kesetiaan pelanggan dan rancangan pengekalan dan menembusi sektor komersil dan kerajaan.

Perniagaan Antarabangsa dan Usaha Niaga

Pada September 2002, Celcom memperkenalkan satu bahagian baru yang dinamakan Perniagaan Antarabangsa dan Usaha Niaga Kumpulan untuk menggerakkan semua perniagaan yang berkaitan dengan usaha niaga dan perundingan, perantauan dan pengendali dan borongan.

Bahagian tersebut menekankan penilaian cadangan pelaburan dan pewujudan usaha niaga baru; pengurusan, perlindungan dan meningkatkan pelaburan Celcom di luar negara dan juga menyediakan perkhidmatan perundingan bagi urusan niaga yang berkenaan. Bahagian tersebut juga menyediakan dan menguruskan perjanjian-perjanjian syarikat; memasarkan dan menjual perkhidmatan perantauan tempatan dan antarabangsa kepada perantauan dalam dan luar sempadan; dan membangunkan perkhidmatan tambah nilai untuk meningkatkan kemudahan perantauan. Perantauan bukan sahaja memberi Celcom aliran pendapatan yang sangat menguntungkan, malahan ia akan membangunkan ekuiti jenama dan memperkenalkannya di peringkat global. Perkhidmatan Pengendali dan Borongan pula terlibat dalam menghubungkan dan

We continue to lead the industry in product innovation.

Kami terus menerajui industri di dalam inovasi produk.



Customer Care & Service

In line with Celcom's customer care philosophy of 'Keeping the Customer Satisfied', a series of initiatives was implemented in 2002, focusing on processes, systems and above all people. During the year, the Company embarked on training interventions designed to enable Celcom to deliver a higher level of service to customers. Through the introduction of specialised training programmes, Celcom is driving its customer interfacing units towards a culture of service excellence. An Integrated Customer Care System (ICCS), which speeds up the handling of enquiries and complaints and allows Celcom to proactively interact with customers was also introduced.

Meanwhile, the Customer Relationship Management System (CRMS) proved invaluable in enabling Celcom to better understand its customers' profiles and behaviour, and to run highly successful anti-attrition campaigns for its GSM Postpaid and Prepaid products. The Company continues to deploy more powerful CRMS tools, to give customers greater value.

Network

A resilient and reliable network is fundamental to Celcom's ability to delight its customers. In 2002, the Company added 230 more GSM base stations, bringing the nationwide total to 1,942. Celcom's transport network also increased, while its fibre optic infrastructure and its microwave network continued to expand rapidly.

During the year, the Company made selective investments in technology with good potential; and successfully installed a new system to make its network GPRS-ready. At the same time, the Company continued to work at optimising the network to provide customers with better network quality.

pengkhususan perkhidmatan pengendali dan borongan kepada orang tengah bagi memperluaskan pasaran Syarikat.

Perkhidmatan Dan Khidmat Pelanggan

Selaras dengan falsafah khidmat pelanggan Celcom untuk "Terus Memenuhi Kehendak Pelanggan", pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2002, yang tertumpu kepada pelbagai pemprosesan, sistem dan yang paling utama sumber manusia. Sepanjang tahun, Syarikat menjalankan latihan yang bertujuan untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan. Melalui pengenalan kepada program latihan khas, Celcom menjana unit berhadapan dengan pelanggan ke arah satu budaya khidmat cemerlang. *Integrated Customer Care System (ICCS)* yang mempercepatkan pengurusan pertanyaan dan aduan dan membolehkan Celcom berinteraksi dengan pelanggan secara proaktif turut diperkenalkan.

Sementara itu, *Customer Relationship Management System (CRMS)* terbukti amat penting bagi membolehkan Celcom memahami profil dan tabiat para pelanggannya, dan melaksanakan kempen anti-penggeseran yang sangat berkesan untuk produk-produk pos-bayar dan pra-bayar GSM. Syarikat terus menggunakan peralatan CRMS yang lebih berkesan untuk memberi pelanggan nilai yang lebih baik.

Rangkaian

Satu rangkaian yang teguh dan berkesan amat penting kepada keupayaan Celcom untuk memenuhi kehendak para pelanggannya. Pada 2002, Syarikat menambah 230 lagi stesen pusat GSM, menjadikannya jumlah kesemua 1,942 di seluruh negara. Rangkaian pengangkutan Celcom juga meningkat, sementara infrastruktur gentian optik dan rangkaian gelombang mikro terus berkembang secara pesat.

Sepanjang tahun, Syarikat telah membuat pelaburan teknologi terpilih



Our international roaming service serves 82 countries across 6 continents.

Perkhidmatan perantauan antara-bangsa kami kini boleh didapati di 82 negara merentasi 6 benua.

In the third quarter, the Company initiated discussions on the integration of its network with TM Cellular. The ultimate aim is to synergise the two companies networks in order to achieve a single high quality and cost effective network. As network integration progresses there will be savings for the Company and customers enjoy the benefits of a larger network. The Company has successfully achieved seamless domestic roaming across Celcom and TM Cellular networks in selected areas. Domestic roaming optimises both networks' bandwidth capacity and, by reducing system congestion, delivers wider coverage and better network quality to customers.

The integration of the two networks will take centre stage in 2003. Network integration will be implemented in stages, with meticulous planning to ensure a smooth migration experience for customers. In 2003, the Company will also continue to expand the network to cater for the expected increase in required capacity.

Products

Celcom continues to lead the industry in product innovation; and in 2002 Celcom's products became more

yang berpotensi baik; dan telah berjaya memasang satu sistem baru bagi menyediakan rangkaian GPRS. Pada masa yang sama, Syarikat meneruskan usaha untuk mengoptimumkan rangkaian bagi memberi kualiti rangkaian yang lebih baik kepada pelanggan.

Di dalam suku ketiga, Syarikat telah mengadakan perbincangan bagi mengintegrasikan rangkaian dengan TM Cellular. Matlamat utama ialah untuk proses sinergi kedua-dua rangkaian Syarikat bagi mencapai rangkaian tunggal bermutu tinggi dan efektif dari segi kos. Sambil gabungan rangkaian dijalankan, ia akan menghasilkan penjimatan untuk Syarikat dan pelanggan mendapat manfaat dari rangkaian yang lebih besar. Syarikat telah berjaya mencapai perantauan tempatan di antara rangkaian Celcom dan TM Cellular di beberapa tempat tertentu. Perantauan tempatan mengoptimumkan kapasiti kedua-dua gelombang rangkaian dan dengan mengurangkan kesesakan sistem, memberikan liputan yang lebih luas dan bermutu tinggi kepada para pelanggan.

Integrasi kedua-dua rangkaian akan diutamakan pada 2003. Integrasi rangkaian akan dilaksanakan berperingkat-peringkat, dengan perancangan yang teliti bagi memastikan para pelanggan mengalami perpindahan yang lancar. Pada 2003, Syarikat akan terus memperluaskan rangkaian bagi memenuhi jangkaan peningkatan kapasiti yang diperlukan.

Produk

Celcom terus menerajui industri di dalam inovasi produk; dan pada 2002 produk Celcom semakin inovatif dan fokus-pelanggan. Di samping memperkenalkan tiga pakej pra-bayar baru, Syarikat juga menawarkan produk inovatif yang lain seperti MSN Mobile Hotmail yang membolehkan pengguna menerima e-mel melalui telefon mudah-alih mereka.

innovative and customer-focused than ever. In addition to introducing three new prepaid packages, the Company introduced other innovative product offerings such as MSN Mobile Hotmail, which enables mobile phone users to receive e-mails via their mobile phones.

Another innovation was Celcom's Unified Messaging Service. This service gives customers access to all their messages, whatever the format, via whatever communications device they are using. In 2002, Celcom also became the first Malaysian communications company to offer Chinese content SMS. In addition, Celcom successfully introduced, on a trial basis, both Multimedia Messaging Service (MMS) and General Packet Radio Service (GPRS).

To delight customers and further bridge the digital divide, Celcom will continue to be aggressive in introducing meaningful products and services; and already has a series of advanced business mobile communications solutions and products in the pipeline. The Company will make extensive use of market research to ensure that the products, contents and services it develops meet real customer needs and desires.

With the imminent merger of the businesses of Celcom and TM Cellular, 2003 will see a pooling of resources to achieve economies of scale which will boost our competitive edge in an increasingly saturated market. Celcom will continue to upgrade systems and equipment to cater to an increased customer base.

Branding

We are building a brand that symbolizes the spirit of freedom, aspiration, confidence, dynamism, timelessness, universality and

Satu lagi inovasi adalah Perkhidmatan Penyatuan Mesej Celcom. Perkhidmatan ini membolehkan para pelanggan membaca semua mesej mereka, dalam apa jua format, melalui internet. Pada 2002, Celcom juga menjadi Syarikat telekomunikasi pertama di Malaysia yang menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) dalam bahasa Cina. Sebagai tambahan, Celcom telah berjaya memperkenalkan, secara percubaan, kedua-dua Perkhidmatan Pesanan Multimedia (MMS) dan Perkhidmatan Radio Paket Awam (GPRS).

Bagi menyenangkan para pelanggan dan merapat jurang digital, Celcom akan terus agresif di dalam memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang bermakna; dan akan mempunyai siri penyelesaian dan produk komunikasi mudah-alih perniagaan termaju yang akan diperkenalkan nanti. Syarikat akan menggunakan secara luas penyelidikan pasaran bagi memastikan semua produk, kandungan dan perkhidmatan yang dibangunkan memenuhi keperluan dan keinginan pelanggan sebenarnya.

Dengan penggabungan perniagaan Celcom dan TM Cellular yang bakal menjelang, 2003 akan menyaksikan penggabungan sumber untuk mencapai ekonomi bidangan yang akan menggalakkan kemampuan kita untuk bersaing di dalam pasaran yang semakin sengit. Celcom akan terus menaiktaraf sistem dan kelengkapan untuk memenuhi keperluan jumlah pelanggan yang semakin meningkat.

Jenama

Celcom sedang membina satu jenama yang melambangkan semangat kebebasan, aspirasi, keyakinan, dinamisme, kesejagatan dan globalisme tanpa mengira batasan masa. Sepanjang tahun, Syarikat berjaya meletakkan Celcom sebagai penyedia sistem penyelesaian mudah-alih terulung di Malaysia: satu Syarikat yang berusaha



We aim to delight our customers by introducing meaningful products and services. We aim to delight them in every aspect of our services.

Kami berusaha ke arah memenuhi kehendak pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang bermakna buat mereka. Kami akan memberi yang terbaik dalam setiap aspek perniagaan kami.

globalism. During the year, the Company successfully repositioned Celcom as Malaysia's premier mobility solutions provider: a Company that strives to enhance the quality of life of every man, woman and child by empowering them with the liberating flexibility of mobile communications. Celcom seeks to enable its customers to become citizens of the world by removing the barriers of distance, time and geographical boundaries.

However, the revitalisation of the brand is not just about repositioning. It is about building an identity that pervades every element of the business – the management and staff, its products and services and its systems and processes – so that eventually the brand promise will be expressed in everything the Company does.

In 2003 the Company's priorities will be to build brand equity; communicate the compelling reasons that make Celcom a preferred brand of choice; project Celcom as a company that gives consumers the freedom to choose the way they get into mobile and grow a brand position that appeals to the mass market.

Human Resources

The Company is committed to building its people into a single, talented, dedicated team united and focused around a common vision. This involves managing organisational learning, succession planning, talent management, and performance-based recognition and reward, in order to harness the employees' true potential and propel Celcom to greater heights.

Following the initial phase of Reinventing Celcom, in December 2001, the Company initiated a Manpower Rationalisation Programme (MRP). The second phase of the MRP was offered in April 2002 and was accepted by over 40 per cent of the workforce. Following the MRP, Celcom's first priority was to close the resulting critical functional competency gaps by introducing structured training programmes.

To support the Company's long-term objective of becoming a model employer, an E-Learning programme aimed at cultivating a new learning culture and continually increasing the population of knowledgeable workers in Celcom was launched. With knowledge fast becoming the most critical factor in achieving high levels of productivity and competitiveness, the Company also embarked on a knowledge management initiative to harness the organisation's intellectual capital. The

meningkatkan mutu kehidupan setiap insan lelaki, wanita dan kanak-kanak dengan memberi kelebihan kepada mereka melalui kebebasan fleksibiliti komunikasi mudah-alih. Celcom berhasrat membolehkan para pelanggannya menjadi warganegara dunia dengan merentasi halangan jarak, masa dan sempadan geografi.

Walau bagaimanapun, untuk menggiat semula jenama bukan semata-mata mengenai posisi semula. Ia mengenai pembinaan satu identiti yang meresap ke dalam setiap – pengurusan dan kakitangan, produk dan perkhidmatan dan sistem serta proses kerja – agar akhirnya jenama tersebut dapat dijemakan di dalam semua perkara yang dilakukan oleh Syarikat.

Pada 2003, keutamaan Syarikat adalah untuk membina ekuiti jenama; menyebarkan maklumat yang menjadikan Celcom jenama pilihan, memperlihatkan Celcom sebagai Syarikat yang memberi para pelanggan kebebasan untuk memilih cara mereka menggunakan sistem mudah-alih dan mengembangkan posisi jenama yang menarik di pasaran umum.

Sumber Tenaga Manusia

Syarikat komited untuk membina kakitangan Celcom sebagai satu pasukan yang berbakat, pasukan berdedikasi yang bersatu dan fokus kepada visi yang sama. Ini termasuk menguruskan pembelajaran organisasi, perancangan pewaris, pengurusan bakat, dan pengiktirafan dan ganjaran berdasarkan prestasi, bagi memperkukuhkan potensi sebenar pekerja dan menggerakkan Celcom ke peringkat yang lebih tinggi.

Berikutan dengan fasa pertama pembentukan semula Celcom, dalam bulan Disember 2001, Syarikat telah memulakan Program Memperkembangkan Sumber Manusia (MRP). Fasa kedua (MRP) ditawarkan pada bulan April 2002 dan diterima oleh lebih 40 peratus tenaga kerja. Berikutan dengan MRP, Celcom merapatkan jurang fungsi kebolehan yang kritikal dengan memperkenalkan program latihan yang distrukturkan.

Bagi menyokong objektif jangka panjang Syarikat untuk menjadi majikan model, satu program E-pembelajaran yang menumpukan kepada menanam budaya pembelajaran baru dan sentiasa menambah populasi pekerja yang berpengetahuan di Celcom telah dilancarkan. Disebabkan pengetahuan menjadi faktor utama di dalam mencapai tahap produktiviti dan daya saing yang tinggi. Syarikat juga menumpu kepada inisiatif pengurusan pengetahuan bagi memperkukuhkan modal intelektual organisasi. Inisiatif itu yang dikenali sebagai projek K-Celcom, memupuk budaya penciptaan, pemerolehan dan perkongsian pengetahuan.

Dengan penggabungan perniagaan di antara Celcom dan TM Cellular yang akan datang, integrasi budaya adalah amat penting dan Bahagian Sumber Manusia Syarikat akan memainkan peranan penting di dalam memudahkan dan



initiative known as the K-Celcom project, aims to foster a culture of knowledge creation, acquisition and sharing.

With the impending business merger of Celcom and TM Cellular, cultural integration will be of vital importance and the Company's Human Resource Division will play a key role in easing and accelerating the process, so as to enable the merged operations to focus on achieving its goals.

Information Technology

In 2002, the Company undertook a major review of its IT and billing processes so as to minimize revenue leakage, increase revenue collection and prevent fraud. The Company also took steps to stabilize its billing system and enhance reporting services to support Celcom's marketing and planning functions.

In 2003, Celcom will strive to enhance the billing system to better serve customers. This will involve upgrading the system and introducing a dealer's portal enabling dealers to carry out customer acquisition functions.

Quality

2002 was a year of achievement. Surveys conducted by the Malaysian Commission of Multimedia and Communication (MCMC) indicated a continual improvement in Celcom's Customer Satisfaction Index score, from 6.74 in the first quarter to 7.38, which is above the industry average, in the fourth quarter. In an independent testing done by the MCMC to determine network quality, Celcom led in several areas in both static and drive tests.

mempercepatkan proses tersebut, supaya membolehkan operasi yang digabungkan itu dapat memfokus kepada pencapaian matlamatnya.

Teknologi Maklumat

Pada 2002, Syarikat mengkaji secara teliti proses-proses IT dan bil bagi meminimumkan kehilangan pendapatan, meningkatkan kutipan pendapatan dan menghalang penipuan. Syarikat juga mengambil langkah-langkah untuk menstabilkan sistem dan meningkatkan perkhidmatan laporan bagi menyokong fungsi pasaran dan perancangan Celcom.

Pada 2003, Celcom akan terus meningkatkan sistem bil untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada para pelanggan. Ini akan melibatkan peningkatan sistem dan memperkenalkan portal pengedar yang membolehkan para pengedar menjalankan fungsi pemerolehan pelanggan.

Kualiti

Pencapaian tahun 2002 adalah memberangsangkan. Soal selidik yang dijalankan oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (MCMC) menunjukkan Celcom terus memperbaiki mata Indeks Kepuasan Pelanggannya dari 6.74 pada suku pertama kepada 7.38, mengatasi purata industri, pada suku keempat. Sebagai tambahan, di dalam ujian bebas yang dijalankan oleh MCMC untuk menentukan mutu rangkaian, Celcom mendahului di dalam kedua-dua ujian statik dan penggunaan.

Pada Bulan Mei 2002, Celcom melaksanakan program Enam Sigma. Enam Sigma ialah cara yang telah dicuba dan diuji untuk meningkatkan kedua-dua kecekapan kerja berkumpulan dan operasi dengan menetapkan matlamat yang boleh diukur dan di capai dan menyediakan sistem dan proses-proses di dalam mencapai kejayaan dengan mudah. Tentunya faedah muktamad adalah mutu dan produktiviti yang lebih tinggi di seluruh organisasi, dengan penjimatan kos yang signifikan.

In May 2002, Celcom embarked on a Six Sigma Programme. Six Sigma is a tried and tested means of boosting both teamwork and operational efficiency by setting measurable and achievable goals and putting in place the systems and processes to facilitate success. The ultimate benefits should be higher quality and greater productivity throughout the organisation, as well as significant cost savings.

Conclusion

Though we have already taken the first steps to strengthen the Company, much remains to be done. For the year ahead, we have four key priorities.

First, we will build a strong brand and a powerful market position from which to expand domestic and international access, achieve efficiencies of scale and scope, boost our revenue streams and compete effectively in our chosen markets. Second, we will deploy a solid marketing strategy to promote our full range of products and services. Third, we will instil total dedication to customer care and service that will be distinctly experienced at all customer touch points. Fourth, we will empower our people, develop a team spirit and cultivate shared values, and ultimately build a culture of excellence.

I believe that this approach will enable us to win in the market; to delight our customers with affordable, innovative and attractive products and services; and to sustain profitable and long-term growth so as to give our shareholders the financial returns they rightly deserve.



Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas
Group Chief Executive Officer
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Kesimpulan

Walaupun kita sudah mengambil langkah pertama bagi mengukuhkan Syarikat, masih banyak yang perlu dilakukan. Untuk tahun berikutnya, kita mempunyai empat keutamaan penting.

Pertama, kita akan membangunkan suatu jenama yang kuat dan berkedudukan di pasaran yang mana bagi memperluaskan capaian tempatan dan antarabangsa, mencapai kecekapan dari segi skala dan skop, menggalakkan aliran pendapatan kita dan bersaing secara berkesan di dalam pasaran yang kita pilih. Kedua, kita akan mengatur strategi pemasaran yang teguh bagi mempromosi kesemua produk dan perkhidmatan kita. Ketiga, kita akan memupuk dedikasi di dalam penjagaan dan perkhidmatan dan khimat pelanggan yang boleh dialami dengan sungguh berkesan di kesemua pusat pelanggan. Keempat, kita akan menggiatkan kakitangan kita, membangunkan semangat berpasukan dan memupuk nilai-nilai bersama dan seterusnya membina satu budaya kecemerlangan.


Saya percaya pendekatan ini akan membolehkan kita berjaya di dalam pasaran, memenuhi kehendak pelanggan kita dengan produk dan perkhidmatan yang berkemampuan, inovatif dan menarik; dan terus mendapat keuntungan dan pertumbuhan jangka panjang agar dapat memberi pulangan kewangan yang sewajarnya kepada para pemegang saham kita.

FINANCIAL HIGHLIGHTS

PENCAPAIAN KEWANGAN

Group Turnover Perolehan Kumpulan


RM Million



Earnings Before Exceptional Items, Finance Cost, Tax, Depreciation and Amortisation

Keuntungan Sebelum Butiran Terkecuali,
Kos Kewangan, Cukai, Susut Nilai dan
Perlunasan


RM Million



Group Shareholders' Fund


Dana Pemegang Saham
Kumpulan

RM Million

**Group Total Assets**


Jumlah Aset Kumpulan

RM Million

**Group Paid-up Capital**

Modal Berbayar Kumpulan

RM Million



FIVE YEARS GROUP FINANCIAL DATA

Income Statement Data

	2002 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Turnover	2,400,810	2,558,765	2,121,829	1,701,449	1,779,835
Operating Profit/(Loss) Before Exceptional Items	61,609	54,570	(30,536)	(232,030)	22,692
Exceptional Items	(166,129)	(82,115)	—	(320,668)	(5,249)
Share of profit/(loss) of Associated Companies	6,452	(16,205)	711	501	(593)
(Loss)/Profit Before Taxation	(98,068)	(43,750)	(29,825)	(552,197)	16,850
Profit/(loss) After Taxation & Minority Interests	32,931	(62,200)	(77,501)	(603,650)	(53,460)
Finance Cost-Net	150,609	307,921	355,095	141,087	155,372
Depreciation & Amortisation	759,370	690,652	616,484	491,445	403,987
EBITDA *	971,588	1,053,143	941,043	400,502	582,051
Gross (Loss)/Earnings Per Share (sen) * *	(4.94)	(2.21)	(1.50)	(27.84)	0.85
(Loss)/Earnings Per Share (sen) * * *	1.66	(3.14)	(3.91)	(30.43)	(2.70)
Dividend Per Share (sen)	—	—	—	—	2

* Earnings before exceptional items, finance cost-net, tax, depreciation and amortisation.

* * Profit/(Loss) before taxation but after exceptional items and share of profit/(loss) of associated companies over number of shares in issue.

* * * Profit/(Loss) after taxation, exceptional items and minority interest over number of shares in issue.

Balance Sheet Data

	2002 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Shareholders' Fund	1,427,017	(191,977)	(131,872)	(54,371)	552,307
Paid-up Share Capital	1,983,649	500,000	500,000	500,000	500,000
Net Tangible Assets	1,427,017	(197,111)	(138,285)	(81,039)	510,160
Net Current (Liabilities)/Assets	(39,493)	(2,927,827)	(625,836)	(2,911,544)	(2,021,907)
Total Assets	4,401,904	5,046,207	5,464,153	5,188,541	5,679,494
Fixed Assets-Net	3,344,000	4,192,483	4,339,213	4,212,867	4,041,077
Capital Expenditures	267,882	743,524	723,499	663,383	925,596
Long Term Debts	1,740,519	1,189,256	3,489,134	1,059,364	1,247,968
Debts Equity Ratio	1.31	(20.04)	(31.52)	(66.45)	6.49
Net Tangible Assets Per Share (RM)	0.72	(0.39)	(0.28)	(0.16)	1.02

DATA KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

Data Penyata Pendapatan

	2002 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Perolehan	2,400,810	2,558,765	2,121,829	1,701,449	1,779,835
Keuntungan/(Kerugian) Operasi					
Sebelum Butiran Terkecuali	61,609	54,570	(30,536)	(232,030)	22,692
Butiran Terkecuali	(166,129)	(82,115)	—	(320,668)	(5,249)
Perkongsian keuntungan/ (kerugian) syarikat bersekutu	6,452	(16,205)	711	501	(593)
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai	(98,068)	(43,750)	(29,825)	(552,197)	16,850
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai					
Kepentingan Minoriti	32,931	(62,200)	(77,501)	(603,650)	(53,460)
Kos Kewangan-Bersih	150,609	307,921	355,095	141,087	155,372
Susutnilai & Perlunasan	759,370	690,652	616,484	491,445	403,987
EBITDA *	971,588	1,053,143	941,043	400,502	582,051
(Kerugian)/Keuntungan Kasar Sesaham (sen) * *	(4.94)	(2.21)	(1.50)	(27.84)	0.85
(Kerugian)/Keuntungan Pendapatan Sesaham (sen) * * *	1.66	(3.14)	(3.91)	(30.43)	(2.70)
Dividen Sesaham (sen)	—	—	—	—	2

* Keuntungan sebelum butiran terkecuali, kos kewangan-bersih, cukai, susutnilai dan perlunasan.

* * Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai, selepas butiran terkecuali dan bahagian keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu atas jumlah terbitan saham.

* * * Keuntungan/(Kerugian) selepas cukai, butiran terkecuali dan kepentingan minoriti atas jumlah terbitan saham.

Data Lembaran Imbangan

	2002 RM'000	2001 RM'000	2000 RM'000	1999 RM'000	1998 RM'000
Dana Pemegang Saham	1,427,017	(191,977)	(131,872)	(54,371)	552,307
Modal Saham	1,983,649	500,000	500,000	500,000	500,000
Aset Ketara Bersih	1,427,017	(197,111)	(138,285)	(81,039)	510,160
(Liabiliti)/Aset Semasa Bersih	(39,493)	(2,927,827)	(625,836)	(2,911,544)	(2,021,907)
Jumlah Aset	4,401,904	5,046,207	5,464,153	5,188,541	5,679,494
Aset Tetap-Bersih	3,344,000	4,192,483	4,339,213	4,212,867	4,041,077
Pembelian Aset Tetap	267,882	743,524	723,499	663,383	925,596
Hutang Jangka Panjang	1,740,519	1,189,256	3,489,134	1,059,364	1,247,968
Nisbah Hutang Kepada Ekuiti	1.31	(20.04)	(31.52)	(66.45)	6.49
Aset Ketara Bersih Sesaham (RM)	0.72	(0.39)	(0.28)	(0.16)	1.02

BOARD OF DIRECTORS

LEMBAGA PENGARAH



**DATO' DR MOHD MUNIR BIN
ABDUL MAJID**

CHAIRMAN

Non-Independent
Non-Executive Director

PENGERUSI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



**DATO' MOHAMED YUNUS
RAMLI BIN ABBAS**

GROUP CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Non-Independent Executive Director

KETUA PEGAWAI

EKSEKUTIF KUMPULAN

Pengarah Bukan Bebas Eksekutif



**DATO' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI ISMAIL**

**Independent
Non-Executive Director**

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif



DATO' NG KONG YEAP

**Independent
Non-Executive Director**

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif



ROSLI BIN MAN

**Non-Independent
Non-Executive Director**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



DATO' LIM KHENG GUAN

**Non-Independent
Non-Executive Director**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



TAN POH KEAT

**Non-Independent
Non-Executive Director**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif



SHAMSUDDIN BIN MOHD RASOM

**Independent
Non-Executive Director**
Resigned on 28 March 2003

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif
Meletak Jawatan pada 28 Mac 2003



AZZAT BIN KAMALUDIN
Senior Independent
Non-Executive Director
 Pengarah Kanan Bebas
 Bukan Eksekutif



ISMAEL FARIZ BIN ALI
Independent
Non-Executive Director
 Pengarah Bebas
 Bukan Eksekutif



AXEL HASS
Non-Independent
Non-Executive Director
 Pengarah Bukan Bebas
 Bukan Eksekutif



JOERG ANDREAS BOY
Non-Independent
Non-Executive Director
 Pengarah Bukan Bebas
 Bukan Eksekutif



OLIVER TIM AXMANN
 Alt. Dir. to Axel Hass
Non-Independent
Executive Director
 Pengarah Gantian kepada Axel Hass
 Pengarah Bukan Bebas Eksekutif



DIETER SIEBER
 Alt. Dir. to Joerg Andreas Boy
Non-Independent
Non-Executive Director
 Pengarah Gantian kepada Joerg
 Andreas Boy
 Pengarah Bukan Bebas
 Bukan Eksekutif

DIRECTORS' PROFILE

PROFIL PENGARAH

DATO' DR MOHD MUNIR BIN ABDUL MAJID

55 years of age, Malaysian

CHAIRMAN

Non-Independent Non-Executive Director

Berusia 55 tahun, Warganegara Malaysia

PENGERUSI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 17 July 2002 and subsequently appointed as the Chairman of the Company. He graduated with a B.Sc. (Econs) and a Ph.D. in International Relations from the London School of Economics and Political Science (LSE), UK.

He was the first Executive Chairman of the Securities Commission ("SC"), a position he held for two terms from March 1993 until February 1999. On his return from abroad, where he worked at the LSE and for Daiwa Europe N.V. in London, he served from 1979 to 1986 in various positions in the editorial department of the New Straits Times Press Berhad ("NSTP"), ending up as Group Editor (English), NSTP. He was Chief Executive of Commerce International Merchant Bankers Berhad ("CIMB") from 1986, and was its Executive Chairman before resigning to become Executive Chairman of the SC.

He has also served as Director and Chairman of several other companies and council member of government agencies during his career. Some of the prominent ones include the Association of Merchant Banks, Kioffe Sdn Bhd, the Kuala Lumpur Stock Exchange, the Council of Malaysian Industrial Development Authority ("MIDA") and the Foreign Investment Committee of the Prime Minister's Department. He is also a Director of Saujana Resorts (Malaysia) Berhad and Senior Independent Non-Executive Director of Telekom Malaysia Berhad, as well as Chairman of its Board Audit Committee.

Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid currently serves as Chairman of the Nominating & Remuneration Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 17 Julai 2002 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi. Beliau adalah lulusan B.Sc. (Ekonomi) dan Ph.D. dalam Hubungan Antarabangsa dari London School of Economics and Political Science (LSE), UK.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti ("SC") yang pertama, satu jawatan yang dipegangnya untuk dua penggal dari Mac 1993 hingga Februari 1999. Sepulangnya beliau dari luar negara, di mana beliau pernah bekerja di LSE dan Daiwa Europe N.V. di London, beliau memegang berbagai jawatan di jabatan pengarang New Straits Times Press Berhad ("NSTP") dari tahun 1979 ke 1986 berakhir dengan jawatan Pengarang Kumpulan (Bahasa Inggeris) NSTP. Beliau juga pernah menyandang jawatan Ketua Eksekutif Commerce International Merchant Bankers Berhad ("CIMB") dari 1986 sehingga dilantik Pengerusi Eksekutif sebelum meletak jawatan untuk menjadi Pengerusi Eksekutif SC.

Beliau juga adalah Pengarah dan Pengerusi beberapa buah syarikat dan ahli kesatuan agensi kerajaan di sepanjang kariernya. Antara yang terkemuka termasuklah Persatuan Bank-bank Saudagar, Kioffe Sdn Bhd, Bursa Saham Kuala Lumpur, Lembaga Pembangunan Industri Malaysia ("MIDA") dan Jawatankuasa Pelaburan Asing di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga adalah Pengarah Saujana Resorts (Malaysia) Berhad dan Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif Telekom Malaysia Berhad serta juga Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Auditnya.

Pada masa ini Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid adalah Pengerusi Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

DATO' MOHAMED YUNUS RAMLI BIN ABBAS

54 years of age, Malaysian

GROUP CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Non-Independent Executive Director

Berusia 54 tahun, Warganegara Malaysia

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Pengarah Bukan Bebas Eksekutif

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas is the Group Chief Executive Officer since September 2002 and was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He is an Economics graduate from the University of Malaya. He received his MBA from Nova South Eastern University in Fort Lauderdale, Florida. He also attended an Executive Programme in Business Management, University of Michigan, USA.

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas started his career at Motorola Malaysia. He is the first Malaysian to hold the position of Vice President, Director of Strategy of Motorola Incorporated in Florida and Vice President and Country Manager for Motorola Malaysia from 1998 until 2001. Within his 25 years of service in the company, he was Executive Assistant to a General Manager from 1974 until 1976. During that time, he assisted in the start up of the Motorola-Penang plant from ground level zero. He then moved on to be the Director of Human Resource of Motorola South Asia where he was responsible for Motorola plants in Malaysia, Singapore, Philippines, Indonesia, Thailand and Vietnam. Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas next appointment was as the Regional Director of Organisational Development (OD) of Motorola Asia Pacific during which time he managed the OD activities in Motorola in several countries including Japan, China, Hong Kong, Taiwan, Korea, India, South East Asia, Australia and New Zealand.

Prior to joining Celcom, Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas was the Group Chief Executive Officer of Encorp Group where he provided the leadership focus and management direction to reorganize and reposition the Encorp Group Of Companies (Encorp Media including NTV7 & Encorp Property).

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas currently serves as a member of the Tender Board Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang baru sejak September 2002 dan dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 October 2002. Beliau merupakan graduan Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau mendapat MBA dari Nova South Eastern University di Fort Lauderdale, Florida. Beliau juga menghadiri Program Eksekutif bagi Pengurusan Perniagaan, University of Michigan, USA.

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas memulakan kariernya di Motorola Malaysia. Beliau merupakan warganegara Malaysia yang pertama memegang jawatan Naib Presiden, Pengarah Strategi di Motorola Ditubuhkan di Florida dan Naib Presiden dan Pengurus Negara bagi Motorola Malaysia dari 1998 hingga 2001. Dengan 25 tahun rekod perkhidmatan bersama syarikat tersebut, beliau adalah Pembantu Eksekutif kepada Pengurus Besar dari 1974 hingga 1976 di mana beliau membantu di dalam pembukaan Kilang Motorola-Penang dari mula, dan kemudiannya menjadi Pengarah Sumber Manusia bagi Motorola Asia Selatan, di mana beliau bertanggungjawab bagi kilang-kilang di Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia, Thailand dan Vietnam. Perlantikan seterusnya Dato' Mohamad Yunus Ramli bin Abbas adalah sebagai Pengarah Serantau Pembangunan Organisasi (PO) bagi Motorola Asia Pasifik di mana beliau menguruskan aktiviti PO untuk Motorola di negara-negara seperti Jepun, China, Hong Kong, Taiwan, Korea, India, Asia Tenggara, Australia dan New Zealand.

Sebelum menyertai Celcom, Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di Kumpulan Encorp di mana beliau telah memberikan fokus kepimpinan dan haluan pengurusan untuk penyusunan semula dan perletakan semula Kumpulan Syarikat Encorp (Encorp Media termasuk NTV7 dan Encorp Property).

Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas pada masa ini berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Lembaga Tender. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

DATO' ABDUL RAHMAN BIN HAJI ISMAIL

73 years of age, Malaysian
Independent Non-Executive Director

Berusia 73 tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. Prior to joining the private sector he had served the Malaysian police force in various capacities from 1950 to 1985 culminating in his appointment as the Deputy Inspector General of Police. During his tenure in the police force, Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail was actively involved in various national and international conferences. He obtained his Senior Cambridge qualification from the Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar, Kedah.

He is also a Director of KYM Holdings Berhad and United U-LI Corporation Berhad. Currently Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail serves as Chairman of the Board Audit Committee and member of Board Committee of Independent Directors and Nominating & Remuneration Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Sebelum menyertai sektor swasta beliau pernah berkhidmat dengan Polis DiRaja Malaysia dari 1950 hingga 1985 sehingga menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Polis Negara. Sepanjang perkhidmatan beliau dalam pasukan polis, Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail aktif dalam menyertai pelbagai persidangan nasional dan antarabangsa. Beliau berkelulusan Senior Cambridge dari Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

Beliau juga adalah Pengarah KYM Holdings Berhad dan United U-Li Corporation Berhad. Pada masa ini Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Audit dan ahli Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas dan Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

DATO' NG KONG YEAM

63 years of age, Malaysian
Independent Non-Executive Director

Berusia 63 tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Ng Kong Yeam was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He is a practising lawyer in Johor Bahru. Dato' Ng Kong Yeam also has varied business interests both in Malaysia and overseas, ranging from properties and manufacturing to the hotel and travel industry. He holds an LL.B (Hons) from the University of Singapore.

Currently Dato' Ng Kong Yeam serves as a member of the Board Audit Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dato' Ng Kong Yeam telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Beliau adalah seorang peguam yang berkhidmat di Johor Bahru. Dato' Ng Kong Yeam juga mempunyai pelbagai kepentingan perniagaan di Malaysia dan luar negara, dari hartanah dan pembuatan kepada hotel dan industri pelancongan. Beliau mempunyai ijazah LL.B (Hons) dari Universiti Singapura.

Pada masa ini Dato' Ng Kong Yeam berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

ROSLI BIN MAN

49 years of age, Malaysian

Non-Independent Non-Executive Director

Berusia 49 tahun, Warganegara Malaysia

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Rosli bin Man was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 3 July 2002. He has more than 24 years of experience in the telecommunications industry. Rosli bin Man holds a Bachelor in Science in Electrical and Electronic Engineering (specialising in Electrical Design and Instrumentation) from the University of Glasgow, United Kingdom and a Diploma in Electrical and Electronic Engineering (specialising in Communications) from Technical College, Kuala Lumpur.

He joined Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") in 1976 as Assistant Controller where he gained wide exposure in telecommunication services including being assigned the task to implement the country's first mobile telecommunications services – Atur 450. In 1985, he made a career move to the private sector by joining the Fleet Group as its Group Manager, Technical Services where he was part of the team responsible for overseeing the roll-out and operations of the nation's first privately operated terrestrial television station namely Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3"). From 1988 to 1996, he was instrumental in setting up the first privately owned telecommunications company in Malaysia – Celcom, to cater for the country's growing cellular market. He left Celcom as its President in 1996 to join Prismanet Sdn Bhd as Managing Director and held the position until November 1998. In July 2000 he joined Natrindo Telpon Sellular ("NTS"), the GSM 1800 cellular operator in East Java, Indonesia. As its Chief Operating Officer, he was responsible for the planning, development, successful roll-out of the network and the day-to-day operations of the business. He was subsequently appointed as Deputy Chief Executive Officer of Lippo Telecom to oversee NTS National Cellular Operation. He left NTS in January 2002. He is also a Director of Telekom Malaysia Berhad.

Rosli bin Man currently serves as a member of the Tender Board Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Rosli bin Man telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 3 Julai 2002. Beliau mempunyai 24 tahun pengalaman dalam industri telekomunikasi. Rosli bin Man memiliki Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (mengkhusus dalam Rekabentuk Peralatan dan Elektrik) dari Universiti Glasgow, United Kingdom dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (mengkhusus dalam Komunikasi) dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur.

Beliau menyertai Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") pada 1976 sebagai Penolong Pengawal di mana beliau mendapat pendedahan luas dalam perkhidmatan telekomunikasi termasuk tugas pelaksanaan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih pertama negara yakni Atur 450. Pada 1985 beliau berhijrah ke sektor swasta dengan menyertai Kumpulan Fleet sebagai Pengurus Kumpulan, Perkhidmatan Teknikal di mana beliau merupakan sebahagian dari pasukan yang bertanggungjawab menyelia penyiaran dan operasi stesen televisyen swasta pertama negara iaitu Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3"). Dari 1988 hingga 1996, beliau bertanggungjawab menubuhkan syarikat telekomunikasi milik swasta yang pertama di Malaysia yakni Celcom, yang mengusahakan perniagaan telekomunikasi mudah alih selular. Beliau meninggalkan jawatan Presiden Celcom pada 1996 dan menyertai Prismanet Sdn Bhd sebagai Pengarah Urusan dan memegang jawatan tersebut hingga November 1998. Pada Julai 2000 beliau menyertai Natrindo Telpon Sellular ("NTS"), pengendali GSM 1800 di Jawa Timur, Indonesia. Sebagai Ketua Pegawai Operasi, beliau bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan, penyediaan rangkaian yang berjaya serta operasi harian syarikat. Kemudiannya beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Lippo Telecom bagi menyelia Operasi Selular Nasional NTS. Beliau meninggalkan NTS pada Januari 2002. Beliau juga adalah Pengarah Telekom Malaysia Berhad.

Pada masa ini Rosli bin Man adalah ahli Jawatankuasa Lembaga Tender. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

DATO' LIM KHENG GUAN

60 years of age, Malaysian
Non-Independent Non-Executive Director

Berusia 60 tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Lim Kheng Guan was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 3 July 2002.

He is a Chartered Accountant by profession and an Associate Member of Malaysian Association of Certified Public Accountants, Malaysian Institute of Accountants and the Australian Institute of Bankers, Fellow of Australian Society of Certified Practising Accountants and a member of the Malaysian Institute of Management. He attended advanced management programmes at Manchester Business School, INSEAD and London Business School.

He has more than 30 years of experience in accounting, management consulting and held senior managerial position in local and multinational Public Listed Companies. He is currently the Executive Director of Malaysian Management Consultants Sdn Bhd.

He is also an Independent Non-Executive Director of Telekom Malaysia Berhad and Pacific & Orient Berhad.

Currently, he serves as a member of the Board Audit Committee of Celcom. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dato' Lim Kheng Guan telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 3 Julai 2002.

Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan Ahli Bersekutu Akauntan Awam Berkanun Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan Institut Perbankan Australia, Fellow Kesatuan Pengamal Akauntan Bertauliah Australia dan ahli Institut Pengurusan Malaysia. Beliau pernah menghadiri program-program pengurusan lanjutan di Manchester Business School, INSEAD dan London Business School.

Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, perunding pengurusan dan pernah memegang jawatan pengurusan kanan di Syarikat-syarikat tersenarai Awam tempatan dan multinasional. Pada masa ini beliau adalah Pengarah Eksekutif Malaysian Management Consultants Sdn Bhd.

Beliau adalah juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Telekom Malaysia Berhad dan Pacific & Orient Berhad.

Pada masa ini beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Jawatankuasa Audit. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

TAN POH KEAT

66 years of age, Malaysian
Non-Independent Non-Executive Director

Berusia 66 Tahun, Warganegara Malaysia
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Poh Keat was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He graduated with a Bachelor of Engineering (Electrical) degree and a Masters degree in Engineering both from Auckland University, New Zealand under a Colombo Plan Scholarship.

He joined Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") in 1962 as an engineer and has served in various appointments, the last being Deputy Director General. Subsequently he joined Telekom Malaysia Berhad as Director, Networks Service and retired at the end of 1991. Currently, he is an independent consultant to a number of local and international companies.

He is also a Director of Telekom Malaysia Berhad and VADS Berhad. He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Tan Poh Keat telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik) dan Sarjana Kejuruteraan kedua-duanya dari Universiti Auckland, New Zealand di bawah Biasiswa Rancangan Colombo.

Beliau menyertai Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") pada 1962 sebagai jurutera dan memegang pelbagai jawatan dan jawatan terakhir beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah. Kemudian beliau menyertai Telekom Malaysia Berhad sebagai Pengarah, Perkhidmatan Rangkaian dan bersara pada penghujung 1991. Pada masa ini, beliau adalah pakar perunding bebas bagi beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa.

Beliau juga adalah Pengarah Telekom Malaysia Berhad dan VADS Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

AZZAT BIN KAMALUDIN

57 years of age, Malaysian

Senior Independent Non-Executive Director

Berusia 57 tahun, Warganegara Malaysia

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Azzat bin Kamaludin, a lawyer by profession was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He graduated with a B.A (Law) from the Queens' College, LL.B (International Law) from the University of Cambridge and subsequently obtained his Barrister-At-Law from the Middle Temple, London. He has served as an Administrative and Diplomatic Officer with the Ministry of Foreign Affairs Malaysia from 1970 to 1979 during which he was at various times Assistant Secretary of the Zone of Peace, Freedom and Neutrality Division, Second Secretary at the Permanent Mission of Malaysia to the United Nations, New York. He was also the Head of Chancery at the Malaysian Commission in Hong Kong and subsequently the Principal Assistant Secretary for the Law of the Sea Division.

Azzat bin Kamaludin was admitted as an Advocate & Solicitor of the High Court of Malaya in November 1979. He is a partner of the legal firm of Azzat & Izzat. From March 1993 to March 1999, he was a member of the Securities Commission and a Director of the Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ") from October 1999 until March 2002.

He is also sits on the board of directors of MNI Holdings Berhad, Pulau Springs Resort Berhad, Boustead Holdings Berhad, Affin Holdings Berhad and KPJ Healthcare Berhad. He currently serves as Chairman of Board Committee of Independent Directors and is a member of Nominating & Remuneration Committee and Board Audit Committee.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Azzat bin Kamaludin, adalah seorang peguam dan telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Sastera (Undang-undang) dari Queens' College, LL.B (Undang-undang Antarabangsa) dari Universiti Cambridge dan kemudiannya memperolehi Barrister-At-Law dari Middle Temple, London. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik dengan Kementerian Luar Negeri Malaysia dari 1970 hingga 1979 di mana beliau berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Zon Aman, Bebas dan Berkecuali, Setiausaha Kedua Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, New York. Beliau juga pernah menjadi Ketua Canseri Suruhanjaya Malaysia di Hong Kong dan kemudiannya sebagai Penolong Setiausaha Utama bagi bahagian Undang-undang Maritim.

Azzat bin Kamaludin telah ditauliahkan sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada November 1979. Beliau adalah rakan kongsi firma guaman Azzat & Izzat. Dari Mac 1993 hingga Mac 1999, beliau pernah menjadi ahli Suruhanjaya Sekuriti dan Pengarah Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ") dari Oktober 1999 hingga Mac 2002.

Beliau juga adalah ahli lembaga pengarah MNI Holdings Berhad, Pulau Springs Resort Berhad, Boustead Holdings Berhad, Affin Holdings Berhad dan KPJ Healthcare Berhad. Pada masa ini beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas dan merupakan ahli Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran dan Lembaga Jawatankuasa Audit.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

ISMAEL FARIZ BIN ALI

40 years of age, Malaysian
Independent Non-Executive Director

Berusia 40 tahun, Warganegara Malaysia
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif

Ismael Fariz bin Ali was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He graduated with a Bachelor of Arts, Economics and Business from the Knox College, Galesburg, Illinois and Master of Business Administration, Finance from the University of Iowa. He is currently the Managing Director and principal shareholder of FirstFloor Capital Sdn Bhd, a technology venture investment company. He is also a Director of Pharmaniaga Berhad and ValueCap Sdn Bhd.

Ismael Fariz bin Ali has 16 years experience in merchant banking when he was attached with AM Merchant Bank Berhad.

He was part of the advisory team on the Government of Malaysia's Privatisation Master Plan in 1989 and post privatisation review in 1996. He also assisted in setting up the first Islamic fund in Malaysia.

He was the financial adviser to various large infrastructure and communications companies including the Express Rail Link ("ERL"), Ampang Elevated Highway, Radio Televisyen Malaysia and Bernama. He was also the Corporate Adviser to various state and government corporations on restructuring plans.

Ismael Fariz bin Ali currently serves as Chairman of the Tender Board Committee and member of Board Committee of Independent Directors and Nominating & Remuneration Committee of Celcom.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Ismael Fariz bin Ali telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Sastera, Ekonomi dan Perniagaan dari Knox College, Galesburg, Illinois dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Kewangan dari Universiti Iowa. Pada masa ini beliau adalah Pengarah Urusan dan pemegang saham utama FirstFloor Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat penerokaan pelaburan teknologi. Beliau adalah juga Pengarah Pharmaniaga Berhad dan ValueCap Sdn Bhd.

Ismael Fariz bin Ali mempunyai 16 tahun pengalaman dalam perbankan saudagar sewaktu berkhidmat di AM Merchant Bank Berhad.

Beliau adalah sebahagian daripada ahli penasihat Rancangan Induk Penswastaaan Kerajaan Malaysia pada 1989 dan kajian semula selepas penswastaaan pada 1996. Beliau juga membantu dalam penubuhan dana Islam pertama di Malaysia.

Ismael Fariz bin Ali pernah menjadi penasihat kewangan bagi syarikat-syarikat besar komunikasi dan infrastruktur seperti Express Rail Link ("ERL"), Ampang Elevated Highway, Radio Televisyen Malaysia dan Bernama. Beliau juga pernah menjadi Penasihat Korporat pelbagai perbadanan kerajaan dan negeri bagi rancangan penstrukturan semula.

Pada masa ini Ismael Fariz bin Ali adalah Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Tender dan Ahli Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas dan Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

SHAMSUDDIN BIN MOHD RASOM

71 years of age, Malaysian

Independent Non-Executive Director

Resigned on 28 March 2003

Shamsuddin bin Mohd Rasom was appointed to the Board of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 10 October 2002. He is a registered professional engineer and had served with the then Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") in various capacities from 1952 to 1986. When Syarikat Telekom Malaysia was incorporated in 1987, he assumed the position of General Manager, International. His extensive experience in local and international telecommunications led him to serve on various international telecommunication committees. He holds a Diploma in Electrical Engineering (Brighton 1962), MIEM, PEng.

He was also a member of the Board Audit Committee, Tender Board Committee and Board Committee of Independent Directors of Celcom.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Berusia 71 tahun, Warganegara Malaysia

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Meletak Jawatan pada 28 Mac 2003

Shamsuddin bin Mohd Rasom telah dilantik ke Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 10 Oktober 2002. Beliau adalah seorang jurutera profesional yang berdaftar dan pernah berkhidmat dengan Jabatan Telekom Malaysia ("JTM") dalam pelbagai jawatan dari 1952 hingga 1986. Apabila Syarikat Telekom Malaysia ditubuhkan pada 1987, beliau memegang jawatan Pengurus Besar, Antarabangsa. Pengalaman luas beliau dalam industri telekomunikasi tempatan dan antarabangsa telah membuka peluang kepada beliau untuk menganggotai pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa telekomunikasi antarabangsa. Beliau memiliki Diploma Kejuruteraan Elektrik (Brighton 1962), MIEM, PEng.

Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Lembaga Tender dan Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

AXEL HASS

59 years of age, German

Non-Independent Non-Executive Director

Axel Hass was appointed as Director of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 2 February 1999. He is currently the President of Deutsche Telekom Asia Pte Ltd. Prior to joining Deutsche Telekom he was the Head of Siemens Nixdorf Asia (Hong Kong). Axel Hass holds a Masters Degree in Economics (Minor in History and Languages) from the University of Freiburg i Br. Germany.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Berusia 59 tahun, Warganegara Malaysia

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Axel Hass telah dilantik sebagai Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 2 Februari 1999. Pada masa ini beliau adalah Presiden Deutsche Telekom Asia Pte Ltd. Sebelum menyertai Deutsche Telekom beliau pernah menjadi Ketua Siemens Nixdorf Asia (Hong Kong). Axel Hass memegang Ijazah Sarjana Ekonomi (Minor dalam Sejarah dan Bahasa) dari Universiti Freiburg i. Br. Jerman.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

JOERG ANDREAS BOY

42 years of age, German

Non-Independent Non-Executive Director

Joerg Andreas Boy was appointed an Alternate Director of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 19 April 2000 and was subsequently appointed as Director on 15 October 2002. He joined Deutsche Telekom Asia Pte Ltd in 1999 as Vice President Finance. Prior to that, he held various positions with Siemens AG including Commercial Manager of Siemens Nixdorf for Germany and Indonesia, Finance Director of Siemens Nixdorf, Australia and Commercial Manager of Siemens Business Services GmbH & Co. in Frankfurt. He is a graduate in Economics from the University of Cologne, Germany.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Berusia 42 tahun, Warganegara Jerman
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Joerg Andreas Boy telah dilantik sebagai Pengarah Gantian Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 19 April 2000 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah pada 15 Oktober 2002. Beliau menyertai Deutsche Telekom Asia Pte Ltd pada 1999 sebagai Naib Presiden Kewangan. Sebelum itu, beliau pernah memegang pelbagai jawatan di Siemens AG termasuklah sebagai Pengurus Komersial Siemens Nixdorf bagi Jerman dan Indonesia, Pengarah Kewangan Siemens Nixdorf, Australia dan Pengurus Komersial Siemens Business Services GmbH & Co. di Frankfurt. Beliau adalah lulusan Ekonomi dari Universiti Cologne, Jerman.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

OLIVER TIM AXMANN

37 years of age, German

Non-Independent Executive Director

Oliver Tim Axmann was appointed as an Alternate Director of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 19 April 2000. He is currently the Senior Vice President of the Financial Systems Division of Celcom. Prior to that he was appointed as Director/Joint Venture Management of Deutsche Telekom Asia Pte Ltd, Singapore, responsible for the Joint Venture Management of TRI/Celcom in Malaysia and Satelindo in Indonesia. He started his career with Deutsche Telekom AG in early 1997 and was subsequently seconded to Deutsche Telekom Asia Pte Ltd in Singapore, working on the Company's Joint Venture Management – Islacom in the Philippines. Prior to that he was with Messrs. Arthur Andersen & Co. specialising in the areas of consultancy, tax and auditing. He holds a Masters Degree in Economics from the University of Bonn, Germany.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Berusia 37 tahun, Warganegara Jerman
Pengarah Bukan Bebas Eksekutif

Oliver Tim Axmann telah dilantik sebagai Pengarah Gantian Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 19 April 2000. Pada masa ini beliau adalah Naib Presiden Kanan Bahagian Sistem Kewangan di Celcom. Sebelum ini beliau pernah dilantik sebagai Pengarah/Pengurusan Usahasama Deutsche Telekom Asia Pte Ltd, Singapura yang bertanggungjawab bagi Pengurusan Usahasama TRI/Celcom di Malaysia dan Satelindo di Indonesia. Beliau memulakan kariernya dengan Deutsche Telekom AG pada awal 1997 dan kemudiannya dipinjamkan ke Deutsche Telekom Asia Pte Ltd di Singapura di mana beliau mengendalikan Pengurusan Usahasama berkenaan Islacom di Filipina. Sebelum ini beliau berkhidmat dengan Tetuan Arthur Andersen & Co. dengan mengkhusus dalam bidang perundingan, cukai dan audit. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Bonn, Jerman.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

DIETER SIEBER

50 years of age, German

Non-Independent Non-Executive Director

Berusia 50 tahun, Warganegara Jerman

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dieter Sieber was appointed as an Alternate Director of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") on 15 October 2002. He joined Deutsche Telekom Asia Pte Ltd in 1998 as Vice President Technical (Regional Chief Technical Officer) the post that he also holds for T-Systems ITC Singapore Pte Ltd until now. Prior to that, between 1976 and 1979, he worked with Telefonbau Schwabe, after which he joined Weidleplan Consulting till 1990. In 1991, he joined Ericsson in Germany as Regional Manager. He then headed Ericsson's operations in Guangzhou, China as Director of Operations from 1993 to 1996. In 1997, he returned to Ericsson Germany as Unit Manager for the largest customer in Germany and was made a member of an Executive Management Team. He is a graduate of B.Sc. Engineering in Electronics and Telecommunications from Wuppertal University, Germany.

He has never been convicted of any offence. He has no family relationship with any other Director and/or major shareholder of Celcom nor has he any conflict of interest with the Company.

Dieter Sieber telah dilantik sebagai Pengarah Gantian Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") pada 15 Oktober 2002. Beliau menyertai Deutsche Telekom Asia Pte Ltd pada 1998 sebagai Naib Presiden Teknikal (Ketua Pegawai Teknikal Serantau), satu jawatan yang juga dipegangnya bagi T-Systems ITC Singapore Pte Ltd sehingga hari ini. Sebelum itu, di antara tahun 1976 dan 1979, beliau berkhidmat dengan Telefonbau Schwabe dan kemudiannya pula menyertai Weidleplan Consulting sehingga 1990. Pada 1991, beliau menyertai Ericsson di Jerman sebagai Pengurus Serantau. Beliau kemudiannya mengetuai operasi Ericsson di Guangzhou, China sebagai Pengarah Operasi dari 1993 hingga 1996. Pada 1997, beliau kembali ke Ericsson Germany sebagai Pengurus Unit kepada pelanggan terbesar di Jerman dan telah dilantik sebagai ahli Pasukan Pengurusan Eksekutif. Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi dari Universiti Wuppertal Jerman.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan. Beliau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Celcom mahupun mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Board of Directors ("Board") of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") is committed to high standards of corporate governance and is pleased to report to the shareholders on how the Celcom Group ("Group") has applied the Principles of the Malaysian Code of Corporate Governance ("Code") and the extent of compliance with best practices of good governance pursuant to recommendations of the Code, which is divided into the following sections:

Section A: Board of Directors

Section B: Directors' Remuneration

Section C: Shareholders

Section D: Investor Relations

Section E: Accountability and Audit

In preparing this Statement, the Board has considered the manner in which it has applied the Principles of the Code and the extent to which it has complied with the Best Practices of the Code.

The Board's Statement on Corporate Governance ("Statement") has been prepared after taking into consideration that prior to the Internal Restructuring, which included the transfer of listing status ("Internal Restructuring") of Technology Resources Industries Berhad ("TRI") to Celcom, as described on page 92 of this Annual Report, the Group was governed by the Board of Directors of TRI.

Accordingly, in arriving at this Statement, the Board has considered and disclosed where appropriate, pertinent information in respect of the application of the corporate governance practices during the tenure of the Board of Directors of TRI in order that this Statement is made in respect of the financial year. This is on the basis that the said Internal Restructuring which was completed on 10 October 2002, did not materially and significantly alter the manner in which the Group operates, and that the Board now undertakes its roles and responsibilities in this respect.

Section A: Board of Directors

The Board has assumed the following six specific responsibilities in discharging their stewardship responsibilities pursuant to Best Practices Provision AA I of the Code:

- Reviewing and adopting a strategic plan for the Group;
- Overseeing the conduct of the Group's business to evaluate whether the business is being properly managed;

Lembaga Pengarah ("Lembaga Pengarah") Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") mempunyai komitmen terhadap standard tadbir urus korporat yang tinggi dan dengan sukacitanya melaporkan kepada para pemegang saham tentang bagaimana Kumpulan Celcom ("Kumpulan") telah mengguna pakai prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") dan sejauh mana mematuhi amalan terbaik dalam tadbir urus yang betul dipatuhi selaras dengan cadangan Kod yang dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:

Bahagian A: Lembaga Pengarah

Bahagian B: Ganjaran Pengarah

Bahagian C: Para Pemegang Saham

Bahagian D: Hubungan Pelabur

Bahagian E: Kebertanggungjawaban dan Audit

Ketika menyediakan Penyata ini, Lembaga Pengarah mengambil kira cara Prinsip Kod diguna pakai dan sejauh mana Amalan Kod Terbaik dipatuhi.

Penyata Lembaga Pengarah tentang Tadbir Urus Korporat ("Penyata") telah disediakan selepas mengambil kira bahawa sebelum Penyusunan Semula Dalamam yang melibatkan pindahan status penyenaraian ("Penyusunan Semula Dalamam") Technology Resources Industries Berhad ("TRI") kepada Celcom, seperti yang dinyatakan dalam halaman 162 dalam Laporan Tahunan ini, Kumpulan telah ditadbir oleh Lembaga Pengarah TRI.

Dengan itu, dalam menyediakan Penyata ini, Lembaga Pengarah telah mengambil kira dan menzahirkan, jika wajar, maklumat yang berkaitan dengan penggunaan amalan tadbir urus korporat semasa tempoh perkhidmatan Ahli Lembaga Pengarah TRI supaya Penyata ini dapat dibuat untuk tahun kewangan tersebut. Ini dilakukan berdasarkan Penyusunan Semula Dalamam berkenaan yang disempurnakan pada 10 Oktober 2002 yang tidak mengubah dengan banyak dan ketara cara Kumpulan beroperasi dan Lembaga Pengarah kini melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya berhubung dengan perkara ini.

Bahagian A: Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah memikul enam tanggungjawab khusus berikut dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan mereka mengikut Peruntukan Amalan Terbaik AA I dalam Kod:

- Mengkaji semula dan menerima pakai pelan strategik untuk Kumpulan;
- Mengawal pengendalian perniagaan Kumpulan untuk menilai sama ada perniagaan diuruskan dengan betul;

- Identifying principal risks and ensuring the implementation of appropriate systems to manage these risks;
- Succession planning, including appointing, training, fixing the compensation of and, where appropriate, replacing senior management;
- Developing and implementing an investor relations programme or shareholder communications policy for the Company and the Group; and
- Reviewing the adequacy and integrity of the Company's and Group's internal control systems and management information systems, including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines.

1. Composition of the Board

An experienced Board consisting of members with a wide range of business, financial, legal, technical and public service backgrounds, leads and controls the Group, bringing depth and diversity in expertise and perspectives to the leadership of a highly regulated telecommunication business. These experiences and backgrounds are detailed in the Directors' profiles, appearing on pages 31 to 40 of the Annual Report.

Subsequent to the Internal Restructuring, there is one (1) Director entrusted with executive functions, six (6) Non-Independent Directors and four (4) Independent Directors.

The Board of Directors of TRI

The TRI Board of Directors met twelve (12) times during the financial year up to the completion of the Internal Restructuring. Details of attendance of Directors at Board Meetings of TRI are as found on page 228 of the Annual Report.

The Board

Upon completion of the Internal Restructuring, the Board met three (3) times. Details of attendance of Directors at Board Meetings of Celcom are as found on page 229 of the Annual Report.

2 Board Structures and Procedures

The Board believes that the existing organisation structure of the Group has an appropriate balance of both the Board and Management involvement in

- Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk menangani risiko-risiko ini;
- Perancangan penggantian termasuk melantik, melatih, menetapkan pampasan dan jika wajar menggantikan pihak pengurusan kanan;
- Membangunkan dan melaksanakan program hubungan pelabur atau dasar komunikasi pemegang saham untuk Syarikat dan Kumpulan; dan
- Mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Syarikat dan Kumpulan, termasuk sistem untuk mematuhi undang-undang yang ada, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, arahan-arahan dan garis panduan.

1. Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah yang berpengalaman terdiri daripada ahli daripada pelbagai latar belakang perniagaan, kewangan, perundangan, teknikal dan khidmat awam, menerajui dan mengawal Kumpulan, memberikan kepakaran dan perspektif yang mendalam dan pelbagai berkaitan dengan kepemimpinan perniagaan telekomunikasi yang sangat teratur. Pengalaman dan latar belakang ini diperincikan dalam profil Para Pengarah yang tertera di halaman 31 hingga 40 dalam Laporan Tahunan.

Selepas Penyusunan Semula Dalaman, terdapat seorang (1) Pengarah yang diberikan fungsi eksekutif, enam (6) Pengarah Bukan Bebas dan empat (4) Pengarah Bebas.

Lembaga Pengarah TRI

Lembaga Pengarah TRI bersidang sebanyak dua belas (12) kali semasa tahun kewangan sehingga selesainya Penyusunan Semula Dalaman. Butir-butir kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah TRI tertera di halaman 228 dalam Laporan Tahunan.

Lembaga Pengarah

Setelah selesainya Penyusunan Semula Dalaman, Lembaga Pengarah bersidang sebanyak tiga (3) kali. Butir-butir kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah Celcom tertera di halaman 229 dalam Laporan Tahunan.

2. Struktur Lembaga Pengarah dan Prosedur

Lembaga Pengarah percaya bahawa struktur organisasi Kumpulan yang sedia ada mempunyai keseimbangan sewajarnya dari segi penglibatan Lembaga Pengarah dan

managing the Group. This is seen from the fact that from 1 September 2002, with the appointment of the Group Chief Executive Officer ("GCEO"), the role of the Chairman and GCEO within the Group has been separated to ensure a balance of power and authority. The GCEO is now tasked with managing the operations of the Group with the assistance of the management team, whilst the Board is responsible for overseeing the conduct of the Group's operations through its various Board Committees and the management reporting mechanisms.

The Non-Executive Directors provide considerable depth of knowledge collectively gained from experiences in a variety of public and private companies. The Independent Non-Executive Directors provide unbiased and independent views in ensuring that the strategies proposed by the management are fully deliberated and examined, in the interest of shareholders, employees, customers and the many communities in which the Group conducts its business.

Pursuant to Best Practices Provision AA VII, Azzat bin Kamaludin has been identified and appointed as the Senior Independent Non-Executive Director, to whom any concerns pertaining to the Group may be conveyed.

3. Board Committees

The Board delegates certain responsibilities to Board Committees, namely:

- i. Nominating & Remuneration Committee
- ii. Board Audit Committee
- iii. Tender Board Committee
- iv. Board Committee of Independent Directors

All committees have written Terms of References and operating procedures. The Board receives reports of their proceedings and deliberations. The Chairman of the various committees will report to the Board the outcome of the committee meetings and these are recorded in the minutes of the full Board meeting.

i. Nominating & Remuneration Committee

The membership and principal duties and responsibilities of the Nominating & Remuneration Committee are set out in Section B of this Statement.

pihak Pengurusan dalam menguruskan Kumpulan. Ini adalah berdasarkan fakta bahawa bermula dari 1 September 2002, dengan perantukan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ("KPEK"), peranan Pengerusi dan KPEK dalam Kumpulan telah dipisahkan bagi memastikan keseimbangan kuasa dan hak bertindak. KPEK kini dipertugaskan untuk mengurus operasi-operasi Kumpulan dengan bantuan kumpulan pengurusan, manakala Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawal perjalanan operasi-operasi Kumpulan menerusi pelbagai Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mekanisma laporan pengurusan.

Pengarah Bukan Eksekutif menyumbangkan pengetahuan yang mendalam yang diperolehi bersama daripada pengalaman dalam pelbagai syarikat awam dan swasta. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif memberikan pandangan bebas dan tidak berat sebelah untuk memastikan strategi yang disarankan oleh pihak pengurusan dipertimbangkan dan diteliti demi kepentingan para pemegang saham, pekerja, pelanggan dan kalangan komuniti di mana Kumpulan mengendalikan perniagaannya.

Selaras dengan Peruntukan Amalan Terbaik AA VII, Azzat bin Kamaludin telah dikenal pasti dan dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif, di mana sebarang masalah berkaitan dengan Kumpulan boleh dikemukakan kepada beliau.

3. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah memberikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu:

- i. Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran
- ii. Lembaga Jawatankuasa Audit
- iii. Jawatankuasa Lembaga Tender
- iv. Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas

Semua jawatankuasa mempunyai Terma-terma Rujukan dan tatacara pengendalian yang bertulis. Lembaga Pengarah menerima laporan-laporan tindakan dan pertimbangan mereka. Pengerusi pelbagai jawatankuasa akan melaporkan hasil mesyuarat jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah dan ini dicatatkan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah yang penuh.

i. Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran

Keahlian serta tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran dinyatakan dalam Sekyen B dalam Penyata ini.

ii. Board Audit Committee

The membership, terms of reference and activities of the Board Audit Committee are detailed in the Board Audit Committee Report as set out on pages 56 to 63 of the Annual Report.

iii. Tender Board Committee**MEMBERS**

Member	Position	Status
Ismael Fariz bin Ali	Chairman	Independent Non-Executive Director
Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas	Member	GCEO
Rosli bin Man	Member	Non-Independent Non-Executive Director
Horst Holzhauser	Member	Executive Vice President Group Network
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Resigned on 28 March 2003)	Member	Independent Non-Executive Director
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid (Resigned on 8 July 2002)	Member	Non-Independent Non-Executive Director

The Tender Board was first established under the Board of Directors of TRI. Subsequently, as a result of the Internal Restructuring, the Tender Board was established under the Board on 10 October 2002.

The principal objective of the Tender Board is to consider and grant approval on all spending above RM5,000,000 and any tender up to RM20,000,000. In carrying out this objective, the Tender Board is to ensure that the Company's purchasing procedures have been adhered to, evaluation of proposals and quotations are judiciously carried out and recommendations made by requesters are properly scrutinised.

ii. Lembaga Jawatankuasa Audit

Keahlian, terma-terma Rujukan dan aktiviti-aktiviti Lembaga Jawatankuasa Audit diperincikan dalam Laporan Lembaga Jawatankuasa Audit seperti yang dinyatakan di halaman 56 hingga 63 dalam Laporan Tahunan.

iii. Jawatankuasa Lembaga Tender**AHLI-AHLI**

Ahli	Jawatan	Status
Ismael Fariz bin Ali	Pengerusi	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas	Ahli	KPEK
Rosli bin Man	Ahli	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Horst Holzhauser	Ahli	Naib Presiden Eksekutif Rangkaian Kumpulan
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Meletak jawatan pada 28 Mac 2003)	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid (Meletak jawatan pada 8 Julai 2002)	Ahli	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Tender ini pertama kali ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah TRI. Selepas itu, berikutan Penyusunan Semula Dalaman, Lembaga Tender ini ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2002.

Matlamat utama Lembaga Tender adalah mempertimbangkan dan memberikan kelulusan bagi semua perbelanjaan melebihi RM5,000,000 dan mana-mana tender sehingga RM20,000,000. Dalam menjayakan matlamat ini, Lembaga Tender perlu memastikan bahawa prosedur pembelian Syarikat dipatuhi, penilaian cadangan-cadangan dan sebut harga dibuat dengan bijak manakala saranan yang dikemukakan oleh peminta tender diteliti dengan sebaiknya.

iv. Board Committee of Independent Directors**MEMBERS**

Member	Position	Status
Azzat bin Kamaludin	Chairman	Senior Independent Non-Executive Director
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Member	Independent Non-Executive Director
Ismael Fariz bin Ali	Member	Independent Non-Executive Director
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Resigned on 28 March 2003)	Member	Independent Non-Executive Director

The Board Committee was first established under the Board of Directors of TRI on 18 July 2002. Subsequently, as a result of the Internal Restructuring, the Committee was established under the Board on 10 October 2002.

The primary role of the Board Committee was to review, evaluate and consider the acquisition or transfer of TM Cellular Sdn Bhd ("TCSB") from Telekom Malaysia Berhad ("TMB") and to recommend for approval or otherwise by the Board.

The Board Committee's specific responsibility was to satisfy itself that the terms of acquisition or transfer of TCSB from TMB were commercially justifiable and beneficial to Celcom.

The Board Committee completed its evaluation, negotiation and presented its final recommendations to the Board on 15 October 2002.

Notwithstanding that the Board Committee has completed its duties and responsibilities for which it was established, the Board has decided to continue with its existence until the completion of the proposed acquisition of TCSB.

iv. Lembaga Jawatankuasa Pengarah Bebas**AHLI-AHLI**

Ahli	Jawatan	Status
Azzat bin Kamaludin	Pengerusi	Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Ismael Fariz bin Ali	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Meletak jawatan pada 28 Mac 2003)	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Jawatankuasa ini pertama kali ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah TRI pada 18 Julai 2002. Selepas itu, berikutan Penyusunan Semula Dalam, Lembaga Jawatankuasa ini ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2002.

Peranan utama Lembaga Jawatankuasa adalah mengkaji semula, menilai dan mempertimbangkan pemerolehan atau pindahan TM Cellular Sdn Bhd ("TCSB") daripada Telekom Malaysia Berhad ("TMB") dan menyarankan supaya diluluskan atau sebaliknya oleh Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab khusus Lembaga Jawatankuasa adalah memenuhi terma-terma pemerolehan atau pindahan TCSB daripada TMB adalah wajar dari segi komersial dan memberikan faedah kepada Celcom.

Lembaga Jawatankuasa menyempurnakan penilaian, perundingan, dan pengemukaan cadangan akhir kepada Lembaga Pengarah pada 15 Oktober 2002.

Walaupun Lembaga Jawatankuasa telah menyempurnakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab asal penubuhannya, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk meneruskan kewujudannya sehingga selesai pemerolehan TCSB yang dicadangkan itu.

4. Supply of Information

The Chairman delegates the responsibility for preparing the relevant notices, meeting agendas and board papers to the Company Secretary. The Company Secretary prepares an approximate schedule of Board and Board Audit Committee meetings a year in advance to ensure that adequate information can be circulated in a satisfactory form and timely manner.

Prior to Board meetings, the Company Secretary distributes a formal schedule of matters and necessary board papers to all Directors.

The Board reviews quarterly management performance reports. The Board also considers and endorses recommendations of Board Committees.

All the Directors have direct access to the advice and services of the Company Secretary. The Board is advised and updated on statutory requirements pertaining to their duties and responsibilities as well as the appropriate procedures for management of meetings.

Procedures are in place for Directors, in furtherance of their duties, to seek professional advice where necessary at the Company's expense in order to fulfil their duties and specific responsibilities.

5. Board Appointment Process

Pursuant to the best practices promulgated by the Code, the Board has established a Nominating & Remuneration Committee, consisting of four (4) Directors without executive functions, three (3) of whom are Independent.

The Nominating & Remuneration Committee has recommended a formal and transparent procedure for the appointment of new Directors to the Board which has been duly adopted by the Board. (Please refer to Section B of this Statement for the principal duties and responsibilities of this Committee.)

6. Re-election of Directors

In accordance with the Company's Articles of Association, all Directors appointed by the Board are subject to re-election by the shareholders at the Annual General Meeting ("AGM") subsequent to their appointments. The Articles of Association also provides that Directors are subject to re-election at least once every three (3) years at the AGM.

4. Bekalan Maklumat

Pengerusi memberikan tanggungjawab untuk menyediakan notis-notis yang berkaitan, agenda-agenda mesyuarat dan kertas mesyuarat pengarah kepada Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat menyediakan jadual anggaran bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Lembaga Jawatankuasa Audit setahun lebih awal untuk memastikan bahawa maklumat yang mencukupi dapat diedarkan dalam bentuk yang memuaskan dan tepat pada masanya.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat mengedarkan jadual rasmi bagi perkara-perkara mesyuarat pengarah dan kertas kerja mesyuarat pengarah yang perlu kepada semua Pengarah.

Lembaga Pengarah mengkaji semula laporan prestasi pengurusan suku tahunan. Lembaga Pengarah juga menimbangkan dan mengendors saranan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan perkhidmatan secara langsung daripada Setiausaha Syarikat. Lembaga Pengarah dimaklumkan dan diberikan maklumat terkini tentang keperluan berkanun berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka serta prosedur yang betul untuk pengurusan mesyuarat.

Prosedur-prosedur diatur untuk para Pengarah, bagi melanjutkan tugas mereka, mereka boleh mendapatkan nasihat profesional apabila perlu atas perbelanjaan Syarikat supaya tugas dan tanggungjawab khusus mereka dapat dipenuhi.

5. Proses Perlantikan Lembaga Pengarah

Selaras dengan amalan terbaik seperti yang disebarluaskan melalui Kod, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran yang terdiri dari empat (4) Pengarah tanpa fungsi eksekutif, tiga (3) dari mereka adalah Bebas.

Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran telah menyarankan prosedur yang formal dan telus kepada Lembaga Pengarah bagi perlantikan Pengarah baru dan ia telah diterima pakai seperti yang sepatutnya oleh Lembaga Pengarah. (Sila rujuk Seksyen B dalam Penyata ini untuk mengetahui tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab utama Jawatankuasa ini).

6. Perlantikan Semula Para Pengarah

Menurut Tatacara Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada perlantikan semula oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") selepas perlantikan mereka. Tatacara syarikat juga memperuntukkan bahawa para Pengarah tertakluk kepada

The re-election of Directors would ensure that shareholders have a regular opportunity to assess the composition of the Board.

7. Directors' Training

All Directors, except one, have attended and successfully completed the Mandatory Accreditation Programme conducted by the Research Institute of Investment Analysis Malaysia. Directors will continue to attend various seminars and international conventions to keep abreast of developments, particularly in the telecommunications industry.

Section B: Directors' Remuneration

1. Nominating & Remuneration Committee ("NRC")

MEMBERS

Member	Position	Status
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid	Chairman	Non-Independent Non-Executive Director
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Member	Independent Non-Executive Director
Azzat bin Kamaludin	Member	Senior Independent Non-Executive Director
Ismael Fariz bin Ali	Member	Independent Non-Executive Director

The NRC was first established under the Board of Directors of TRI on 18 July 2002. Subsequently, as a result of the Internal Restructuring, the NRC was established under the Board on 10 October 2002.

The main objectives of the NRC are:-

- to ensure that the Directors of the Board bring characteristics to the Board, which provide a required mix of responsibilities, skills and experience.

perlantikan semula sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun di AGM.

Perlantikan semula para Pengarah adalah untuk memastikan para pemegang saham sentiasa mempunyai peluang untuk menilai komposisi Lembaga Pengarah.

7. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah, kecuali seorang, telah menghadiri dan berjaya menamatkan Program Akreditasi Mandatori yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan Analisis Pelaburan Malaysia. Para Pengarah akan terus menghadiri pelbagai seminar dan konvensyen antarabangsa untuk mengikuti perkembangan terutamanya dalam industri telekomunikasi.

Bahagian B: Ganjaran Pengarah

1. Jawatankuasa Penamaan & Ganjaran ("NRC")

AHLI-AHLI

Ahli	Jawatan	Status
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid	Pengerusi	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Azzat bin Kamaludin	Ahli	Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif
Ismael Fariz bin Ali	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

NRC pertama kali ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah TRI pada 18 Julai 2002. Selepas itu, berikutan Penyusunan Semula Dalam, NRC ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2002.

Matlamat utama NRC adalah:-

- untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah memberikan ciri istimewa kepada Lembaga Pengarah yang menggabungkan tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.

- to set the policy framework and to make recommendations to the Board on all elements of the remuneration, terms of employment, reward structure and fringe benefits for Directors with executive functions and other selected top management positions with the aim to attract, retain and motivate individuals of the highest quality.

Principal Duties and Responsibilities

A. Nominating Matters

1. Examine the size of the Board with a view to determine the number of Directors on the Board in relation to its effectiveness and ensure that at every annual general meeting, one-third of the Directors for the time being shall retire from office. A retiring Director shall be eligible for re-election. Every Director, including the GCEO, shall be subject to retirement at least once in every 3 years.
2. Review annually its required mix of skills and experience and other qualities, including core competencies which Non-Executive Directors should bring to the board and disclose the same in the Annual Report.
3. Recommend suitable orientation, educational and training programmes to continuously train and equip the existing and new Directors.
4. Ensure that the appointment of any Executive Director or GCEO shall be for a fixed term not exceeding three years at any one time with power to re-appoint, remove or dismiss thereafter.
5. Recommend to the Board candidates for all directorship in the Company and its Group to be filled by the Shareholders or the Board. Where the proposed candidates are from the Management of the Company and its Group, the NRC may seek the suggestion of the GCEO.
6. Review Board structure and balance of appointments between Executive and Non-Executive Directors.
7. Review adequacy of Committee structure of the Board Committees.
8. Review and recommend to the Board on the terms of reference of all Board Committees.

- untuk menentukan rangka dasar dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah tentang semua unsur ganjaran, terma pengambilan kerja, struktur imbuhan dan faedah sampingan untuk para Pengarah yang mempunyai fungsi eksekutif serta jawatan pengurusan atasan terpilih yang lain dengan tujuan untuk menarik minat, mengekalkan dan merangsang individu berkualiti tinggi.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab-tanggungjawab Utama

A. Hal-Ehwal Penamaan

1. Memeriksa saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan bilangan Pengarah dalam Lembaga Pengarah yang berkait dengan keberkesanannya dan memastikan bahawa di setiap mesyuarat agung tahunan, satu pertiga daripada para Pengarah harus bersara daripada jawatan buat sementara waktu. Pengarah yang bersara layak dilantik semula. Setiap pengarah, termasuk KPEK, akan tertakluk kepada persaraan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 3 tahun.
2. Mengkaji semula gabungan kemahiran dan pengalaman dan kualiti-kualiti lain yang diperlukannya pada setiap tahun, termasuk kecekapan teras yang disumbangkan oleh Pengarah Bukan Eksekutif kepada Lembaga Pengarah dan menzahirkan hal yang sama dalam Laporan Tahunan.
3. Mengesyorkan program orientasi, pendidikan dan latihan yang sesuai untuk melatih dan melengkapkan Pengarah sedia ada dan yang baru secara berterusan.
4. Memastikan bahawa perantikan mana-mana Pengarah Eksekutif atau KPEK adalah untuk tempoh yang ditetapkan tidak melebihi tiga tahun pada satu-satu masa dengan kuasa untuk melantik semula, menyingkirkan atau memecat selepas itu.
5. Menyarankan kepada Lembaga Pengarah supaya calon untuk semua jawatan pengarah dalam Syarikat dan Kumpulannya diisi oleh Pemegang Saham atau Lembaga Pengarah. Jika calon yang dicadangkan adalah dari Pengurusan Syarikat dan Kumpulannya, NRC boleh meminta saranan KPEK.
6. Mengkaji semula struktur Lembaga Pengarah dan keseimbangan perantikan antara Pengarah Eksekutif dengan yang Bukan Eksekutif.
7. Mengkaji semula kecukupan struktur Jawatankuasa dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.
8. Mengkaji semula dan memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang terma-terma rujukan bagi semua Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

- Review and recommend to the Board on the appointment, upgrading and promotion of Chief Executive Officers of subsidiary companies.

B. Remuneration Matters

- Set, review, recommend and advise the policy framework on all elements of the remuneration such as reward structure, fringe benefits and other terms of employment of Executive Directors and the GCEO having regard to the overall Group policy guidelines/framework.
- Advise the Board on the performance of the GCEO and an assessment of his/her entitlement to performance related pay. The NRC also should advise the GCEO on the remuneration and terms and conditions (and where appropriate, severance payments) of the senior staff (defined as the small group of staff who report direct to the GCEO).
- Represent the public interest and avoid any inappropriate use of public funds when considering severance payments for senior staff. The committee should also exercise care to avoid determining a severance package that in public opinion might deem to be excessive.
- Review the history of and proposals for the remuneration package of each of the Company's Board Committee.

2. Details of Directors' Remuneration

Remuneration of Directors entrusted with executive functions comprised salary, allowances and bonuses. Other customary benefits are also made available as appropriate. Salary reviews take into account market rates and the performance of both the individual and the Group.

The Board of Directors of TRI

Details of the nature and amount of each major remuneration element of each Directors of TRI, for the period from 1 January 2002 up to 30 September 2002 are as follows:-

Director Pegarah	Salary Gaji	Allowances Elaun	Fees Fi	Bonus Bonus	Advisory Fees Fi Penasihat	Benefits-in-kind Manfaat Berbentuk Barangan	Total Jumlah
TRI – 1.1.2002 to hingga 30.9.2002							
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid	-	30,000	132,444	-	-	4,471	166,915
Dato' Dr Md Khir bin Abdul Rahman	-	-	9,583	-	-	205	9,788

- Mengkaji semula dan memberikan cadangan kepada Lembaga Pengarah tentang perantukan, peningkatan gred dan kenaikan pangkat Ketua Pegawai Eksekutif bagi anak-anak syarikat.

B. Hal-Ehwal Ganjaran

- Menetapkan, mengkaji semula, mencadangkan dan memaklumkan rangka dasar bagi semua unsur ganjaran seperti struktur imbuhan, faedah sampingan dan terma pengambilan kerja bagi Pengarah Eksekutif dan KPEK dengan mengambil kira keseluruhan garis panduan/rangka dasar Kumpulan.
- Memaklumkan Lembaga Pengarah tentang prestasi KPEK dan penilaian kelayakannya bagi memastikan gajinya setimpal dengan prestasinya. NRC juga hendaklah memaklumkan KPEK tentang ganjaran serta terma-terma dan syarat-syarat (dan jika wajar, gaji pemberhentian) bagi kakitangan kanan (didefinisikan sebagai sekumpulan kecil pekerja yang melapor terus kepada KPEK).
- Mewakili kepentingan awam dan mengelakkan sebarang penggunaan tidak wajar ke atas dana awam semasa menimbang gaji pemberhentian untuk kakitangan kanan. Jawatankuasa juga harus berhati-hati untuk tidak memberikan pakej pemberhentian yang mengikut pendapat umum, mungkin dianggap keterlaluan.
- Mengkaji semula sejarah dan cadangan pakej ganjaran bagi setiap Lembaga Jawatankuasa Syarikat.

2. Butiran Ganjaran Para Pengarah

Ganjaran Pengarah yang diberikan fungsi eksekutif mengandungi gaji, elaun, dan bonus. Faedah biasa yang lain juga diberikan jika perlu. Semakan semula gaji mengambil kira kadar pasaran dan prestasi individu dan Kumpulan.

Lembaga Pengarah TRI

Berikut ialah perincian jenis dan jumlah setiap unsur ganjaran yang utama untuk setiap Pengarah TRI, bagi tempoh bermula daripada 1 Januari 2002 sehingga 30 September 2002:-

Director Pengarah	Salary Gaji	Allowances Elaun	Fees Fi	Bonus Bonus	Advisory Fees Fi Penasihat	Benefits-in-kind Manfaat Berbentuk Barangan	Total Jumlah
Rosli bin Man	-	-	11,500	-	-	205	11,705
Dato' Lim Kheng Guan	-	-	11,000	-	-	205	11,205
Tan Poh Keat	-	-	1,667	-	-	68	1,735
Azzat bin Kamaludin	-	-	16,750	-	-	205	16,955
Ismael Fariz bin Ali	-	-	16,500	-	-	205	16,705
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	-	-	31,250	-	-	614	31,864
Dato' Ng Kong Yeam	-	-	20,750	-	-	614	21,364
Shamsuddin bin Mohd Rasom	-	-	33,250	-	-	614	33,864
Axel Hass	-	-	18,750	-	-	-	18,750
Oliver Tim Axmann	73,500	-	4,500	-	-	6,914	84,914
Joerg Andreas Boy	-	-	3,500	-	-	-	3,500
Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli	796,000	263,258	-	600,000	-	9,550	1,668,808
Bistamam bin Ramli	300,000	99,572	-	157,500	-	13,775	570,847
Dato' Lim Kheng Yew	480,000	368,400	-	360,000	-	13,775	1,222,175
Tuan Haji Mohamed Ali bin Yusoff	-	12,517	-	-	129,500	7,350	149,367
Joachim Gronau	-	-	17,500	-	-	-	17,500
Dieter Sieber	-	-	-	-	-	-	-
Total Jumlah	1,649,500	773,747	328,944	1,117,500	129,500	58,766	4,057,957

The Board

Details of the nature and amount of each major remuneration element of each Directors of Celcom, from 1 October 2002 until 31 December 2002 are as follows:-

Lembaga Pengarah

Berikut ialah perincian jenis dan jumlah setiap unsur imbuhan yang utama untuk setiap Pengarah Celcom, bagi tempoh bermula daripada 1 Oktober 2002 sehingga 31 Disember 2002:-

Director Pengarah	Salary Gaji	Allowances Elaun	Fees Fi	Bonus Bonus	Advisory Fees Fi Penasihat	Benefits-in-kind Manfaat Berbentuk Barangan	Total Jumlah
Celcom – 1.10.2002 to hingga 31.12.2002							
Dato' Dr Mohd Munir bin Abdul Majid	-	30,000	40,250	-	-	4,471	74,721
Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas	200,000	2,278	-	-	-	9,489	211,767
Rosli bin Man	-	-	9,750	-	-	205	9,955
Dato' Lim Kheng Guan	-	29,746	10,750	-	-	205	40,701
Tan Poh Keat	-	-	9,750	-	-	205	9,955
Azzat bin Kamaludin	-	-	12,250	-	-	205	12,455
Ismael Fariz bin Ali	-	-	11,500	-	-	205	11,705
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	-	-	13,250	-	-	205	13,455
Dato' Ng Kong Yeam	-	-	10,750	-	-	205	10,955
Shamsuddin bin Mohd Rasom	-	-	11,500	-	-	205	11,705

Director Pengarah	Salary Gaji	Allowances Elaun	Fees Fi	Bonus Bonus	Advisory Fees Fi Penasihat	Benefits-in-kind	Total Jumlah
						Manfaat Berbentuk Barangan	
Axel Hass	-	-	9,000	-	-	-	9,000
Oliver Tim Axmann	24,500	149	750	-	-	2,305	27,704
Joerg Andreas Boy	-	-	9,750	-	-	-	9,750
Dieter Sieber	-	-	-	-	-	-	-
Joachim Gronau	-	-	-	-	-	-	-
Dr Frank-Reinhard Bartsch	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli	-	-	-	-	-	-	-
Bistamam bin Ramli	-	-	-	-	-	-	-
Tuan Haji Mohamed Ali bin Yusoff	-	-	-	-	-	-	-
Total Jumlah	224,500	62,173	149,250	-	-	17,901	453,824
	1,874,000	835,920	478,194	1,117,500	129,500	76,667	4,511,781

Section C: Shareholders

The Board acknowledges its role in representing and promoting the interest of shareholders and that it is accountable to the shareholders for the performance and activities of the Group. Formal channels of communication are used to account to shareholders for the performance of the Group.

One of the most important means to communicate with shareholders and investors is through the Annual Report, which is published in Bahasa Malaysia and English. The Annual Report is despatched to shareholders and quarterly results are announced to the KLSE in a timely manner. Established procedures are in place to ensure the timely public release of share price sensitive information.

Any information which may be regarded as undisclosed material information about the Group will not be given to any single shareholder until after the prescribed announcement to the KLSE has been made.

A website (www.celcom.com.my) has been established for access by shareholders for information. Alternatively, any concerns pertaining to the Group may be conveyed to Azzat bin Kamaludin, who has been nominated as the Senior Independent Non-Executive Director. At all times, shareholders may contact the Company Secretary at the Company's registered address and telephone number to convey any concerns or to make queries.

The KLSE also provides for the Company to electronically publish all its announcements including its quarterly results and Annual Reports through KLSE internet website at <http://www.announcements.klse.com.my>.

Bahagian C: Pemegang Saham

Lembaga Pengarah mengakui peranannya dalam mewakili dan mempromosikan kepentingan para pemegang saham selain bertanggungjawab kepada para pemegang saham terhadap prestasi dan aktiviti Kumpulan. Saluran komunikasi yang rasmi digunakan untuk memaklumkan prestasi Kumpulan kepada para pemegang saham.

Salah satu saluran yang paling penting untuk berkomunikasi dengan para pemegang saham dan pelabur adalah melalui Laporan Tahunan yang diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Laporan Tahunan dihantar kepada pemegang saham dan keputusan suku tahun diumumkan kepada BSKL tepat mengikut masa. Prosedur yang telah ditetapkan digunakan untuk memastikan maklumat yang sensitif berkenaan dengan harga saham diumumkan kepada pihak awam tepat mengikut masa.

Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai maklumat penting yang dirahsiakan tentang Kumpulan tidak akan diberi kepada mana-mana pemegang saham sehingga selepas pengumuman kepada BSKL.

Laman web (www.celcom.com.my) telah diwujudkan untuk memudahkan para pemegang saham mendapatkan maklumat. Selain itu, sebarang masalah berkaitan dengan Kumpulan boleh disampaikan kepada Azzat bin Kamaludin yang telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif. Pada bila-bila masa, para pemegang saham boleh menghubungi Setiausaha Syarikat di alamat berdaftar dan nombor telefon Syarikat untuk menyampaikan sebarang masalah atau untuk membuat pertanyaan.

BSKL juga menyediakan kemudahan menyiarkan semua pengumuman secara elektronik untuk Syarikat, termasuk keputusan suku tahun dan Laporan Tahunannya melalui laman web internet BSKL di alamat <http://www.announcements.klse.com.my>.

The Annual General Meeting ("AGM") is the principal forum for dialogue with shareholders to inform shareholders and investors of current developments. Notice of the AGM and the Annual Report are sent out to shareholders at least 21 days before the date of the meeting.

In addition to the administrative agenda for the AGM, the Board presents the progress and performance of the business as contained in the Annual Report and provides opportunities for shareholders to raise questions pertaining to the business activities of the Group.

Where Extraordinary General Meetings ("EGM") are held to obtain shareholders approval on certain business or corporate proposals, comprehensive circulars to shareholders would be sent within prescribed deadlines in accordance with regulatory and statutory provisions.

The Chairman, the GCEO, the Chief Financial Officer ("CFO") and senior members of management will be present, if deemed necessary, during the AGM, to provide responses to questions from the shareholders during these meetings.

Section D: Investor Relations

In line with good corporate governance practices, Group Corporate Communications proactively and actively disseminates relevant information about the Group to the investment community, specifically fund managers and analysts.

Regular contacts to provide accurate and timely information are established through roadshows, company visits, one on one meetings, teleconference and emails. Celcom participates actively in local and overseas investor conferences.

The Chairman, the GCEO and the CFO are actively involved in investor relation activities and they meet fund managers and analysts regularly. Information that is disseminated to the investment community conforms to KLSE disclosure rules and regulations. Care has been taken to ensure that no market sensitive information, such as corporate proposals, financial results and other material information, is disseminated to any parties without first making an official announcement to the KLSE.

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") merupakan forum utama untuk mengadakan dialog dengan para pemegang saham untuk memberitahu para pemegang saham dan pelabur tentang perkembangan semasa. Notis AGM dan Laporan Tahunan dihantar kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat.

Di samping agenda pentadbiran untuk AGM, Lembaga Pengarah membentangkan kemajuan dan prestasi perniagaan seperti yang terkandung dalam Laporan Tahunan dan memberi peluang kepada para pemegang saham untuk mengemukakan soalan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Kumpulan.

Bilamana Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") diadakan untuk mendapatkan kelulusan para pemegang saham tentang cadangan perniagaan atau korporat yang tertentu, pekeliling lengkap kepada para pemegang saham akan dihantar dalam tempoh tarikh akhir yang ditetapkan, selaras dengan peruntukan kawal selia dan berkanun.

Pengerusi, KPEK, Ketua Pegawai Kewangan dan kakitangan kanan dalam pengurusan akan hadir semasa AGM, jika dianggap perlu, untuk menjawab soalan daripada para pemegang saham ketika berlangsungnya mesyuarat tersebut.

Bahagian D: Hubungan Pelabur

Sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, bahagian Hubungan Korporat Kumpulan secara proaktif dan aktif menyebarkan maklumat yang berkaitan tentang Kumpulan kepada komuniti pelaburan, khususnya pengurus dana dan penganalisis.

Melalui pameran bergerak, lawatan syarikat, pertemuan antara satu sama satu, telesidang dan e-mel, terjalin hubungan dalam usaha untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan mengikut masa. Celcom aktif menyertai persidangan pelabur yang diadakan di dalam dan di luar negara.

Pengerusi, KPEK dan Ketua Pegawai Kewangan terlibat secara aktif dalam aktiviti hubungan pelabur dan mereka kerap berjumpa dengan pengurus dana dan penganalisis. Maklumat yang disebarkan kepada komuniti pelaburan adalah mematuhi kaedah dan peraturan penzahiran BSKL. Pengawasan diambil bagi memastikan bahawa tiada maklumat pasaran yang sensitif seperti cadangan korporat, keputusan kewangan dan maklumat penting lain disebarkan kepada mana-mana pihak tanpa diumumkan secara rasmi kepada BSKL.

Section E: Accountability and Audit

1. Financial Reporting

The Board aims to provide and present a balanced and meaningful assessment of the Group's Financial Performance and prospects at the end of the financial year, primarily through the annual financial statements, quarterly and half yearly announcements of the results to shareholders as well as the Chairman's Statement and review of operations in the Annual Report. The Board is assisted by the Board Audit Committee ("BAC") to oversee the Group's financial reporting processes and the quality of its financial reporting.

2. State of Internal Control

The Board acknowledges its overall responsibility for maintaining a sound system of internal controls to safeguard shareholders' investment and Group's assets. The Statement on Internal Control is set out on pages 64 to 66 of the Annual Report and provides an overview of the state of internal control within the Group.

3. Relationship with the Auditors

An appropriate relationship is maintained with the Company's Auditors through the BAC. The BAC has been explicitly accorded the power to communicate directly with both the External and Internal Auditors. A full BAC Report and its Terms of Reference, detailing its role in relation to the Auditors is set out on pages 56 to 63 of the Annual Report.

4. Compliance with the Code

As at the end of the financial year, the Board considers that the Group is in compliance with the Principles and Best Practices of the Code.

This statement is made in accordance with the Board of Directors' Resolution dated 25 February 2003.

Bahagian E: Kebertanggungjawaban dan Audit

1. Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berhasrat memberikan dan mengemukakan penilaian yang seimbang dan bermakna terhadap Prestasi Kewangan Kumpulan serta prospek Kumpulan pada akhir tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahun dan setengah tahun kepada para pemegang saham dan juga Perutusan Pengerusi dan kajian semula operasi dalam Laporan Tahunan. Lembaga Pengarah dibantu oleh Lembaga Jawatankuasa Audit untuk mengawal proses penyediaan laporan kewangan Kumpulan dan mutu laporan kewangannya.

2. Keadaan Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah memaklumi keseluruhan tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan. Penyata Kawalan Dalaman dinyatakan dalam halaman 64 hingga 66 dalam Laporan Tahunan dan memberikan gambaran menyeluruh tentang keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

3. Hubungan dengan Juruaudit

Hubungan yang wajar dengan Juruaudit Syarikat dipelihara melalui Lembaga Jawatankuasa Audit. Lembaga Jawatankuasa Audit telah diberikan kuasa secara jelas untuk berhubung terus dengan Juruaudit Dalaman dan Luar. Laporan Lembaga Jawatankuasa Audit yang penuh dan Terma-terma Rujukan, yang memperincikan peranannya berhubung dengan Juruaudit tertera pada halaman 56 hingga 63 dalam Laporan Tahunan.

4. Pematuhan kepada Kod

Pada akhir tahun kewangan, Lembaga Pengarah menganggap bahawa Kumpulan mematuhi Prinsip dan Amalan Terbaik Kod.

Penyata ini disediakan selaras dengan Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2003.

STATEMENT ON DIRECTORS' RESPONSIBILITY IN RELATION TO THE FINANCIAL STATEMENTS

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH BERHUBUNG DENGAN PENYATA KEWANGAN

The Directors are required by the Companies Act, 1965 to ensure that financial statements prepared for each financial year give a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group as at the end of the financial year and of the results and cash flow of the Group for the financial year. The Directors consider that in presenting the financial statements, the Group has used appropriate accounting policies, consistently applied and supported by reasonable and prudent judgments and estimates.

The Directors have a general responsibility for ensuring that the Company and the Group keep accounting records and financial statements, which disclose with reasonable accuracy the financial position of the Company and the Group. Efforts are made to ensure that such financial statements comply with the Companies Act, 1965, approved accounting standards in Malaysia and other regulatory provisions.

The Directors have general responsibilities for taking such steps that are reasonably available to them to safeguard the assets of the Group, and to prevent fraud and other irregularities.

Mengikut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki memastikan bahawa penyata kewangan yang disediakan bagi setiap tahun kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal-ehwal Syarikat dan Kumpulan pada akhir tahun kewangan serta keputusan dan aliran tunai Kumpulan bagi tahun kewangan tersebut. Para Pengarah berpendapat bahawa di dalam menyediakan penyata kewangan, Kumpulan telah menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sesuai, menggunakannya secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh untuk memastikan yang Syarikat dan Kumpulan menyimpan rekod perakaunan dan penyata kewangan yang menzahirkan dengan ketepatan yang munasabah tentang kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan. Usaha telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa penyata kewangan tersebut mematuhi Akta Syarikat, 1965, piawaian perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan peruntukan kawalselia yang lain.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh untuk mengambil pelbagai langkah yang mereka anggap wajar untuk melindungi aset Kumpulan dan mencegah fraud dan sebarang keadaan lain yang di luar aturan.

ADDITIONAL COMPLIANCE STATEMENT

PENYATA PEMATUHAN TAMBAHAN

PARA 9.25 OF KLSE LISTING REQUIREMENTS

Offence (as at 10 March 2003)

None of the Directors have been convicted of any offence for the past 10 years.

Conflict of Interest (as at 10 March 2003)

There has not been any conflict of interest between any of the Directors and the Company.

Utilisation of Proceeds

Save as disclosed in the 2001 Annual Report, there was no utilisation of proceeds during the financial year.

Share Buybacks

During the financial year, the Company did not enter into any share buyback transactions.

Options, Warrants or Convertible Securities

No options, warrants or convertible securities were exercised during the financial year.

American Depository Receipt ("ADR") or Global Depository Receipt ("GDR") Programme (as at 10 March 2003)

The Company did not sponsor any ADR or GDR programme.

PERENGKAN 9.25 PERATURAN-PERATURAN PENYENARAIAAN BSKL

Kesalahan (setakat 10 Mac 2003)

Tiada Pengarah yang disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Konflik Kepentingan (setakat 10 Mac 2003)

Tiada konflik kepentingan berlaku di antara mana-mana Pengarah dan Syarikat.

Penggunaan Hasil Kutipan

Selain yang dizahirkan di dalam Laporan Tahunan 2001, tiada penggunaan hasil kutipan berlaku semasa tahun kewangan.

Belian Balik Saham

Dalam tahun kewangan, Syarikat tidak melaksanakan sebarang kegiatan belian balik saham.

Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Tiada opsiyen, waran atau sekuriti boleh tukar dilaksanakan semasa tahun kewangan.

Program Penerimaan Depositori Amerika ("ADR") atau Penerimaan Depositori Global ("GDR") (setakat 10 Mac 2003)

Syarikat tidak menaja mana-mana program ADR atau GDR.

Imposition of Sanctions and Penalties (as at 10 March 2003)

There were no sanctions or penalties imposed on the Company and its subsidiaries, directors or management by the relevant regulatory bodies.

Non-Audit Fees

The amount of non-audit fees paid to the external auditors by the Group for the financial year amounted to RM952,005.

Variation in Results

There were no variances of 10% or more between the results for the financial year and the unaudited results and the profit forecast previously announced.

Profit Guarantee

During the financial year, there were no profit guarantees given by the Company.

Material Contracts

Save as disclosed below, there are no other material contracts entered into by the Company or its subsidiaries, involving directors and major shareholders interests during the financial year:-

An Amended and Restated Supplemental Agreement dated 4 April 2002 ("Amended and Restated Agreement") was executed between the Company, Technology Resources Industries Berhad ("TRI"), DeTeAsia Holding GmbH ("DeTeAsia") and TR International Limited. This Amended and Restated Agreement was entered into to amend in its entirety the terms set out in a Supplemental Agreement dated 7 February 2002. This Supplemental Agreement was entered into to amend the terms of a Subscription Agreement dated 25 June 1996 made between TRI and Deutsche Telekom AG ("DTAG") and a Management Agreement dated 26 September 1996 made between TRI, the Company, DTAG and TR International Limited. DTAG had subsequently assigned all its rights under these two agreements to DeTeAsia.

Revaluation Policy

The revaluation policy is disclosed in Note 2(g) of the financial statements.

List of Properties

The list of properties is stated on pages 138 to 143 of the Annual Report.

PARA 10.09(1) OF KLSE LISTING REQUIREMENTS

Significant related party transactions of the Group during the financial year are disclosed in Note 31 of the financial statements.

The Company will be seeking the renewal of and/or new shareholders' mandate for recurrent related party transaction at this forthcoming AGM.

Pengenaan Sekatan dan Denda (setakat 10 Mac 2003)

Tiada sekatan atau denda dikenakan ke atas Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, para Pengarah atau pihak pengurusan oleh badan kawalselia yang berkaitan.

Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit luaran oleh Kumpulan untuk tahun kewangan berjumlah RM952,005.

Perbezaan Laporan Kewangan

Keputusan untuk tahun kewangan dan laporan belum diaudit berbanding dengan jangkaan keuntungan yang diumumkan sebelumnya tidak menyamai atau melebihi 10% perbezaan.

Jaminan Keuntungan

Dalam tahun kewangan, tiada jaminan keuntungan diberi oleh Syarikat.

Kontrak Material

Selain yang dizahirkan di bawah, tiada kontrak material dimasuki oleh Syarikat atau subsidiari-subsidiari, yang melibatkan para Pengarah dan kepentingan para pemegang saham utama dalam tahun kewangan:-

Perjanjian Tambahan bagi Pindaan dan Pernyataan Semula bertarikh 4 April 2002 ("Perjanjian Pindaan dan Pernyataan Semula") telah disempurnakan di antara Syarikat, Technology Resources Industries Berhad ("TRI"), DeTeAsia Holding GmbH ("DeTeAsia") dan TR International Limited. Perjanjian Pindaan dan Pernyataan Semula ini disempurnakan untuk meminda terma-terma yang ditetapkan di dalam Perjanjian Tambahan bertarikh 7 Februari 2002. Perjanjian Tambahan ini disempurnakan untuk meminda syarat-syarat Perjanjian Langganan bertarikh 25 Jun 1996 di antara TRI dan Deutsche Telekom AG ("DTAG") dan Perjanjian Pengurusan bertarikh 26 September 1996 di antara TRI, Syarikat, DTAG dan TR International Limited. DTAG berikutnya telah menyerahkan hak-haknya di bawah dua Perjanjian ini kepada DeTeAsia.

Polisi Penilaian Semula

Polisi penilaian semula didedahkan dalam Nota 2(g) penyata kewangan.

Senarai Hartanah

Senarai hartanah dinyatakan di antara halaman 208 ke 213 Laporan Tahunan ini.

PERENGGAN 10.09(1) PERATURAN-PERATURAN PENYENARAIAAN BSKL

Urusniaga penting pihak berkaitan Kumpulan untuk tahun kewangan dizahirkan dalam Nota 31 penyata kewangan.

Syarikat akan berusaha mendapatkan pembaharuan mandat dan/atau mandat baru para pemegang saham untuk urusniaga berulang dengan pihak berkaitan di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang ini.

BOARD AUDIT COMMITTEE REPORT

LAPORAN LEMBAGA JAWATANKUASA AUDIT

Introduction

This report has been prepared after taking into consideration that the activities and the terms of reference described in this report were, prior to the internal restructuring, which included the transfer of listing status ("Internal Restructuring") of Technology Resources Industries Berhad ("TRI") to Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") as described in more detail on page 92 of this Annual Report, under the purview of the Audit Committee of TRI.

Accordingly, in arriving at the report set out below, the Board of Directors of Celcom ("Board") has included pertinent information on the activities of the Audit Committee of TRI so that the activities are reported for the full financial year. This is on the basis that the Internal Restructuring that was completed on 10 October 2002 did not materially and significantly alter the manner in which the Board Audit Committee of Celcom ("Board Audit Committee") undertakes its roles and responsibilities.

Membership

Audit Committee of TRI

During the financial year up to the completion of the Internal Restructuring, the members of the Audit Committee were as follows:-

Member	Position	Status
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Chairman	Independent Non-Executive Director
Dato' Ng Kong Yeam	Member	Independent Non-Executive Director
Shamsuddin bin Mohd Rasom	Member	Independent Non-Executive Director
Dato' Lim Kheng Yew (Resigned on 3 July 2002)	Member	Executive Director
Dato' Lim Kheng Guan (Appointed on 3 July 2002)	Member	Non-Independent Non-Executive Director

Pengenalan

Laporan ini telah disediakan selepas mengambil kira bahawa aktiviti-aktiviti dan bidang tugas yang dinyatakan dalam laporan ini adalah di bawah skop Jawatankuasa Audit TRI, sebelum penyusunan semula dalaman yang melibatkan perubahan status penyenaraian ("Penyusunan Semula Dalaman") Technology Resources Industries Berhad ("TRI") kepada Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom"), seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam halaman 162 dalam Laporan Tahunan ini.

Dengan itu, dalam menyediakan laporan yang dikemukakan di bawah, Lembaga Pengarah Celcom ("Lembaga Pengarah") telah memasukkan maklumat yang berkaitan dengan aktiviti Jawatankuasa Audit TRI supaya aktiviti berkenaan dapat dilaporkan di dalam tahun kewangan penuh. Ini dilakukan berdasarkan Penyusunan Semula Dalaman yang disempurnakan pada 10 Oktober 2002 yang tidak mengubah dengan banyak dan ketara cara Lembaga Jawatankuasa Audit Celcom ("Lembaga Jawatankuasa Audit") melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya berhubung dengan perkara ini.

Keahlian

Jawatankuasa Audit TRI

Dalam tahun kewangan sehingga selesainya Penyusunan Semula Dalaman, ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti yang berikut:-

Ahli	Kedudukan	Status
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Pengerusi	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Ng Kong Yeam	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Shamsuddin bin Mohd Rasom	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Lim Kheng Yew (Meletak jawatan pada 3 Julai 2002)	Ahli	Pengarah Eksekutif
Dato' Lim Kheng Guan (Dilantik pada 3 Julai 2002)	Ahli	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Board Audit Committee

The Board Audit Committee was established on 10 October 2002 after the completion of the Internal Restructuring. With effect from the date of its establishment, the members of the Board Audit Committee are as follows:-

Member	Position	Status
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Chairman	Independent Non-Executive Director
Dato' Ng Kong Yeam	Member	Independent Non-Executive Director
Dato' Lim Kheng Guan	Member	Non-Independent Non-Executive Director
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Resigned on 28 March 2003)	Member	Independent Non-Executive Director
Azzat bin Kamaludin (Appointed on 28 March 2003)	Member	Senior Independent Non-Executive Director

Members of the Board Audit Committee shall not have a relationship which, in the opinion of the Board, would interfere with the exercise of independent judgment in carrying out the functions of the Board Audit Committee.

Members of the Board Audit Committee shall possess sound judgment, objectivity, independent attitude, management experience and knowledge of the industry. Dato' Lim Kheng Guan who is a Non-Independent Non-Executive Director is a Member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Terms of Reference

The Board Audit Committee is a sub-committee of the Board and its terms of reference are as set out in pages 59 to 63 of this Annual Report.

Meetings

Audit Committee of TRI

During the financial year up to the completion of the Internal Restructuring, the TRI Audit Committee met four (4) times. Details of attendance of the Directors at the TRI Audit Committee are as follows:

Director	Attendance
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	4/4
Dato' Ng Kong Yeam	2/4
Shamsuddin bin Mohd Rasom	4/4
Dato' Lim Kheng Guan	2/2
Dato' Lim Kheng Yew	1/2

Lembaga Jawatankuasa Audit

Lembaga Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 10 Oktober 2002 selepas selesainya Penyusunan Semula Dalam. Berkuat kuasa dari tarikh penubuhannya, ahli Lembaga Jawatankuasa Audit adalah seperti yang berikut:-

Ahli	Kedudukan	Status
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	Pengerusi	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Ng Kong Yeam	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Lim Kheng Guan	Ahli	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Shamsuddin bin Mohd Rasom (Meletak jawatan pada 28 Mac 2003)	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Azzat bin Kamaludin (Dilantik jawatan pada 28 Mac 2003)	Ahli	Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit tidak boleh mempunyai hubungan yang, mengikut pendapat Lembaga Pengarah, boleh mengganggu pelaksanaan keputusan bebas ketika menjalankan fungsi Jawatankuasa Audit Lembaga.

Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit hendaklah mempunyai pertimbangan yang baik, bersifat objektif, berpendirian bebas, mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan dan pengetahuan dalam industri. Dato' Lim Kheng Guan yang merupakan Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif ialah Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Terma-terma Rujukan

Lembaga Jawatankuasa Audit ialah jawatankuasa kecil Lembaga Pengarah dan terma-terma rujukannya tertera pada halaman 59 hingga 63 dalam Laporan Tahunan ini.

Mesyuarat

Jawatankuasa Audit TRI

Dalam tahun kewangan sehingga selesainya Penyusunan Semula Dalam, Jawatankuasa Audit TRI bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Butiran kehadiran Pengarah berkenaan dalam Jawatankuasa Audit TRI adalah seperti yang berikut:

Pengarah	Kehadiran
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	4/4
Dato' Ng Kong Yeam	2/4
Shamsuddin bin Mohd Rasom	4/4
Dato' Lim Kheng Guan	2/2
Dato' Lim Kheng Yew	1/2

Board Audit Committee

From the date of its establishment on 10 October 2002 to the end of the financial year, the Board Audit Committee met two (2) times. Details of attendance of the Directors at the Board Audit Committee are as follows:-

Director	Attendance
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	2/2
Dato' Ng Kong Yeam	2/2
Shamsuddin bin Mohd Rasom	2/2
Dato' Lim Kheng Guan	2/2

Senior management members, the Head of Internal Audit Department and the Group's External Auditors attended these Board Audit Committee Meetings at the invitation of the Board Audit Committee.

Summary of Activities

Audit Committee of TRI

The activities of the Audit Committee of TRI were primarily in accordance with its duties, as set out in its terms of reference, which has been adopted by the Board with appropriate amendments. (Refer to the Terms of Reference)

Board Audit Committee

Apart from its duties as set out in its terms of reference, the Board Audit Committee also carried out the following activities during the period:-

- Established and formalised the Corporate Governance and Risk Advisory Committee ("CGRAC");
- Considered new updates and developments of best business practices and exposure drafts principally on Corporate Governance, statutory and regulatory requirements, compliance with accounting standards and other business guidelines;
- Embarked on an ongoing process to identify, evaluate and manage significant risks that affect the achievement of the Group's business objectives, which is currently in progress. This process includes a re-assessment and refinement of the existing risk management framework and a review of the adequacy of the present system of internal control to manage principal risks identified;

Lembaga Jawatankuasa Audit

Berkuat kuasa dari tarikh penubuhannya pada 10 Oktober 2002 sehingga akhir tahun kewangan, Lembaga Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak dua (2) kali. Butiran kehadiran Pengarah dalam Lembaga Jawatankuasa Audit adalah seperti yang berikut:-

Pengarah	Kehadiran
Dato' Abdul Rahman bin Haji Ismail	2/2
Dato' Ng Kong Yeam	2/2
Shamsuddin bin Mohd Rasom	2/2
Dato' Lim Kheng Guan	2/2

Anggota pengurusan kanan, Ketua Jabatan Audit Dalaman dan Juruaudit Luar Kumpulan menghadiri Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa Audit ini atas jemputan Lembaga Jawatankuasa Audit.

Ringkasan Aktiviti

Jawatankuasa Audit TRI

Aktiviti Jawatankuasa Audit TRI adalah terutamanya selaras dengan tugasnya, seperti yang dinyatakan dalam terma-terma rujukan, yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah dengan pindaan yang sesuai. (Rujuk kepada Terma-terma Rujukan)

Lembaga Jawatankuasa Audit

Selain tugasnya seperti yang dinyatakan di dalam terma-terma rujukan, Lembaga Jawatankuasa Audit juga menjalankan aktiviti berikut dalam tempoh tersebut:-

- Menubuhkan dan memformalkan Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat dan Penasihat Risiko ("CGRAC");
- Menimbangkan maklumat terkini dan perkembangan amalan perniagaan terbaik serta draf pendedahan terutamanya tentang Tadbir Urus Korporat, keperluan berkanun dan kawalselia, sejajar dengan piawai perakaunan dan garis panduan perniagaan yang lain;
- Melaksanakan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan menangani risiko yang ketara yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat perniagaan Kumpulan yang dijalankan ketika ini. Proses ini termasuk menilai semula dan memperlengkapkan rangka pengurusan risiko sedia ada serta mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman sekarang untuk menangani risiko utama yang dikenal pasti;

- iv. Reviewed the extent of the Group's compliance with the provisions set under the Malaysian Code on Corporate Governance and the recommendations made to the Board on action plans to address the identified gaps between the Group's existing corporate governance practices and the prescribed corporate governance principles and best practices under the Code; and
 - v. Conducted monitoring and coordinating reviews on the effectiveness of the Group's system of internal controls, through reports furnished by the Internal Audit Department, the External Auditors and the management.
- iv. Mengkaji semula sejauh mana Kumpulan mematuhi peruntukan yang ditetapkan mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan cadangan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah tentang pelan tindakan bagi menangani jurang yang dikenalpasti antara amalan Tadbir Urus Korporat Kumpulan yang sedia ada dengan prinsip tadbir urus korporat yang telah ditetapkan mengikut Kod berkenaan.
 - v. Menjalankan kajian semula pemantauan dan penyelarasan terhadap keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan melalui laporan yang disediakan oleh Jabatan Audit Dalaman, Juruaudit Luar dan pihak pengurusan.

Internal Audit Function

An independent Internal Audit Department supports the Board Audit Committee. The Board Audit Committee is aware of the fact that an independent and adequately resourced Internal Audit Department is essential to assist in obtaining the assurance it requires regarding the effectiveness of the system of internal controls. The main role of the Internal Audit Department is to review the effectiveness of the system of internal controls and this is performed with impartiality, proficiency and due professional care.

The Board Audit Committee approves the Internal Audit Plan, which covers the audits of financial and operational matters for both international and local subsidiaries. The Board Audit Committee has schedules and procedures for submission of internal audit reports.

The Board Audit Committee receives regular reports from the Head of Internal Audit on audit work and activities prior to the Committee meetings. The internal audit reports are submitted to the Board Audit Committee based on quarterly audit plans as well as additional reports requested.

The Internal Audit Department coordinates with the External Auditors to improve efficiency and reduce the amount of audit duplication.

During the period, a new Head of Internal Audit Department was appointed on 12 August 2002.

Terms of Reference of the Board Audit Committee

The Terms of Reference of the Board Audit Committee for TRI was adopted by the Board upon its establishment on 10 October 2002, following the Internal Restructuring. Additionally, the Terms of Reference has been updated to comply with the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE") Listing Requirements and the Malaysian Code on Corporate Governance.

Fungsi Audit Dalaman

Jabatan Audit Dalaman yang bebas menyokong Lembaga Jawatankuasa Audit. Lembaga Jawatankuasa Audit menyedari hakikat bahawa Jabatan Audit Dalaman yang bebas dan cukup sumbernya adalah penting bagi membantu mendapatkan jaminan yang diperlukannya berhubung dengan keberkesanan sistem kawalan dalaman. Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah mengkaji semula keberkesanan sistem kawalan dalaman dan ini dilaksanakan dengan saksama, cekap dan ketelitian profesional yang sewajarnya.

Lembaga Jawatankuasa Audit meluluskan Pelan Audit Dalaman yang mencakupi audit kewangan dan hal-ehwal operasi bagi anak syarikat tempatan dan antarabangsa. Lembaga Jawatankuasa Audit mempunyai jadual dan prosedur untuk penyerahan laporan audit dalaman.

Lembaga Jawatankuasa Audit menerima laporan dari semasa ke semasa daripada Ketua Audit Dalaman berkenaan dengan tugas audit dan aktivitinya sebelum berlangsungnya mesyuarat Jawatankuasa. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Lembaga Jawatankuasa Audit berdasarkan pelan audit suku tahunan serta laporan tambahan yang diminta.

Jabatan Audit Dalaman bekerjasama dengan Juruaudit Luar untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan duplikasi audit.

Dalam tempoh tersebut, Ketua Jabatan Audit Dalaman yang baru dilantik pada 12 Ogos 2002.

Terma-Terma Rujukan Jawatankuasa Audit

Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit bagi TRI diterima pakai oleh Lembaga Pengarah apabila ia ditubuhkan pada 10 Oktober 2002, selepas Penyusunan Semula Dalaman. Di samping itu, terma-terma rujukan telah dikemaskini untuk mematuhi Peraturan-peraturan Penyenaian Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") yang disusun semula dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

The new Terms of Reference approved by the Board on 19 December 2002 are as follows:-

1. Composition of the Board Audit Committee

- a. The Board Audit Committee shall at all times consist of at least three (3) Members;
- b. A majority of the Board Audit Committee must be Independent Directors; and
- c. At least one member of the Board Audit Committee:-
 - i. shall be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or
 - ii. if he is not a member of Malaysian Institute of Accountants, he shall have at least 3 years' working experience and:-
 - he shall passed the examinations specified in Part 1 of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or
 - he shall be a member of one of the associations specified in Part II of the Accountants Act 1967.
- d. No alternate director shall be appointed as a member of the Board Audit Committee.

2. Chairman of the Board Audit Committee

The members of the Board Audit Committee shall elect a Chairman from among their number who shall be an Independent Director.

3. Meetings

The Board Audit Committee shall meet regularly, at least four (4) regular meetings per annum and the frequency of additional meetings depends upon the requests by members or the Internal/External Auditor.

The Notice and agenda for each meeting shall be sent to all members of the Board Audit Committee and any other persons who may be required to attend.

The Secretary shall keep the minutes of the meetings, which are circulated to all members of the Board Audit Committee and other members of the Board.

The members of the Board Audit Committee shall be paid an attendance allowance and the amount is to be determined by the Board.

4. Quorum

In order to form a quorum, the majority of members present must be independent directors.

Terma-terma Rujukan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 19 Disember 2002 adalah seperti yang berikut:-

1. Komposisi Jawatankuasa Audit

- a. Lembaga Jawatankuasa Audit hendaklah sentiasa terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) Ahli;
- b. Majoriti ahli Lembaga Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada Pengarah Bebas; dan
- c. Sekurang-kurangnya seorang ahli Lembaga Jawatankuasa Audit :-
 - i. hendaklah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
 - ii. jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau hendaklah mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dan:-
 - beliau mesti lulus peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau mestilah ahli salah sebuah persatuan yang ditetapkan dalam Bahagian II Akta Akauntan 1967.
- d. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Lembaga Jawatankuasa Audit.

2. Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Audit

Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi daripada kalangan mereka yang akan menjadi Pengarah Bebas.

3. Mesyuarat

Lembaga Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan, dari semasa ke semasa, sekurang-kurangnya sebanyak empat (4) mesyuarat tetap setahun dan kekerapan mesyuarat tambahan bergantung pada permintaan ahli atau Juruaudit Dalaman/Luar.

Notis dan agenda bagi setiap mesyuarat hendaklah dihantar kepada semua ahli Lembaga Jawatankuasa Audit dan mana-mana individu lain yang mungkin dikehendaki hadir.

Setiausaha hendaklah menyimpan minit mesyuarat yang diedarkan kepada semua ahli Lembaga Jawatankuasa Audit serta ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Ahli Lembaga Jawatankuasa Audit akan dibayar elaun kehadiran dan jumlahnya akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

4. Korum

Untuk membentuk korum, majoriti ahli yang hadir mestilah pengarah bebas.

5. Secretary

The Secretary to the Board Audit Committee shall be the Company Secretary or any other person appointed by the Board Audit Committee.

6. Review of the Board Audit Committee

The Board must review the term of office and performance of the Board Audit Committee and each of its members at least once every three (3) years to determine whether such Board Audit Committee and members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

7. Functions of the Board Audit Committee

- a. To review the following and report the same to the Board:-
 - i. with the External Auditor, the audit plan;
 - ii. with the External Auditor before the audit commences, the nature and scope of the audit, and ensure co-ordination where more than one audit firm is involved;
 - iii. the External Auditor, his evaluation of the effectiveness of the system of internal controls;
 - iv. with the External Auditor, his audit report;
 - v. the assistance given by the employees of the Company to the External Auditor;
 - vi. the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit function and that it has the necessary authority to carry out its function;
 - vii. the internal audit programme, process, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function;
 - viii. the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the Board, focusing particularly on:-
 - the nature of impact of any changes in or implementation of any major accounting policy changes and practices;
 - significant and unusual events;
 - the going concern assumption;

5. Setiausaha

Setiausaha kepada Lembaga Jawatankuasa Audit merupakan Setiausaha Syarikat atau mana-mana individu yang dilantik oleh Lembaga Jawatankuasa Audit.

6. Kajian Semula Lembaga Jawatankuasa Audit

Lembaga Pengarah mesti mengkaji semula tempoh jawatan dan prestasi Lembaga Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun untuk menentukan samada Lembaga Jawatankuasa Audit dan ahlinya telah menjalankan tugas mereka menurut terma-terma rujukan mereka.

7. Fungsi Jawatankuasa Audit

- a. Untuk mengkaji semula perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah:-
 - i. dengan Juruaudit Luar, pelan audit;
 - ii. dengan Juruaudit Luar sebelum audit bermula, jenis dan skop audit, dan memastikan penyelarassannya jika lebih daripada sebuah firma audit terlibat;
 - iii. dengan Juruaudit Luar, penilaiannya tentang keberkesanan sistem kawalan dalaman;
 - iv. dengan Juruaudit Luar, laporan auditnya;
 - v. bantuan yang diberikan oleh pekerja Syarikat kepada Juruaudit Luar;
 - vi. kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang perlu untuk melaksanakan fungsinya;
 - vii. program audit dalaman, proses, hasil program audit dalaman, proses atau penyiasatan yang dijalankan dan samada tindakan wajar telah diambil atau tidak berdasarkan cadangan fungsi audit dalaman;
 - viii. keputusan suku tahun dan penyata kewangan akhir tahun, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, tertumpu terutamanya pada:-
 - bentuk kesan daripada sebarang perubahan atau pelaksanaan mana-mana perubahan besar dasar perakaunan dan amalan perakaunan;
 - peristiwa penting dan luar biasa;
 - andaian asas berterusan;

- compliance with accounting standards and other legal requirements; and
 - adequacy of accounting, financial and operating controls and to monitor the implementation of any recommendation made.
- ix. problems and reservations arising from the interim and final audits, any matter the auditor may wish to discuss (in the absence of the management where necessary);
 - x. any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or Group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity;
 - xi. any letter of resignation from the External Auditors of the Company; and
 - xii. whether there is reason (supported by grounds) to believe that the Company's External Auditor is not suitable for re-appointment.
- b. To review the External Auditor's management letter and the Management's response thereto;
 - c. Recommend the nomination of a person or persons as External Auditors;
 - d. To review and recommend the appointment and remuneration of the External Auditors each year;
 - e. To review any appraisal or assessment of the performance of members of the Internal Audit Function;
 - f. To review any appointment or termination of senior staff members of the Internal Audit Function;
 - g. To be informed of resignations of Internal Audit staff members and provide the resigning staff member an opportunity to submit his/her reasons for resigning, if necessary;
 - h. To consider the major findings of internal investigations and management's response thereto;
 - i. To support, as deemed necessary, the internal audit activities;
 - j. To report to the Kuala Lumpur Stock Exchange, if the Board Audit Committee views that a matter resulting in a breach of the Kuala Lumpur Stock Exchange Listing Requirements reported by the Board Audit Committee to the Board has not been satisfactorily resolved by the Board;
- pematuhan terhadap piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain; dan
 - kecukupan dari segi kawalan perakaunan, kewangan dan operasi serta untuk memantau pelaksanaan mana-mana cadangan yang dibuat.
- ix. masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir, apa-apa perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak pengurusan jika perlu);
 - x. sebarang urusan pihak yang berkaitan dan situasi pertelingkahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan atau Syarikat, termasuk apa-apa urusan, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan kejujuran dan ketulusan pengurusan;
 - xi. sebarang surat perletakan jawatan daripada Juruaudit Luar Syarikat; dan
 - xii. samada terdapat sebab (disokong dengan alasan) untuk mempercayai bahawa Juruaudit Luar bagi Syarikat tidak wajar dilantik semula.
- b. Untuk mengkaji semula surat pengurusan Juruaudit Luar dan maklum-balas Pengurusan kepadanya;
 - c. Mencadangkan penamaan seseorang atau beberapa orang sebagai Juruaudit Luar;
 - d. Untuk mengkaji semula dan mencadangkan perantikan dan ganjaran Juruaudit Luar setiap tahun;
 - e. Untuk mengkaji semula mana-mana penilaian prestasi ahli Fungsi Audit Dalam;
 - f. Untuk mengkaji semula sebarang perantikan atau penamatan khidmat anggota kakitangan kanan dalam Fungsi Audit Dalam;
 - g. Untuk dimaklumkan perletakan jawatan anggota kakitangan Audit Dalam dan memberi peluang kepadanya untuk menyerahkan sebab perletakan jawatannya, jika perlu;
 - h. Untuk menimbangkan penemuan utama hasil dari siasatan dalaman dan maklum balas pengurusan kepadanya;
 - i. Untuk menyokong, jika dianggap perlu, aktiviti audit dalaman;
 - j. Untuk melaporkan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur jika Lembaga Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa perkara yang menyebabkan pelanggaran Peraturan-peraturan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilaporkan oleh Lembaga Jawatankuasa Audit kepada Lembaga Pengarah tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Lembaga Pengarah;

- k. To consider other topics as defined by the Board from time to time.

8. Access

The Board Audit Committee shall, in accordance with a procedure to be determined by the Board and at the cost of the Company:-

- a. Have authority to investigate any matter within its terms of reference as approved by the Board;
- b. Have the resources which are required to perform its duties;
- c. Have full and unrestricted access to any information pertaining to the Company;
- d. Have direct communication channels with the External Auditors and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- e. Be able to obtain independent professional or other advice; and
- f. Be able to convene meetings with the External Auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

9. Retirement and Resignation

In the event of any vacancy in the Board Audit Committee resulting in the non-compliance of paragraph 1, the Company must fill the vacancy within three (3) months.

10. Attendance of Other Directors and Employees

The Company must ensure that other directors and employees attend any particular audit committee meeting only at the Board Audit Committee's invitation, specific to the relevant meeting.

- k. Untuk menimbangkan topik lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

8. Akses

Menurut prosedur yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan pada kos yang ditanggung oleh Syarikat, Lembaga Jawatankuasa Audit hendaklah:-

- a. Mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa perkara yang merangkumi terma-terma rujukannya seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- b. Memiliki sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- c. Boleh mendapatkan apa-apa maklumat yang lengkap dan tidak terhad berkaitan dengan Syarikat;
- d. Boleh berhubung terus dengan Juruaudit Luar serta sesiapa yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- e. Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat yang lain; dan
- f. Boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar, tanpa kehadiran ahli eksekutif dalam jawatankuasa, pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

9. Persaraan dan Perletakan Jawatan

Sekiranya terdapat mana-mana kekosongan dalam Lembaga Jawatankuasa Audit yang tidak mematuhi perenggan 1, Syarikat mestilah mengisi kekosongan itu dalam tempoh tiga (3) bulan.

10. Kehadiran Pengarah dan Pekerja Lain

Syarikat mesti memastikan pengarah dan pekerja lain menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa audit yang tertentu hanya apabila dijemput oleh Lembaga Jawatankuasa Audit, khusus untuk mesyuarat yang berkaitan.

STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Introduction

The Malaysian Code on Corporate Governance stipulates that the Board of Directors of listed companies should maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investment and Group's assets. Set out below is the Board of Directors of Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom")'s ("the Board") Statement on Internal Control ("Statement") as a Group, made in compliance with the Listing Requirements of Kuala Lumpur Stock Exchange and the Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies.

The Board's Statement has been prepared after taking into consideration that prior to the internal restructuring, which included the transfer of listing status ("Internal Restructuring") of Technology Resources Industries Berhad ("TRI") to Celcom as described in more detail on page 92 of this Annual Report, the Group's system of internal control was under the purview of the Board of Directors of TRI.

Accordingly, in arriving at its Statement, the Board has considered the internal control activities undertaken during the tenure of the Board of Directors of TRI for the Statement to be made in respect of the full financial year. This is on the basis that the Internal Restructuring that was completed on 10 October 2002 did not materially and significantly alter the manner in which the Group operates and that the Board now undertakes its roles and responsibilities in this respect.

Due to the circumstances described on page 133 of this Annual Report, the following investment ventures have not been dealt with in arriving at the Board's Statement:

- Sheba Telecom (Pvt) Ltd in Bangladesh
- TRI Telecommunication Tanzania Limited in Tanzania (Receivers and Managers appointed on 14 January 2003); and
- Celcom Timur (Sarawak) Sdn Bhd.

Responsibility for Risk and Internal Control

The Board places importance on maintaining a sound system of internal control and effective risk management practices in the Group to ensure good corporate governance. The Board affirms its responsibility for reviewing the adequacy and integrity of the Group's system of internal control and management information systems, including systems for compliance with applicable laws, rules, directives, guidelines and risk management.

Pengenalan

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menetapkan bahawa Lembaga Pengarah syarikat tersenarai hendaklah mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Di bawah ini, dikemukakan Penyata Kawalan Dalaman ("Penyata") Lembaga Pengarah Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom") ("Lembaga Pengarah") sebagai Kumpulan, disediakan mengikut Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL dan Penyata Kawalan Dalaman: Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

Penyata Lembaga Pengarah telah disediakan selepas mengambil kira bahawa sebelum penyusunan semula dalaman yang melibatkan pindahan status penyenaraian ("Penyusunan Semula Dalaman") Technology Resources Industries Berhad ("TRI") kepada Celcom, seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam halaman 162 dalam Laporan Tahunan ini, sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah di bawah skop Lembaga Pengarah TRI.

Dengan itu, di dalam menyediakan Penyatannya, Lembaga Pengarah mengambil kira aktiviti kawalan dalaman yang dilaksanakan sepanjang tempoh perkhidmatan Lembaga Pengarah TRI supaya Penyata tersebut selaras dengan tahun kewangan penuh. Ini dilakukan berdasarkan Penyusunan Semula Dalaman yang disempurnakan pada 10 Oktober 2002 yang tidak mengubah dengan banyak dan ketara cara Kumpulan beroperasi dan Lembaga Pengarah kini melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya berhubung dengan perkara ini.

Disebabkan oleh keadaan yang dinyatakan dalam halaman 204 dalam Laporan Tahunan ini, penerokaan pelaburan berikut tidak disentuh dalam menyediakan Penyata Lembaga Pengarah:

- Sheba Telecom (Pvt) Ltd di Bangladesh
- TRI Telecommunication Tanzania Limited di Tanzania (Penerima-penerima dan Pengurus-pengurus dilantik pada 14 Januari 2003), dan
- Celcom Timur (Sarawak) Sdn Bhd.

Tanggungjawab terhadap Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengutamakan usaha mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap dan amalan pengurusan risiko yang berkesan dalam Kumpulan bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah mengesahkan tanggungjawabnya untuk mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk sistem untuk mematuhi undang-undang, kaedah, arahan, garis panduan dan pengurusan risiko yang terpakai.

The Board believes that the existing oversight structure of the Group has an appropriate balance of both the Board and Management involvement in managing the Group. This is seen from the fact that from 1 September 2002, with the appointment of the Group Chief Executive Officer ("GCEO"), the role of the Chairman and GCEO within the Group has been separated. The GCEO is now tasked with managing the operations of the Group with the assistance of the management team whilst the Board is responsible for overseeing the conduct of the Group's operations through its various Board Committees and the management reporting mechanisms.

The Board is informed of all major control issues pertaining to internal controls, regulatory compliance and risk taking. The system of internal controls includes financial controls, operational efficiency and effectiveness, compliance monitoring, systems and process improvements and risk management. However, as with all internal control systems, this system can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss.

Risk Management Framework

In May 2002, the Board of Directors of TRI approved the establishment of the Risk Advisory Committee ("RAC"), a sub committee of the Audit Committee of TRI. The RAC was set up on a pro-tem basis since 2001, to oversee the establishment of risk management framework and to identify and implement action plans to address key risks affecting the Group.

In October 2002, the Board combined the RAC and the Related Party Task Force into the Corporate Governance and Risk Advisory Committee ("CGRAC") and expanded its role. The Board has embarked on an ongoing process to identify, evaluate and manage significant risks that affect the achievement of the Group's business objectives, which is currently in progress. This process includes a re-assessment and refinement of the existing risk management framework and a review of the adequacy of the present system of internal control to manage principal risks identified.

The Board acknowledges that considerable effort and commitment is required to implement the risk management framework within the Group and has allocated appropriate resources to the CGRAC. The CGRAC is responsible for continuously coordinating the implementation of the risk management framework, and reporting to the Board Audit Committee on an aggregated view of principal risks inherent in all operating units and companies within the Group, and their respective risk response plans to manage these risks.

Lembaga Pengarah percaya bahawa struktur pengawasan Kumpulan yang sedia ada mempunyai keseimbangan sewajarnya dari segi penglibatan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam menguruskan Kumpulan. Ini adalah berdasarkan hakikat bahawa mulai 1 September 2002, dengan perantaraan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ("KPEK"), peranan Pengerusi dan KPEK dalam Kumpulan telah dipisahkan. KPEK kini ditugaskan untuk menguruskan operasi Kumpulan dengan bantuan kumpulan pengurusan manakala Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawal perjalanan operasi Kumpulan menerusi pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mekanisma laporan pengurusanannya.

Lembaga Pengarah dimaklumkan tentang segala isu kawalan yang utama berkaitan dengan kawalan dalaman, pematuan kawalselia dan penanggungan risiko. Sistem kawalan dalaman melibatkan kawalan kewangan, kecekapan dan keberkesanan operasi, pemantauan pematuan, peningkatan sistem dan proses dan pengurusan risiko. Walau bagaimanapun, sepertimana semua sistem kawalan dalaman, sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang berpatutan tetapi tidak mutlak daripada berlakunya silap nyata atau kerugian yang ketara.

Rangka Pengurusan Risiko

Pada Mei 2002, Lembaga Pengarah TRI meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Risiko ("RAC"), iaitu sebuah jawatankuasa kecil bagi Lembaga Jawatankuasa Audit TRI. RAC ditubuhkan secara sementara sejak 2001 untuk mengawal pembentukan rangka pengurusan risiko dan mengenalpasti serta melaksanakan pelan tindakan untuk menangani risiko utama yang menjejaskan Kumpulan.

Pada Oktober 2002, Lembaga Pengarah menggabungkan RAC dan Pasukan Petugas Pihak Berkaitan ke dalam Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat dan Penasihat Risiko ("CGRAC") dan meluaskan peranannya. Lembaga Pengarah telah melaksanakan proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menangani risiko penting yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat perniagaan Kumpulan yang dijalankan ketika ini. Proses ini termasuk menilai semula dan memperlengkapkan rangka pengurusan risiko sedia ada serta mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman sekarang untuk menangani risiko utama yang dikenalpasti.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa usaha dan komitmen yang tinggi diperlukan untuk melaksanakan rangka pengurusan risiko dalam Kumpulan dan telah memperuntukkan sumber yang sewajarnya kepada CGRAC. CGRAC bertanggungjawab untuk menyelaraskan secara berterusan pelaksanaan rangka pengurusan risiko, dan melaporkan kepada Lembaga Jawatankuasa Audit tentang gambaran agregat bagi risiko utama yang wujud dalam semua unit operasi dan syarikat dalam Kumpulan,

Other Key Elements of Internal Control

- The Board has reviewed and approved Business Plans within which the business objectives, strategies and targets are articulated. These Business Plans are communicated throughout the organisation to ensure effective implementation.
- Clearly defined delegation of responsibilities to committees of the Board and Management, including financial authority limits.
- Documentation of key business processes and policies for standardization of practices and identification of process improvement opportunities.
- Regular internal audit visits to monitor compliance with policies and procedures and to assess the integrity of both financial and non-financial information provided. The internal audit plan reviewed and approved by the Board Audit Committee on an annual basis is formulated using a risk-based approach.
- Monitoring of external and internal audit management letter points through the Board Audit Committee to ensure actions are taken by management to resolve the issues effectively.
- Structured reviews by the Board of all proposals for material capital and investment acquisition.
Kos penstrukturan semula	70,536	-	39,123	-
Diskaun atas bayaran awal untuk pinjaman-pinjaman	(212,690)	-	-	-
Peruntukan kerugian dijangka	-	67,246	-	-
Peruntukan kerugian rosotnilai	81,518	-	81,518	-
Bayaran faedah	160,114	315,661	153,639	223,274
Perbelanjaan faedah	(9,505)	(7,740)	(16,322)	(26,904)
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	908,135	1,267,303	916,000	1,027,966
Kurangan/(tambahan) dalam inventori	12,207	(14,658)	12,184	(13,450)
Tambahan dalam penghutang	(34,960)	(154,753)	(50,028)	(88,688)
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang	(13,901)	15,153	164,968	(29,852)
(Kurangan)/tambahan dalam baki dengan subsidiari-subsidiari	-	-	(538,644)	106,122
(Kurangan)/tambahan dalam baki dengan syarikat-syarikat bersekutu	(19,987)	28,511	(9,175)	-
Tunai dihasilkan daripada kendalian operasi	851,494	1,141,556	495,305	1,002,098
Faedah dibayar	(137,762)	(205,141)	(127,858)	(135,166)
Cukai dibayar	(183)	(3,533)	-	-
Tunai bersih hasil daripada kendalian operasi	713,549	932,882	367,447	866,932

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002	2001	2002	2001
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan				
Faedah diterima	11,357	9,167	16,331	5,886
Tunai bersih dari pembatalan penyatuan subsidiari-subsidiari (Nota 25)	(13,497)	509	-	-
Tunai bersih dari pelupusan subsidiari (Nota 25)	-	(3,615)	-	600
Pembelian saham di dalam subsidiari-subsidiari	-	-	(1)	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(287,524)	(387,477)	(253,688)	(305,516)
Penerimaan daripada pelupusan loji dan peralatan	4,908	12,688	4,353	12,114
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(284,756)	(368,728)	(233,005)	(286,916)
Aliran Tunai dari Aktiviti Pembiayaan				
Penambahan pinjaman	1,850,000	-	1,850,000	-
Pembayaran balik pemiutang sewabeli dan pajakan	(30,095)	(40,815)	(21,758)	(30,197)
Pembayaran balik pinjaman	(3,483,339)	(690,765)	(1,569,124)	(362,210)
Hasil dari terbitan saham	1,641,743	-	-	-
Bayaran kos penstrukturan semula	(126,216)	-	(39,123)	-
Kurangan/(tambahan) kepada deposit tetap yang dicagarkan	58,170	(5,927)	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan dari aktiviti pembiayaan	(89,737)	(737,507)	219,995	(392,407)
Tambahan / (Kurangan) Bersih dalam Tunai dan Setara Tunai	339,056	(173,353)	354,437	187,609
Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Wang Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tahun	124	(2,611)	-	-
Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun (Nota 17)	253,024	428,988	227,733	40,124
	592,204	253,024	582,170	227,733

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2002

1. Penstrukturan Semula Kumpulan dan Pengorganisasian Semula Dalam

Pada tahun kewangan semasa, bekas syarikat induk Syarikat, Technology Resources Industries Berhad ("TRI") telah menyempurnakan rancangan penstrukturan semula yang merangkumi:

- i. Terbitan saham terhad sebanyak 153,685,000 saham baru biasa berharga RM1 setiap satu dalam TRI dengan harga terbitan RM1.75 sesaham (dengan enam bulan larangan penjualan saham atas perpindahan) dan 320,149,000 saham baru biasa berharga RM1 setiap satu dalam TRI dengan harga terbitan RM1.93 sesaham (tanpa larangan perpindahan).
- ii. Terbitan hak sebanyak 754,907,661 saham baru biasa berharga RM1 setiap satu dalam TRI dengan harga terbitan RM1 setiap satu kepada pemegang saham TRI (kecuali pemegang saham terbitan terhad seperti yang dirujuk di atas) atas dasar satu saham baru bagi setiap satu saham biasa yang dimiliki.
- iii. Bayaran awal, penebusan dan perlepasan oleh TRI bagi setiap satu yang berikut:
 - USD200,000,000 Bon Kadar Boleh Ubah Matang 2002 yang telah distruktur semula
 - USD175,000,000 Bon Kadar Boleh Ubah Matang 2002 yang telah distruktur semula
 - RM50,000,000 overdraf dan kemudahan kredit pusingan dengan Danaharta Urus Sdn. Bhd.

Penyelesaian kemudahan-kemudahan di atas telah dibiayai oleh dana daripada terbitan saham terhad dan terbitan hak sebagaimana dinyatakan di atas serta dengan penggunaan pinjaman kemudahan-kemudahan baru berikut oleh Syarikat:

- RM1,100,000,000 Bon Al-Bai Bithaman Ajil
 - RM100,000,000 Surat-surat Perdagangan Al-Murabahah
 - RM650,000,000 Pinjaman Berjangka Bersindiket
- iv. Syarikat telah menukar statusnya dari syarikat persendirian liabiliti terhad kepada syarikat awam liabiliti terhad dan dengan itu telah menukar namanya dari Celcom (Malaysia) Sdn. Bhd. kepada Celcom (Malaysia) Berhad.
 - v. Syarikat telah meningkatkan modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya daripada RM500,000,000 kepada RM1,983,649,322 dengan menerbitkan 1,483,649,322 saham biasa bernilai RM1 sesaham harga tara, dengan cara memodalkan pendahuluan daripada TRI berjumlah RM1,483,649,322.
 - vi. TRI telah melaksanakan pembayaran modal dengan membatalkan seluruh modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya melibatkan 1,983,649,322 saham biasa berharga RM1 setiap satu dan mengagihkan kepada pemegang sahamnya, seluruh kepentingannya dalam modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya sebanyak 1,983,649,322 saham biasa RM1 setiap satu dalam Syarikat, atas dasar satu saham bagi setiap saham TRI yang dimiliki. Serentak dengan itu, 1,000 saham tidak tersenarai TRI berharga RM1 setiap satu telah diterbitkan dan diperuntukkan kepada Syarikat.

Dengan itu, TRI telah menjadi subsidiari milik penuh Syarikat, status penyenaraian TRI telah dipindahkan kepada Syarikat, dan seluruh modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya Syarikat telah disenarai dan dicatat pada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting

a. Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali untuk penilaian semula tanah dan bangunan tertentu dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Skim penstrukturan semula yang disempurnakan pada tahun kewangan semasa telah memenuhi syarat untuk dianggap sebagai "pengorganisasian semula dalaman" seperti yang diuraikan didalam Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") Piawaian 21: Kombinasi Perniagaan. Justeru itu, Kumpulan telah mengaplikasikan prinsip perakaunan percantuman dimana Kumpulan yang telah distruktur semula dipersembahkan seolah-olah ia berkuatkuasa di sepanjang tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, yakni efektif daripada 31 Disember 2000. Kesannya adalah seperti yang dinyatakan di Nota 34.

Tambahan lagi, penyata kewangan juga meliputi kesan daripada pelarasan tahun lepas untuk tujuan pembelian loji dan peralatan pada tahun-tahun terdahulu, atas penemuan dokumen-dokumen yang dipalsukan. Pelarasan tahun terdahulu adalah seperti yang dirujuk dalam Nota 27, dan kesannya adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 34.

b. Asas Penyatuan

i. Subsidiari-subsidiari

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat dari aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat tersebut. Semua subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan kecuali subsidiari-subsidiari yang diperolehi hasil daripada pengorganisasian semula dalaman seperti yang dirujuk di Nota 1 di mana prinsip perakaunan percantuman telah digunakan.

Apabila perakaunan percantuman digunakan, kos pelaburan dalam buku Syarikat direkodkan pada nilai nominal saham terbitan dan perbezaan diantara nilai bawa pelaburan dan nilai nominal saham yang diambilalih diklasifikasikan sebagai rizab percantuman atau defisit percantuman. Keputusan kewangan syarikat-syarikat yang digabungkan dimasukkan ke dalam penyata kewangan seolah-olah penggabungan tersebut telah efektif sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Apabila perakaunan pengambilan digunakan, keputusan syarikat-syarikat yang diambilalih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke penyata kewangan disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan atau sehingga tarikh berkuatkuasa pelupusan. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai ini digambarkan dalam lembaran imbangan disatukan. Perbezaan antara kos pegambilalihan dan nilai saksama aset bersih bahagian Kumpulan ke atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbangan disatukan sebagai muhibah atas penyatuan.

Urusniaga, baki dan hasil laba belum terealisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum terealisasi telah dihapuskan semasa penyatuan kecuali jika kos tersebut tidak dapat diambilkembali.

Laba atau kerugian atas penjualan subsidiari adalah perbezaan diantara penerimaan penjualan bersih dengan aset bersih bahagian Kumpulan berserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelumnya dalam penyata pendapatan disatukan.

Kepentingan minoriti dinilai mengikut nilai saksama selepas pengambilalihan bahagian minoriti bagi aset dikenalpasti dan liabiliti dikenalpasti syarikat yang diambilalih.

ii. Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat dimana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan dimana ia mempunyai pengaruh ketara ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut tetapi tanpa menguasai dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti yang berdasarkan penyata kewangan pengurusan syarikat bersekutu yang tidak diaudit atau penyata kewangan yang telah diaudit syarikat bersekutu. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, bahagian Kumpulan di dalam keuntungan tolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu di sepanjang tahun kewangan dirakamkan ke penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa ke lembaran imbangan disatukan pada kos dicampur keuntungan atau kerugian terkumpul dan lain-lain rizab bahagian Kumpulan yang timbul selepas pembelian.

Keuntungan belum terealisasi untuk urusniaga-urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu telah dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum terealisasi telah dihapuskan melainkan kos tersebut tidak dapat diambilkembali.

c. Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusanniaga tersebut akan berpindah kepada Syarikat dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti seperti berikut:

- i. Pendapatan daripada perkhidmatan telefon mudah alih, rangkaian tetap, perkhidmatan antara operator dan lain-lain perkhidmatan berasaskan rangkaian diiktiraf berdasarkan kepada tahap trafik sebenar selepas rebat/diskaun.
- ii. Pendapatan yang berkaitan dengan kad telefon prabayar ditunda dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan penggunaan sebenar kad selepas cukai perkhidmatan dan diskaun.
- iii. Pendapatan faedah termasuk faedah daripada bank-bank berlesen, syarikat kewangan dan institusi-institusi kewangan yang lain dan diiktiraf secara asas akrual.
- iv. Semua pendapatan lain diiktiraf selepas rebat/diskaun setelah perkhidmatan dilaksanakan atau penjualan barangan, iaitu apabila proses pemindahan risiko dan pulangan telah selesai.

d. Muhibah

Muhibah mewakili lebih kos pengambilalihan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset dan liabiliti dikenalpasti subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu pada tarikh pengambilalihan.

Di mana wujud tanda-tanda rosotnilai, nilai dibawa muhibah dikaji semula, dan sekiranya didapati melebihi nilai pemulihan, akan dikurangkan nilainya serta-merta ke nilai yang boleh diperolehi.

e. Pelaburan**i. Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu**

Pelaburan Syarikat di dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata pendapatan Syarikat. Di mana wujud tanda-tanda rosotnilai, nilai bawa pelaburan dikaji semula, dan sekiranya didapati melebihi nilai yang boleh diperolehi, akan dikurangkan nilainya serta-merta ke nilai yang boleh diperolehi.

Semasa penjualan pelaburan, perbezaan di antara penerimaan bersih daripada penjualan dan nilai dibawa dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

ii. Lain-lain Pelaburan Tak Semasa

Pelaburan tak semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang peruntukan rosotnilai tetap. Peruntukan tersebut dibuat apabila terdapat kurangan bukan sementara nilai pelaburan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun di mana kurangan tersebut berlaku.

Semasa penjualan pelaburan, perbezaan diantara perolehan bersih daripada penjualan dan nilai buku dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

iii. Sekuriti Dipasarkan

Sekuriti dipasarkan dibawa pada nilai terendah diantara kos dan nilai pasaran, ditentukan secara agregat. Kos ditentukan mengikut asas berat purata sementara nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran yang disenaraikan. Sebarang peningkatan dan penurunan dalam nilai dibawa sekuriti dipasarkan akan dikreditkan atau dicajkan ke penyata pendapatan. Semasa penjualan sekuriti dipasarkan, beza nilai jualan bersih dan nilai dibawa dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

f. Matawang Asing**i. Urusniaga Matawang Asing**

Urusniaga dalam mata wang asing pada mulanya akan dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbalan, butiran matawang asing bersifat kewangan telah diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan dan butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran yang wujud semasa nilainya ditentukan. Semua perbezaan pertukaran dibawa ke penyata pendapatan.

ii. Entiti-entiti Asing

Penyata kewangan subsidiari-subsidiari asing diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun untuk aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga untuk penyata pendapatan. Semua perbezaan pertukaran yang timbul akan dimasukkan ke dalam rizab pertukaran asing di dalam dana pemegang saham.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul dari pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti Kumpulan dan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Kadar pertukaran utama yang digunakan bagi setiap unit mata wang asing yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan adalah seperti berikut:

	2002 RM	2001 RM
Dolar Amerika Syarikat (USD)	3.80	3.80
Hak Pengeluaran Khas (HPK)	5.17	4.86
Syiling Tanzania (Tshs '000)	3.94	4.00
Taka Bangladesh (Taka '000)	64.95	64.13
Yuan Renmimbi Cina (RMB)	0.46	0.46
Rial Iran (Rial '000)	0.48	-

g. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau nilai ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Tanah dan bangunan sebuah subsidiari tidak dinilai semula sejak ianya pertama kali dinilai semula pada tahun 1988. Para pengarah tidak menggunakan dasar penilaian semula berterusan untuk aset-aset tersebut. Sebagaimana yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan MASB 15: Hartanah, Loji dan Peralatan, aset-aset ini akan terus dinyatakan pada penilaian 1988 ditolak susutnilai terkumpul.

Tanah milikbebas dan modal kerja separa siap tidak disusutnilaikan. Tanah pegangpajak masing-masing disusutnilai sepanjang jangka masa pajakan yang menjangkau dari 21 tahun ke 99 tahun. Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Rangkaian dan peralatan telekomunikasi	5% – 20%
Perabot, kelengkapan, peralatan dan pengubahsuaian	10% – 33 1/3%
Kenderaan bermotor	20%

Dimana wujud tanda-tanda rosotnilai pada kategori-kategori aset, nilai dibawa kategori-kategori aset dikaji semula, dan sekiranya didapati melebihi nilai pemulihan, akan dikurangkan nilainya serta-merta ke nilai pemulihan.

Pada pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan, perbezaan diantara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa dicajkan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

h. Inventori

Inventori terdiri terutamanya kad-kad prabayar dan lain-lain peralatan telekomunikasi yang berkaitan dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos termasuk kos sebenar bahan mentah dan kos iringan untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa, dan ditentukan mengikut kos asas berat purata. Nilai boleh direalisasi bersih mewakili anggaran harga jualan tolak semua kos untuk penyiapan dan anggaran kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pengedaran.

i. Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan kepada Kumpulan semua risiko dan manfaat akibat daripada hakmilik. Semua pajakan lain digolongkan sebagai pajakan operasi.

i. Pajakan kewangan

Aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti sepadan dinyatakan dalam lembaran imbangan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah yang terkandung di dalam pajakan bila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar pinjaman faedah inkremental Syarikat digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan diantara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset diambilalih, dicajkan ke penyata pendapatan di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh akaun.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang diterangkan dalam Nota 2(g).

ii. Pajakan operasi

Pajakan aset yang memindahkan semua risiko dan manfaat akibat daripada hakmilik kepada pemilik diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Pembayaran pajakan operasi dicajkan ke penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan tersebut.

j. Rancangan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan dan Syarikat ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicajkan ke penyata pendapatan pada tahun kewangan yang berkenaan.

k. Cukai Tertunda

Perbelanjaan cukai tahunan adalah berdasarkan keuntungan tahun kewangan, diselaraskan untuk tujuan cukai, termasuk cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan.

Cukai tertunda diperuntukkan menurut kaedah liabiliti untuk semua perbezaan masa kecuali di mana terdapat bukti yang munasabah bahawa perbezaan masa tersebut tidak akan berbalik pada masa hadapan. Faedah cukai tertunda hanya akan diiktiraf apabila terdapat jangkaan munasabah untuk direalisasi di masa hadapan.

l. Pendapatan Tertunda

Pendapatan tertunda terdiri daripada:

- i. Baki masa perbualan dan yuran laluan berhubung dengan kad-kad prabayar yang dijual kepada pelanggan. Pendapatan tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan setelah pelanggan menggunakan masa perbualan dan hak laluan tersebut.
- ii. Nilai bil-bil pendahuluan yang dibuat kepada pelanggan-pelanggan berhubung dengan sewa rangkaian gentian optik. Pendapatan tersebut akan diiktiraf sebagai pendapatan secara sistematik sepanjang tempoh bil-bil pendahuluan.

m. Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank dan deposit boleh panggil dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi dengan risiko perubahan nilai yang rendah, ditolak baki overdraf bank tidak berbayar. Deposit yang dicagarkan untuk pinjaman bertempoh sesetengah syarikat-syarikat bersekutu tidak termasuk sebagai tunai dan setara tunai.

n. Peruntukan untuk Liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tanggungjawab yang timbul daripada peristiwa lalu dan kemungkinan terdapat aliran keluar manfaat ekonomi untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan tanggungjawab tersebut pada nilai sekarang.

Peruntukan untuk kos penstrukturan semula akan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai rancangan rasmi yang terperinci untuk penstrukturan semula tersebut dan pihak-pihak yang terlibat telah dimaklumkan.

o. Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf di lembaran imbalan apabila Kumpulan telah menjadi pihak dalam perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut. Instrumen kewangan adalah digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Kaedah pengiktirafan yang digunakan untuk instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam lembaran imbalan dinyatakan pada dasar-dasar perakaunan secara individu berkaitan dengan setiap instrumen.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif untuk melindungi nilai, akibat pendedahan kepada risiko pertukaran asing dari aktiviti pembiayaan. Menurut dasar perbendaharaannya, Kumpulan tidak memegang atau menerbitkan instrumen kewangan derivatif untuk tujuan perdagangan.

Dalam menaksir nilai instrumen kewangan, Kumpulan merujuk kepada nilai pasaran dagangan atau mengaplikasikan kaedah aliran tunai terdiskaun untuk mendiskaun aliran tunai masa depan untuk menentukan nilai saksama. Nilai saksama bagi liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan dengan menggunakan kadar faedah pasaran semasa yang boleh diperolehi oleh Kumpulan.

Nilai saksama bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan yang mempunyai kematangan kurang daripada setahun dianggap setara dengan nilai dibawa bersih mereka.

p. Penghutang Perdagangan dan Lain-lain Penghutang

Penghutang perdagangan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

q. Pinjaman Berfaedah

Pinjaman berfaedah bank dan overdraf direkodkan pada nilai yang diterima, tolak kos-kos urusniaga.

Kos-kos pinjaman dicajkan ke penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh akruan.

r. Modal Saham

Saham biasa dengan dividen tidak tetap diklasifikasikan sebagai ekuiti. Kos untuk menerbitkan sekuriti ekuiti berhubung dengan kombinasi perniagaan dimasukkan ke dalam kos pengambilalihan. Kos berkaitan dengan penerbitan sekuriti ekuiti untuk tujuan lain dikira sebagai kurangan daripada ekuiti selepas cukai. Pengagihan dividen atas saham biasa diiktiraf didalam ekuiti di dalam tempoh ianya diisytiharkan.

3. Pendapatan

Pendapatan Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Telekomunikasi:				
Mudah alih	2,341,773	2,482,447	2,349,668	2,450,390
Tetap	45,462	58,257	45,462	44,069
Bukan Telekomunikasi:				
Pendapatan faedah	3,970	5,822	-	-
Lain-lain	9,605	12,239	2,331	5,965
	2,400,810	2,558,765	2,397,461	2,500,424

4. Lain-lain Pendapatan

Termasuk dalam lain-lain pendapatan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Diskaun atas bayaran awal untuk pinjaman (Nota 7)	212,690	-	-	-
Laba atas pelupusan subsidiari (Nota 7)	-	4,767	-	600
Hutang lapuk pulih semula	4,063	1,195	4,063	-
Peruntukan hutang ragu dimasukkan semula	-	270	-	-
Pendapatan sewa	55	158	-	-
Laba atas pelupusan loji dan peralatan	-	12,498	-	12,082
Laba bersih atas pertukaran asing – terealisasi	104	-	371	-

5. Perbelanjaan Operasi

Perbelanjaan operasi Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Kos penyambungan	308,867	260,657	335,206	338,077
Caj gelombang mikro	-	-	100,636	237,286
Kos pekerja*	235,284	223,998	221,651	191,121
Ganjaran para pengarah (Nota 6)	4,436	4,941	451	-
Bayaran kepada bekas pengarah-pengarah eksekutif (Nota 7)	55,826	-	-	-
Peruntukan pendahuluan kepada TRI (Nota 7)	-	-	44,790	-
Kos penstrukturan semula (Nota 7)	70,536	-	39,123	-
Peruntukan hutang ragu:				
– penghutang perdagangan	73,179	217,629	73,111	202,344
– lain-lain penghutang	10,242	3,840	9,024	-
Kos pemasaran, pengiklanan dan promosi	340,101	311,298	339,529	306,443
Sewa premis	69,228	59,444	75,542	63,263
Sewa kenderaan bermotor dan peralatan	5,752	5,534	5,625	4,608
Sumbangan “Universal Service Provision/Obligation”	51,423	43,307	43,923	25,307
Kos inventori	32,051	32,918	31,951	32,551
Yuran audit:				
Yuran audit berkanun				
– juruaudit Syarikat	451	471	325	250
– lain-lain juruaudit	-	98	-	-
Lain-lain Perkhidmatan				
– juruaudit Syarikat	1,770	1,639	1,017	755
Yuran pengurusan	-	-	1,800	2,400
Loji dan peralatan dihapuskira (Nota 7)	78,866	1,812	76,269	24
Peruntukan kerugian rosotnilai (Nota 7)	81,518	-	81,518	-
Kerugian pertukaran asing tak terealisasi (Nota 7)	-	18,356	-	-
Muhibah dihapuskira (Nota 7)	-	1,280	-	-
Peruntukan kerugian dijangka (Nota 7)	-	67,246	-	-
Peruntukan rosotnilai kekal dalam pelaburan	190	306	-	246
Rosotnilai pelaburan dalam saham tercatat	724	3,341	-	-
Rugi atas pelupusan loji dan peralatan	111	-	456	-
Lain-lain belanja operasi	401,406	361,704	337,829	272,280
	1,821,961	1,619,819	1,819,776	1,676,955

Termasuk dalam kos pekerja adalah kos untuk “rancangan perasionalan tenaga kerja” seperti yang dinyatakan di Nota 7. Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 2,404 (2001: 4,660) and 2,210 (2001: 4,000) orang.

6. Ganjaran Para Pengarah

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pengarah Syarikat pada 31 Disember 2002				
Eksekutif:				
Gaji	298	-	98	-
Yuran	5	-	1	-
Elaun	2	-	-	-
Manfaat barangan	19	-	9	-
	324	-	108	-
Bukan Eksekutif:				
Yuran	446	57	149	-
Elaun	90	-	60	-
Manfaat barangan	13	-	6	-
	549	57	215	-
Bekas Pengarah Syarikat dan TRI				
Eksekutif:				
Gaji	1,576	3,472	-	-
Elaun	731	613	-	-
Bonus	1,118	507	-	-
Manfaat barangan	37	80	-	-
	3,462	4,672	-	-
Bukan Eksekutif:				
Yuran khidmat nasihat	130	190	130	-
Yuran	27	41	-	-
Elaun	13	11	13	-
Manfaat barangan	7	8	7	-
	177	250	150	-
Lain-lain pengarah:				
Bukan eksekutif:				
Yuran	-	50	-	-
Jumlah	4,512	5,029	473	-
Analisa tanpa manfaat barangan:				
Jumlah ganjaran para pengarah eksekutif tidak termasuk manfaat barangan	3,730	4,592	99	-
Jumlah ganjaran para pengarah bukan eksekutif tidak termasuk manfaat barangan	706	349	352	-
Jumlah ganjaran para pengarah tidak termasuk manfaat barangan	4,436	4,941	451	-

Ganjaran para pengarah Kumpulan termasuk ganjaran para pengarah TRI sebelum penyempurnaan pengorganisasian semula dalaman dan pengambilalihan status penyenaraian TRI oleh Syarikat.

Amaun-amaun di atas tidak termasuk bayaran yang dibuat kepada bekas para pengarah eksekutif TRI yang dipertikaikan oleh Kumpulan seperti yang dinyatakan di Nota 7 dan Nota 32.

7. Butiran Luarjangka

Termasuk dalam lain-lain pendapatan operasi dan perbelanjaan operasi Kumpulan dan Syarikat adalah butiran-butiran luarjangka Kumpulan dan Syarikat seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Termasuk dalam lain-lain pendapatan operasi:				
Diskaun atas bayaran awal pinjaman (Nota a)	212,690	-	-	-
Laba dari pelupusan subsidiari	-	4,767	-	600
Termasuk dalam perbelanjaan operasi:				
Kos perasionalan tenaga kerja (Nota b)	(92,073)	-	(84,884)	-
Bayaran kepada bekas para pengarah eksekutif (Nota c)	(55,826)	-	-	-
Peruntukan pendahuluan kepada TRI	-	-	(44,790)	-
Kos penstrukturan semula (Nota d)	(70,536)	-	(39,123)	-
Kerugian pertukaran asing tak terealisasi	-	(18,356)	-	-
Muhibah dihapusira	-	(1,280)	-	-
Peruntukan kerugian dijangka (Nota e)	-	(67,246)	-	-
Peruntukan kerugian rosotnilai (Nota f)	(81,518)	-	(81,518)	-
Hapusira loji dan peralatan (Nota g)	(78,866)	-	(76,269)	-
	(166,129)	(82,115)	(326,584)	600

- Diskaun tersebut timbul dari penebusan awal Bon Kadar Boleh Ubah TRI dan pinjaman Danaharta seperti yang dinyatakan dalam Nota 1 dan Nota 18.
- Termasuk dalam kos pekerja Kumpulan adalah kos untuk rancangan penyelarasan tenaga kerja seperti yang dinyatakan di Nota 32, yang telah dilaksanakan dalam tahun kewangan.
- Bayaran kepada bekas para pengarah eksekutif telah dibuat oleh TRI kepada sesetengah pengarahnya. Kumpulan telah mempertikaikan kesahihan bayaran-bayaran tersebut, dan tindakan undang-undang untuk memperoleh kembali amaun-amaun daripada bekas pengarah-pengarah tersebut telah pun dimulakan seperti yang dinyatakan di Nota 32.
- Kos penstrukturan semula telah dikenakan berhubung dengan pembiayaan semula Kemudahan Kredit Pelbagai Struktur ("MSF") Syarikat dan pinjaman jangka panjang seperti yang dinyatakan di Nota 1.
- Peruntukan untuk kerugian dijangka yang dibuat pada tahun lepas berkait dengan peruntukan untuk jangkaan kerugian dan hapuskira berhubung dengan pelaburan TRI dalam TRI Telecommunication Tanzania Limited.
- Peruntukan untuk kerugian rosotnilai berkait dengan penurunan nilai sesetengah kelas loji dan peralatan kepada anggaran amaun yang boleh diperolehi, berdasarkan satu penilaian semasa yang dibuat ke atas anggaran hayat kegunaan rangkaian analog dan talian tetap, termasuk amaun yang berhubung dengan modal kerja separa siap (lihat Nota 11). Amaun-amaun yang boleh diperolehi ditentukan berdasarkan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan oleh kelas-kelas loji dan peralatan yang terbabit, dimana ini dianggap sebagai nilai dalam kegunaan aset-aset tersebut. Kadar yang digunakan untuk mendiskaun anggaran aliran tunai masa depan adalah 5%.
- Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah melaksanakan pemeriksaan fizikal untuk mengenalpasti peralatan yang usang dan rosak dan seterusnya telah menghapusira aset-aset tersebut.

8. Kos Kewangan, Bersih

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002	2001	2002	2001
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan terbayar atas sekuriti				
Hutang Swasta Islam	66,702	-	66,702	-
Perbelanjaan atas faedah:				
– Pinjaman-pinjaman	92,685	314,635	86,268	222,411
– Lain-lain	727	1,026	669	863
	160,114	315,661	153,639	223,274
Pendapatan faedah daripada:				
– Deposit	(9,505)	(7,740)	(7,904)	(5,888)
– Subsidiari-subsidiari	-	-	(8,418)	(21,016)
	150,609	307,921	137,317	196,370

9. Cukai

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002	2001	2002	2001
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan cukai tahun semasa:				
Cukai pendapatan Malaysia	11,879	1,844	-	-
Cukai asing	-	352	-	-
Cukai tertunda (Nota 23)	(105,739)	15,893	(147,444)	-
	(93,860)	18,089	(147,444)	-
Perbelanjaan cukai bagi tahun-tahun lepas:				
Cukai pendapatan Malaysia	(37,139)	4,740	(15,350)	-
	(130,999)	22,829	(162,794)	-

Caj cukai Kumpulan masih wujud walaupun mengalami kerugian, disebabkan ketiadaan pelepasan kumpulan untuk keuntungan yang dibuat oleh sesetengah subsidiari.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002	2001	2002	2001
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kerugian Cukai dan Elaun Modal:				
Penjimatan cukai diiktiraf dalam tahun semasa hasil dari:				
Penggunaan kerugian cukai tahun semasa	-	85	-	-
Penggunaan kerugian cukai yang di bawa dari tahun-tahun lepas	14,725	7,140	-	-
Kerugian cukai belum guna di bawa ke depan	70,533	83,521	-	-
Elaun modal belum guna di bawa ke depan	1,820,111	1,669,407	1,820,111	1,652,239

Kerugian cukai dan elaun modal belum guna yang dibawa ke depan adalah tertakluk kepada persetujuan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

10. Perolehan / (Kerugian) Sesaham

a. Asas

Perolehan/(kerugian) sesaham asas dihitung dengan membahagikan keuntungan/(kerugian) bersih yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham dengan bilangan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan semasa.

	KUMPULAN	
	2002	2001
Keuntungan/(kerugian) bersih yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham (RM'000)	32,931	(62,200)
Purata saham biasa yang diterbitkan ('000)	1,983,649	1,983,649
Perolehan/(kerugian) sesaham asas (sen)	1.7	(3.1)

Kerugian sesaham asas untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 telah dinyatakan semula untuk mengambilkira kesan retrospektif perkara-perkara berikut:

- i. Pelarasan tahun lepas seperti yang dihuraikan di Nota 27; dan
- ii. Penerbitan 1,483,649,322 saham biasa berharga RM1 setiap satu harga tara dengan cara permodalan baki antara syarikat seperti yang dinyatakan di Nota 1.

b. Tercair

Perolehan/(kerugian) sesaham cair tidak dinyatakan dalam penyata kewangan oleh kerana tiada saham biasa yang mempunyai potensi kecairan.

11. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan	Tanah pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Perabot, kelengkapan dan peralatan, kenderaan bermotor dan peng- ubahsuaian RM'000	Rangkaian tele- komunikasi dan peralatan RM'000	Modal kerja separa siap RM'000	Jumlah RM'000
Kos/Penilaian							
Pada 1 Januari 2002 seperti dinyatakan sebelum ini	7,102	19,746	86,964	566,231	6,050,430	562,526	7,292,999
Perakaunan percantuman untuk pengorganisasian semula dalaman	1,787	4,689	412	20,616	198,707	5,279	231,490
Pelarasan tahun lepas (Nota 27)	-	-	-	-	(259,315)	-	(259,315)
Pada 1 Januari 2002 dinyatakan semula	8,889	24,435	87,376	586,847	5,989,822	567,805	7,265,174
Tambahan	-	1,072	-	83,309	43,131	140,370	267,882
Pemindahan	-	-	-	-	485,619	(485,619)	-
Penghapuskiraan	-	-	-	(1,351)	(174,225)	(2,598)	(178,174)
Pemindahan kepada pelaburan dalam dan pendahuluan kepada syarikat bersekutu	-	-	-	-	(35,050)	-	(35,050)
Pelupusan	-	-	-	(14,580)	-	-	(14,580)
Pembatalan penyatuan subsidiari	-	-	(4,703)	(10,446)	(213,464)	(5,284)	(233,897)
Pada 31 Disember 2002	8,889	25,507	82,673	643,779	6,095,833	214,674	7,071,355
Mewakili:							
Pada kos	7,102	25,507	82,367	643,779	6,095,833	214,674	7,069,262
Pada penilaian	1,787	-	306	-	-	-	2,093
	8,889	25,507	82,673	643,779	6,095,833	214,674	7,071,355
Susutnilai Berkumpul dan Kerugian Rosotnilai							
Pada 1 Januari 2002 seperti dinyatakan sebelum ini	-	1,565	5,684	345,222	2,685,705	-	3,038,176
Perakaunan percantuman untuk pengorganisasian semula dalaman	-	462	107	15,357	66,910	-	82,836
Pelarasan tahun lepas (Nota 27)	-	-	-	-	(48,321)	-	(48,321)
Pada 1 Januari 2002 dinyatakan semula	-	2,027	5,791	360,579	2,704,294	-	3,072,691
Caj susutnilai untuk tahun semasa	-	345	1,745	72,175	685,105	-	759,370
Penghapuskiraan	-	-	-	(1,152)	(98,156)	-	(99,308)
Pemindahan kepada pelaburan dalam dan pendahuluan kepada syarikat bersekutu	-	-	-	-	(2,921)	-	(2,921)
Pelupusan	-	-	-	(9,561)	-	-	(9,561)
Pembatalan penyatuan subsidiari	-	-	(477)	(5,869)	(68,088)	-	(74,434)
Kerugian rosotnilai (Nota 7)	-	-	-	-	48,327	33,191	81,518
Pada 31 Disember 2002	-	2,372	7,059	416,172	3,268,561	33,191	3,727,355

Kumpulan	Tanah pegangan bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan RM'000	Bangunan RM'000	Perabot, kelengkapan dan peralatan, kenderaan bermotor dan peng- ubahsuaian RM'000	Rangkaian tele- komunikasi dan peralatan RM'000	Modal kerja separa siap RM'000	Jumlah RM'000
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Disember 2002							
Pada kos	7,102	23,135	75,316	227,607	2,827,272	181,483	3,341,915
Pada nilaian	1,787	-	298	-	-	-	2,085
	8,889	23,135	75,614	227,607	2,827,272	181,483	3,344,000
Pada 31 Disember 2001 dinyatakan semula							
Pada kos	7,102	22,408	81,279	226,268	3,285,528	567,805	4,190,390
Pada nilaian	1,787	-	306	-	-	-	2,093
	8,889	22,408	81,585	226,268	3,285,528	567,805	4,192,483
Pada 31 Disember 2001 seperti dinyatakan sebelum ini							
Pada kos	7,102	18,181	81,280	221,009	3,364,725	562,526	4,254,823
Susutnilai							
Tahun berakhir 31 Disember 2001							
Seperti dinyatakan sebelum ini	-	422	1,671	70,670	622,631	-	695,394
Dinyatakan semula	-	599	1,680	73,161	615,212	-	690,652

Syarikat	Tanah pegangan bebas	Tanah pegangan pajakan	Bangunan	Perabot, kelengkapan dan peralatan, kenderaan bermotor dan peng- ubahsuaian	Rangkaian tele- komunikasi dan peralatan	Modal kerja separa siap	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos							
Pada 1 Januari 2002 seperti dinyatakan sebelum ini	367	3,792	4,032	537,182	4,627,171	264,908	5,437,452
Pelarasan tahun lepas (Nota 27)	-	-	-	-	(259,315)	-	(259,315)
Pada 1 Januari 2002 dinyatakan semula	367	3,792	4,032	537,182	4,367,856	264,908	5,178,137
Tambahan	-	-	-	87,377	37,845	137,207	262,429
Pemindahan	-	-	-	-	478,360	(478,360)	-
Pindahan dari subsidiari	-	-	-	7,147	1,289,586	282,720	1,579,453
Pemindahan kepada pelaburan dalam dan pendahuluan kepada syarikat bersekutu	-	-	-	-	(35,050)	-	(35,050)
Penghapuskiraan	-	-	-	(1,351)	(174,225)	-	(175,576)
Pelupusan	-	-	-	(12,718)	-	-	(12,718)
Pada 31 Disember 2002	367	3,792	4,032	617,637	5,964,372	206,475	6,796,675
Susutnilai Berkumpul dan Kerugian Rosotnilai							
Pada 1 Januari 2002 seperti dinyatakan sebelum ini	-	406	408	327,549	2,181,332	-	2,509,695
Pelarasan tahun lepas (Nota 27)	-	-	-	-	(48,321)	-	(48,321)
Pada 1 Januari 2002 dinyatakan semula	-	406	408	327,549	2,133,011	-	2,461,374
Caj susutnilai untuk tahun semasa	-	66	81	71,848	631,382	-	703,377
Pindahan dari subsidiari	-	-	-	7,143	474,666	-	481,809
Pemindahan kepada pelaburan dalam dan pendahuluan kepada syarikat bersekutu	-	-	-	-	(2,921)	-	(2,921)
Pelupusan	-	-	-	(7,909)	-	-	(7,909)
Penghapuskiraan	-	-	-	(1,152)	(98,155)	-	(99,307)
Kerugian rosotnilai (Nota 7)	-	-	-	-	48,327	33,191	81,518
Pada 31 Disember 2002	-	472	489	397,479	3,186,310	33,191	3,617,941
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Disember 2002	367	3,320	3,543	220,158	2,778,062	173,284	3,178,734
Pada 31 Disember 2001							
Dinyatakan semula	367	3,386	3,624	209,633	2,234,845	264,908	2,716,763
Seperti dinyatakan sebelum ini	367	3,386	3,624	209,633	2,445,839	264,908	2,927,757

Syarikat	Tanah pegangan bebas	Tanah pegangan pajakan	Bangunan	Perabot, kelengkapan dan peralatan, kendaraan bermotor dan peng- ubahsuaian	Rangkaian tele- komunikasi dan peralatan	Modal kerja separa siap	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Susutnilai							
Pada 31 Disember 2001							
Dinyatakan semula	-	85	136	68,993	512,310	-	581,524
Seperti dinyatakan sebelum ini	-	85	136	68,993	487,988	-	557,202

- a. Butiran lanjut mengenai penilaian profesional bebas bagi tanah pegangan bebas dan bangunan milik Kumpulan pada 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

Tahun Penilaian	Keterangan Hartanah	Penilaian RM'000	Asas Penilaian
1988	Tanah pegangan milikbebas dan bangunan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur	2,200	Nilai pasaran terbuka

Sekiranya tanah pegangan bebas dan bangunan dinilai semula pada kos sejarah ditolak susutnilai terkumpul, nilai buku bersih bagi pegangan bebas dan bangunan yang akan dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2002 adalah RM3,259,000 (2001: RM3,296,000).

- b. Termasuk dalam tanah pegangan pajakan dan bangunan Kumpulan dan Syarikat adalah tanah pegangan pajakan dengan tempoh pajakan 50 tahun atau lebih dengan nilai dibawa masing-masing sebanyak RM17,969,000 (2001: RM18,172,000) dan RM2,762,000 (2001: RM2,797,000).
- c. Nilai buku bersih bagi loji dan peralatan yang dimiliki secara sewabeli dan pajakan kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Rangkaian telekomunikasi dan peralatan	53,663	63,596	37,414	41,094
Perabot, kelengkapan dan peralatan	1,669	10,782	1,669	10,782
Kenderaan bermotor	569	2,208	569	2,208
	55,901	76,586	39,652	54,084

- d. Pada tahun semasa, Kumpulan dan Syarikat telah membeli hartanah, loji dan peralatan dengan kos berjumlah RM267,882,000 (2001: RM743,524,000) dan RM262,429,000 (2001: RM577,255,000) dan RM Nil (2001: RM14,013,000) dan RM Nil (2001: RM11,547,000) masing-masing melalui perjanjian pajakan kewangan.
- e. Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat adalah aset-aset yang telah disusutnilai sepenuhnya yang masih digunakan dengan kos masing-masing berjumlah RM717,211,000 (2001: RM458,262,000) dan RM704,235,000 (2001: RM449,851,000).
- f. Hartanah, loji dan peralatan Syarikat yang dicagar kepada institusi kewangan untuk pinjaman-pinjaman bank adalah seperti yang dirujuk di Nota 18(a).

12. Pelaburan

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Subsidiari (Nota a)	-	-	27,001	27,000
Syarikat Bersekutu (Nota b)	101,378	73,838	15,000	15,000
Lain-lain pelaburan (Nota c)	-	241	-	-
	101,378	74,079	42,001	42,000

a. Pelaburan dalam Subsidiari

	SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Di Malaysia:		
Saham tidak tercatat, pada kos	29,084	29,083
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(2,083)	(2,083)
	27,001	27,000

Butiran-butiran mengenai subsidiari-subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 25.

b. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Di Malaysia:				
Saham tidak tercatat, pada kos	40,780	40,780	15,000	15,000
Luar Malaysia:				
Saham tidak tercatat, pada kos	34,386	-	-	-
	75,166	40,780	15,000	15,000
Perkongsian dalam rizab selepas pengambilalihan	26,212	33,058	-	-
	101,378	73,838	15,000	15,000
Diwakili oleh:				
Perkongsian aset bersih	96,244	73,838		
Muhibah dari pengambilalihan	5,134	-		
	101,378	73,838		

Kumpulan telah menyisihkan amaun yang sepatutnya telah dikira berhubung dengan perkongsian kerugian selepas cukai syarikat-syarikat bersekutu berjumlah RM13,208,000 (2001: RM Nil) dari penyata kewangan berikutan terhentinya perakaunan ekuiti untuk keputusan kewangan syarikat-syarikat tersebut disebabkan nilai bawa pelaburan-pelaburan tersebut telah terhakis sepenuhnya. Kumpulan tidak mempunyai kewajipan untuk membiayai kerugian-kerugian tersebut.

Butiran-butiran mengenai syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti yang dinyatakan di Nota 26.

c. Lain-lain Pelaburan Tak Semasa

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Saham tidak tercatat, pada kos:				
Di Malaysia	1,113	1,113	833	833
Luar Malaysia	11,644	1,533	-	-
	12,757	2,646	833	833
Peruntukan untuk rosotnilai kekal	(12,757)	(2,405)	(833)	(833)
	-	241	-	-

13. Muhibah atas Penyatuan

	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Pada 1 Januari seperti yang laporkan sebelum ini	-	-
Kesan daripada perakaunan percantuman untuk pengorganisasian semula dalaman	5,134	5,134
Pada 1 Januari dinyatakan semula	5,134	5,134
Pengelasan semula kepada pelaburan dalam syarikat bersekutu	(5,134)	-
Pada 31 Disember	-	5,134

Ini mewakili muhibah sebelum ini yang pernah dimasukkan kedalam penyata kewangan disatukan TRI.

14. Inventori

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pada kos:				
Kad recaj dan SIM	5,216	18,124	5,220	17,095
Lain-lain peralatan telekomunikasi	-	7,963	-	308
	5,216	26,087	5,220	17,403

Kos inventori yang dianggap sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan semasa Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM32,051,000 (2001: RM32,918,000) dan RM31,951,000 (2001: RM32,551,000).

15. Penghutang-penghutang

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Penghutang perdagangan	738,736	747,360	714,923	664,833
Tolak:				
Peruntukan hutang ragu	(514,347)	(463,798)	(493,563)	(423,273)
	224,389	283,562	221,360	241,560
Hutang daripada subsidiari	-	-	202,638	409,594
Hutang daripada syarikat bersekutu	145,728	-	19,389	-
Deposit	37,858	40,262	35,349	29,329
Belanja terdahulu	7,265	15,240	7,262	10,002
Cukai pulih semula	12,200	12,210	-	-
Faedah belum terima	557	2,409	-	-
Deposit untuk perolehan hartanah	558	558	558	558
Hutang daripada bekas para pengarah eksekutif TRI (Nota 7)	55,826	-	-	-
Dana yang ditempatkan dengan pihak ketiga	184,730	184,730	-	-
Lain-lain penghutang	16,494	20,409	2,984	2,224
	461,216	275,818	268,180	451,707
Tolak:				
Peruntukan hutang ragu	(388,271)	(191,222)	(121,500)	(60,755)
	72,945	84,596	146,680	390,952
	297,334	368,158	368,040	632,512

Tempoh syarat kredit perdagangan biasa Kumpulan adalah daripada 30 hingga 60 hari. Lain-lain syarat kredit akan dinilai dan diluluskan mengikut asas kes ke kes.

Selain dari amaun yang telah diperuntukkan, Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

Termasuk dalam amaun hutang daripada subsidiari adalah pendahuluan tak bercagar berjumlah RM93,794,000 (2001: RM353,657,000) dengan kadar faedah efektif purata sebanyak 5.70% (2001: 7.58%) setahun. Tiada syarat pembayaran balik tetap untuk pendahuluan ini.

Baki jumlah hutang daripada subsidiari-subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran balik tetap.

Jumlah hutang daripada syarikat bersekutu merangkumi:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd	4,650	-	-	-
TRI Telecommunication Tanzania Limited	124,352	-	2,663	-
Mobile Telecommunications Company of Esfahan (J.V. - P.J.S)	16,726	-	16,726	-
	145,728	-	19,389	-
Tolak:				
Peruntukan hutang ragu	(124,352)	-	(2,663)	-
	21,376	-	16,726	-

Jumlah hutang daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran balik tetap.

Termasuk dalam deposit Kumpulan dan Syarikat adalah amaun sebanyak RM2,488,000 (2001: RM2,494,000) yang dibayar kepada Technology Resources Properties Sdn. Bhd., sebuah syarikat dimana seorang bekas pengarah, Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli mempunyai kepentingan.

Dana yang ditempatkan dengan pihak ketiga merujuk kepada penempatan oleh sebuah subsidairi, Rego Multi-Trades Sdn. Bhd. dengan Aras Capital Sdn. Bhd. untuk tujuan pelaburan. Amaun tersebut telah diperuntukkan sepenuhnya sebagai hutang ragu dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999.

16. Sekuriti Dipasarkan

	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Pada harga terendah kos dan nilai pasaran:		
Saham tercatat di Malaysia	2,144	2,868

Sekuriti dipasarkan di atas dinyatakan pada nilai pasaran pada 31 Disember 2002.

Termasuk dalam sekuriti dipasarkan adalah kos saham dan waran yang dipegang dalam Naluri Berhad, sebuah syarikat di mana seorang bekas pengarah Syarikat, Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli mempunyai kepentingan, masing-masing berjumlah RM3,605,000 (2001: RM3,605,000) and RM294,000 (2001: RM294,000).

17. Wang Tunai dan Baki Bank

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Wang tunai di tangan	219	242	211	225
Wang tunai di bank	35,119	56,286	27,826	36,437
	35,338	56,528	28,037	36,662
Deposit tetap dengan:				
Bank berlesen	60,478	118,796	100	100
Institusi kewangan lain	65,036	-	65,036	-
Simpanan jangka pendek dengan:				
Bank berlesen	272,296	8,363	270,313	-
Institusi kewangan lain	218,684	193,711	218,684	190,971
	651,832	377,398	582,170	227,733

Kadar faedah purata berwajaran dalam tahun kewangan semasa dan purata kematangan deposit dan penempatan pada 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

	Kadar faedah purata berwajaran (%)		Purata kematangan (hari)	
	Kumpulan	Syarikat	Kumpulan	Syarikat
Bank berlesen	2.2%	2.7%	31	20
Institusi kewangan lain	2.7%	2.7%	26	26

Institusi kewangan lain adalah bank saudagar dan rumah diskaun di Malaysia.

Termasuk dalam deposit tetap adalah jumlah yang dicagar sebagai sekuriti untuk kemudahan bank yang diberikan kepada syarikat-syarikat bersekutu berikut:

	2002		2001	
	Jumlah dicagar RM'000	Pinjaman belum jelas RM'000	Jumlah dicagar RM'000	Pinjaman belum jelas RM'000
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd.	59,628	55,730	56,589	49,356
TRI Telecommunication Tanzania Limited	-	7,492	61,209	69,235
	59,628	63,222	117,798	118,591

Termasuk dalam simpanan jangka pendek Kumpulan dan Syarikat adalah sejumlah RM60,124,000 (2001: RM Nil), dana yang disediakan untuk pembayaran balik prinsipal dan faedah dibawah syarat-syarat peminjaman yang dilaksanakan dalam tahun kewangan semasa seperti yang disebut di Nota 18.

Penyesuaian kepada tunai dan setara tunai di dalam penyata aliran tunai:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Wang tunai dan baki di bank	651,832	377,398	582,170	227,733
Tolak:				
Overdraf bank (Nota 18)	-	(6,576)	-	-
Deposit tetap yang dicagar	(59,628)	(117,798)	-	-
Tunai dan setara tunai	592,204	253,024	582,170	227,733

18. Pinjaman

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pinjaman Jangka Pendek				
Bercagar				
Overdraf bank	-	4,456	-	-
Pinjaman jangka panjang berbayar dalam tempoh dua belas bulan	112,500	2,619,370	112,500	452,593
Sewabeli dan pajakan kewangan (Nota 19)	13,133	31,751	7,866	23,414
	125,633	2,655,577	120,366	476,007
Tak bercagar				
Overdraf bank	-	2,120	-	-
	125,633	2,657,697	120,366	476,007
Pinjaman Jangka Panjang:				
a. Pembiayaan Syarat Baru				
Surat-surat Perdagangan Al-Murabahah	100,000	-	100,000	-
Bon Al-Bai Bithaman Ajil	1,100,000	-	1,100,000	-
Pinjaman berjangka RM bersindiket kadar terapung	650,000	-	650,000	-
b. Kemudahan Kredit Pelbagai Struktur ("MSF")				
Bon Kadar Terapung	-	315,000	-	315,000
Bon Kadar Tetap	-	139,219	-	139,219
Pinjaman berjangka USD kadar terapung	-	416,172	-	416,172
Tanggungan berpusing terjamin kadar terapung	-	146,250	-	146,250
Pemiutang jangka panjang	-	536,360	-	536,360
c. Pinjaman Taka berjangka kadar terapung	-	44,900	-	-
d. Pinjaman berjangka USD kadar terapung	-	69,326	-	-
e. Pinjaman Danaharta	-	45,619	-	-
f. Bon kadar boleh ubah	-	2,081,284	-	-
	1,850,000	3,794,130	1,850,000	1,553,001
Sewabeli dan pajakan kewangan (Nota 19)	16,152	46,247	10,680	32,437
	1,866,152	3,840,377	1,860,680	1,585,438
Tolak:				
Berbayar dalam tempoh satu tahun	(125,633)	(2,651,121)	(120,366)	(476,007)
	1,740,519	1,189,256	1,740,314	1,109,431

Tarikh matang pinjaman (tidak termasuk sewa beli dan pajakan kewangan berbayar):

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pinjaman Kadar Tetap				
Dalam tempoh satu tahun	-	96,245	-	50,626
Lebih dari satu tahun dan kurang dari dua tahun	-	50,624	-	50,624
Lebih dari dua tahun dan kurang dari lima tahun	900,000	37,969	900,000	37,969
Lima tahun atau lebih	200,000	-	200,000	-
	1,100,000	184,838	1,100,000	139,219
Pinjaman Kadar Terapung				
Dalam tempoh satu tahun	112,500	2,523,125	112,500	401,967
Lebih dari satu tahun dan kurang dari dua tahun	262,500	625,137	262,500	590,537
Lebih dari dua tahun dan kurang dari lima tahun	375,000	461,030	375,000	421,278
Lima tahun atau lebih	-	-	-	-
	750,000	3,609,292	750,000	1,413,782
Jumlah Pinjaman				
Dalam tempoh satu tahun	112,500	2,619,370	112,500	452,593
Lebih dari satu tahun dan kurang dari dua tahun	262,500	675,761	262,500	641,161
Lebih dari dua tahun dan kurang dari lima tahun	1,275,000	498,999	1,275,000	459,247
Lima tahun atau lebih	200,000	-	200,000	-
	1,850,000	3,794,130	1,850,000	1,553,001

Kadar faedah efektif sepanjang tahun kewangan untuk pinjaman (kecuali sewa-beli dan pajakan kewangan berbayar), adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 %	2001 %	2002 %	2001 %
Surat-surat Perdagangan Al-Murabahah	3.6	-	3.6	-
Bon Al-Bai Bithaman Ajil	7.9	-	7.9	-
Pinjaman berjangka RM bersindiket kadar terapung	5.6	-	5.6	-
Bon kadar terapung	6.2	6.0	6.2	6.0
Bon kadar tetap	9.5	9.5	9.5	9.5
Pinjaman berjangka USD kadar terapung	4.5	6.9	4.5	6.9
Tanggungan berpusing				
terjamin kadar terapung	6.3	5.8	6.3	5.8
Pemiutang jangka panjang	4.9	8.0	4.9	8.0
Pinjaman Taka berjangka kadar terapung	10.8	11.8	-	-
Pinjaman berjangka USD kadar terapung	10.6	9.7	-	-
Pinjaman Danaharta	6.9	6.9	-	-
Bon kadar boleh ubah	5.9	7.9	-	-

- a. Dalam tahun kewangan, Syarikat telah menerbitkan RM1.85 bilion Pembiayaan Berjangka Baru merangkumi Sekuriti Hutang Swasta Islam dan pinjaman berjangka bersindiket masing-masing berjumlah RM1.2 bilion dan RM650 juta untuk tujuan pembiayaan semula kemudahan kredit dibawah MSF.

Sekuriti Hutang Swasta Islam meliputi Bon Al-Bai Bithaman Ajil ("Bon") dan Surat-surat Perdagangan Al-Murabahah masing-masing berjumlah RM1.1 billion dan RM100 juta. Tempoh pemegangan Bon adalah diantara tiga hingga enam tahun dari tarikh terbitan dan bon-bon tersebut membawa kadar keuntungan yang telah ditetapkan dibawah prinsip Syariah iaitu diantara 7.00% hingga 8.50% setahun. Pembayaran balik adalah menerusi ansuran separuh tahunan dari tarikh terbitan masing-masing. Bon-bon tersebut didagangkan tanpa skrip dibawah "Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities" yang dioperasikan dan diurus oleh Bank Negara Malaysia. Surat-surat Perdagangan Al-Murabahah dan pinjaman berjangka bersindiket perlu dibayar balik pada tarikh matang masing-masing iaitu diantara 2003 hingga 2007.

Kemudahan Pembiayaan Berjangka Baru dicagar melalui sandaran tetap dan sandaran terapung keatas aset Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada saham subsidiari-subsidiari milik penuh, yang akan dilepaskan sekiranya nisbah pinjaman ("gearing") Kumpulan jatuh bawah 1.0. Syarikat juga disyaratkan untuk mendeposit sebahagian daripada lebihan aliran tunainya ke dalam akaun bank yang ditetapkan dari mana dana hanya boleh digunakan untuk pembayaran balik nilai pokok dan faedah atas pinjaman ini seperti ynag dinyatakan di Nota 17.

Kemudahan-kemudahan ini memerlukan Kumpulan untuk memelihara nisbah khidmat kewangan minima, nisbah pendapatan belum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan ("EBITDA") kepada belanja kewangan kasar minima, menghadkan hutang kepada nisbah EBITDA dan menghadkan nisbah pinjaman.

- b. MSF telah dicagar ke atas aliran tunai Syarikat dan subsidiarinya dan perlaksanaan Surat Ikatan Subordinat daripada bekas syarikat induknya, TRI. Seperti dinyatakan di Nota 1 dalam tahun kewangan semasa, Syarikat telah menebus seluruh MSF dengan hasil pendapatan daripada Sekuriti Hutang Swasta Islam dan pinjaman berjangka bersindiket RM kadar terapung seperti yang dihuraikan di (a) diatas.
- c. Pinjaman Taka berjangka kadar terapung telah dikeluarkan kepada bekas subsidiari, Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. dan dicagarkan ke atas deposit tetap yang ditempatkan oleh TRI seperti yang dinyatakan di Nota 17. Pembayaran balik adalah menerusi enam ansuran separuh tahunan bermula Mei 2003.
- d. Pinjaman USD kadar terapung telah dikeluarkan kepada bekas subsidiari, TRI Telecommunication Tanzania Limited ("Tritel") dan dicagarkan ke atas deposit tetap seperti yang didedahkan dalam Nota 17 dan jaminan korporat yang diberikan oleh TRI. Dalam tahun kewangan semasa, Tritel telah dihantar notis mungkir dari bank. Sehubungan itu, seluruh deposit tetap yang dicagar telah digunakan untuk pembayaran balik pinjaman. Kumpulan menggunakan sebahagian dari peruntukan kerugian dijangka yang dibuat pada tahun lepas untuk menyerap kerugian yang ditanggung akibat ini, seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 dan Nota 20.
- e. Pinjaman Danaharta dicagarkan atas syarat-syarat sama dan bertaraf parri passu Bon Kadar Boleh Ubah seperti yang disebutkan pada (f) di bawah. Seperti yang dinyatakan di Nota 1, Syarikat telah membayar seluruh pinjaman tersebut di dalam tahun kewangan semasa.
- f. Pada 23 November, 2000, Syarikat telah memasuki rancangan penstrukturan semula hutang dan telah menandatangani Surat Ikatan Amanah yang disatukan dan dinyatakan semula dengan pemegang-pemegang Bon USD375,000,000 boleh tukar yang diterbitkan dalam tahun 1994 untuk menangguhkan pembayaran dan menyemak semula syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan keatas bon (dirujuk sebagai "Bon"). Penstrukturan semula tersebut juga melibatkan pinjaman Danaharta yang disebut di (e) dan bertaraf parri-passu dengan bon yang distruktur semula. Di bawah perjanjian penstrukturan semula hutang, bon-bon tersebut matang pada 29 Mei 2002 dan kadar faedahnya adalah pada LIBOR ditambah 3.75% setahun.

Bon yang telah distruktur semula telah dicagar keatas caj taraf pertama yang melibatkan 49% kepentingan ekuiti TRI di dalam Celcom. Tambahan juga, sijil-sijil saham untuk baki 51% kepentingan ekuiti yang sebelum ini di pegang oleh TRI dalam Syarikat telah ditempatkan dengan Pemegang Amanah Sekuriti mengikut Perjanjian Kuncian Saham bertarikh 21 Jun 2001.

Pada 16 April 2002, TRI telah membayar dahulu dan menebus segala hutang tertunggaknya dibawah Pinjaman Bon dan Danaharta pada diskaun sebanyak RM212,690,000 seperti yang dinyatakan di Nota 7.

19. Sewa Beli dan Pajakan Kewangan Berbayar

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pembayaran minima pajakan:				
Tidak lebih dari satu tahun	14,720	35,593	8,428	25,521
Lebih dari satu tahun dan tidak lebih dua tahun	3,132	14,167	2,884	7,570
Lebih dari dua tahun dan tidak lebih lima tahun	-	2,130	-	2,130
	17,852	51,890	11,312	35,221
Tolak: Kos kewangan hadapan	(1,700)	(5,643)	(632)	(2,784)
Nilai semasa liabiliti pajakan kewangan	16,152	46,247	10,680	32,437
Nilai semasa liabiliti pajakan kewangan:				
Tidak lebih dari satu tahun	13,133	31,751	7,866	23,414
Lebih dari satu tahun dan tidak lebih dua tahun	3,019	12,486	2,814	7,013
Lebih dari dua tahun dan tidak lebih lima tahun	-	2,010	-	2,010
	16,152	46,247	10,680	32,437
Dianalisa sebagai:				
Perlu dibayar dalam dua belas bulan (Nota 18)	13,133	31,751	7,866	23,414
Perlu dibayar selepas dua belas bulan (Nota 18)	3,019	14,496	2,814	9,023
	16,152	46,247	10,680	32,437

Sewa beli dan pajakan kewangan menanggung faedah di sepanjang tahun di antara 5.4% hingga 10.0% (2001: 5.4% hingga 10.0%) setahun.

20. Pemiutang

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Pemiutang perdagangan	36,193	13,721	34,681	4,349
Hutang kepada TRI:				
– berfaedah	-	-	-	1,042,000
– tanpa faedah	-	-	3,938	591,551
Hutang kepada Rego Multi-Trades Sdn. Bhd.	-	-	-	259,316
Hutang kepada syarikat bersekutu	13,666	33,653	10,214	-
Pembekal rangkaian dan peralatan telekomunikasi	124,222	136,194	94,496	66,492
Deposit pelanggan	120,553	97,436	120,542	91,233
Pendapatan tertunda	136,807	53,934	136,465	53,498
Perbelanjaan terakru	113,368	119,671	101,363	97,699
Duti dan lain-lain cukai berbayar	67,212	122,619	66,931	66,128
Kos kewangan belum bayar	25,701	3,349	25,701	-
Peruntukan untuk kerugian dijangka (Nota 7)	6,370	67,246	-	-
Lain-lain pemiutang	192,147	333,718	145,739	160,489
	836,239	981,541	740,070	2,432,755

Pendahuluan berfaedah daripada TRI berjumlah RM Nil (2001: RM1,042,000,000), mempunyai kadar faedah sebanyak 8.50% (2001: 8.50%) setahun. Pendahuluan tanpa faedah daripada TRI adalah tidak dicagar dan tidak mempunyai syarat pembayaran yang tetap.

Dalam tahun semasa, baki hutang kepada TRI berjumlah RM1,483,649,322 telah dipermodalkan untuk menerbitkan saham baru biasa berharga RM1 setiap satu dalam Syarikat. Ini merupakan salah satu langkah dalam pengorganisasian semula dalaman Kumpulan yang dihuraikan di Nota 1.

Di dalam tahun semasa, Syarikat telah membayar sepenuhnya pendahuluan dari Rego Multi-Trades Sdn. Bhd., sebuah subsidiari TRI, berjumlah RM259,316,000.

Peruntukan kerugian dijangka yang dibuat melibatkan peruntukan untuk anggaran kerugian yang akan ditanggung oleh Kumpulan berhubung dengan pelaburan dalam TRI Telecommunication Tanzania Limited ("Tritel"). Sejumlah RM60,876,000 daripada peruntukan itu digunakan dalam tahun ini untuk menyerap kerugian yang ditanggung akibat deposit tetap yang dicagar oleh TRI untuk pinjaman Tritel yang digunakan untuk mengurangkan baki pinjaman Tritel seperti yang dinyatakan di Nota 18.

Jumlah hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd.	10,214	28,051	10,214	-
Fibrecomm Network (M) Sdn. Bhd.	3,452	5,602	-	-
	13,666	33,653	10,214	-

Jumlah hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran yang tetap.

21. Modal Saham

	Bilang Saham Biasa RM1 Setiap Satu		Jumlah	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Dibenarkan:				
Pada 1 Januari	500,000	500,000	500,000	500,000
Diwujudkan sepanjang tahun	3,500,000	-	3,500,000	-
Pada 31 Disember	4,000,000	500,000	4,000,000	500,000
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:				
Pada 1 Januari	500,000	500,000	500,000	500,000
Diterbitkan dan dibayar sepanjang tahun, harga tara	1,483,649	-	1,483,649	-
Pada 31 Disember	1,983,649	500,000	1,983,649	500,000

22. Rizab

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Tidak boleh diagih:				
Rizab terjemahan asing	2,184	2,184	-	-
Rizab modal	1,006,121	903,707	-	-
Boleh diagih:				
Kerugian terkumpul	(1,564,937)	(1,597,868)	(1,143,841)	(1,057,650)
	(556,632)	(691,977)	(1,143,841)	(1,057,650)

Pergerakan dalam bahagian rizab modal adalah seperti berikut:

	Premium saham TRI RM'000	Perbezaan dalam modal berbayar RM'000	Lain-lain rizab modal RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2001/2002 seperti yang dinyatakan sebelum ini	-	-	87	87
Perakaunan percantuman untuk pengorganisasian semula dalaman	648,712	254,908	-	903,620
Pada 1 Januari 2001/2002 dinyatakan semula	648,712	254,908	87	903,707
Terbitan saham oleh TRI	357,322	1,228,741	-	1,586,063
Permodalan pendahuluan dari TRI	-	(1,483,649)	-	(1,483,649)
Pada 31 Disember, 2002	1,006,034	-	87	1,006,121

Pada akhir tahun kewangan yang lepas jumlah modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya Syarikat adalah RM500,000,000 manakala TRI berjumlah RM1,983,649,322. Dalam tahun semasa sebelum penyempurnaan Rancangan Penstrukturan Semula Kumpulan dan Pengorganisasian Semula Dalaman (lihat Nota 1), Syarikat telah menerbitkan RM1,483,649,322 saham biasa berharga RM1 setiap satu dengan memodalkan jumlah yang sama dengan pendahuluan yang sebelum ini diterima oleh TRI.

Dengan mengaplikasikan kaedah perakaunan percantuman, angka-angka perbandingan di dalam penyata kewangan yang disatukan dinyatakan semula seolah-olah pengorganisasian semula dalaman itu berlaku pada tarikh paling awal penyediaan, iaitu 1 Januari 2001/31 Disember 2000. Walaupun demikian, transaksi sepanjang tahun kewangan seperti penambahan dalam modal saham yang dilaporkan sebelum ini dengan cara permodalan pendahuluan, tidak memberi kesan kepada modal saham yang dilaporkan sebelum ini. Oleh itu, terdapatnya perbezaan diantara amaun modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya yang dilaporkan sebelum ini dengan amaun yang dilaporkan sebagai modal saham diterbitkan dan di bayar sepenuhnya selepas penyempurnaan pengorganisasian semula dalaman. Perbezaan itu berjumlah RM254,908,000 pada 31 Disember 2001, dan meningkat sebanyak RM1,228,741,000 setelah selesainya penerbitan terhad dan hak TRI (lihat Nota 1) sebelum pengorganisasian semula dalaman.

Peningkatan dalam modal saham diterbitkan dan di bayar sepenuhnya Syarikat kepada RM1,483,649,322 melalui permodalan pendahuluan (lihat diatas) telah distruktur untuk menyamakan modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya Syarikat dan TRI, sebelum berlakunya pengurangan modal TRI (lihat Nota 1) . Pengurangan modal TRI melibatkan agihan saham dibesarkan yang ia miliki dalam Syarikat sebagai ganjaran untuk pembatalan saham diterbitkan dan berbayarnya.

Setelah pengorganisasian semula dalaman terlaksana, jumlah yang terkumpul akibat perbezaan dalam modal saham sebanyak RM1,483,649,322 (yang merangkumi penambahan dalam modal saham Syarikat) telah dihapuskan dan dikelas semula kepada modal saham diterbitkan dan dibayar sepenuhnya Syarikat.

Premium saham TRI berjumlah RM1,006,034,000 masih belum di guna, dianggap sebagai rizab modal Kumpulan yang tidak boleh diagihkan di dalam penyata kewangan disatukan.

Kerugian terkumpul disatukan Kumpulan termasuk, akibat daripada pengorganisasian semula dalaman dan aplikasi perakaunan percantuman, seluruh kerugian terkumpul disatukan TRI, yang mengandungi kerugian Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, diselaras untuk hapuskira muhibah di dalam Syarikat yang pernah dikira oleh TRI.

Pelarasan dalam kerugian terkumpul disatukan dianalisa seperti berikut:

	Pada 1 Januari	
	2002	2001
	RM'000	RM'000
Kerugian terkumpul disatukan yang dilaporkan oleh TRI	(969,911)	(883,389)
Tambah-balik:		
Kerugian terkumpul disatukan Syarikat yang telah dimasukkan	285,291	408,099
	(684,620)	(475,290)
Tolak:		
Muhibah di dalam Syarikat yang sebelum ini di kira oleh TRI	(416,963)	(416,963)
Amaun yang di bawa ke kerugian terkumpul disatukan akibat perakaunan percantuman	(1,101,583)	(892,253)

23. Cukai Tertunda

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002	2001	2002	2001
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	344,088	340,053	160,518	160,518
Dipindahkan (kepada)/daripada penyata pendapatan (Nota 9)	(105,739)	15,893	(147,444)	-
Pembatalan penyatuan subsidiari (Nota 25)	-	(11,858)	-	-
Pada 31 Disember	238,349	344,088	13,074	160,518
Cukai tertunda yang diperuntukkan dalam penyata kewangan termasuk:				
Lebihan elaun modal keatas susutnilai	747,980	981,665	522,705	793,288
Elaun modal tidak di guna	(509,631)	(467,434)	(509,631)	(462,627)
Lain-lain perbezaan masa	-	(170,143)	-	(170,143)
	238,349	344,088	13,074	160,518

Tertakluk kepada persetujuan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, pada 31 Disember 2002, Kumpulan (selain dari Syarikat) mempunyai kerugian tidak di serap sebanyak RM70,533,000 (2001: RM83,521,000) yang kesan cukainya tidak dirakamkan kedalam penyata kewangan. Manfaat daripada kerugian cukai ini hanya akan diperolehi sekiranya subsidiari-subsidiari yang berkenaan mempunyai pendapatan boleh taksir yang cukup untuk menggunakan kerugian-kerugian tersebut.

24. Hutang kepada Subsidiari-subsidiari

Jumlah hutang kepada susidiari-subsidiari yang diklasifikasikan sebagai liabiliti jangka panjang adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak dijangkakan akan di bayar dalam masa setahun.

25. Subsidiari-subsubsidiari

a. Butiran subsidiari-subsubsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%)		Modal Berbayar RM	Kegiatan Utama
	2002	2001		
Celcom Transmission (M) Sdn. Bhd.	100	100	25,000,000	Perkhidmatan rangkaian penghantaran telekomunikasi
Alpha Canggih Sdn. Bhd.	100	100	2	Pelaburan hartanah
Celcom Technology (M) Sdn. Bhd.	100	100	2,000,000	Perkhidmatan telekomunikasi sampingan menerusi selular atau lain-lain bentuk rangkaian telekomunikasi dan peruntukan untuk perkhidmatan internet baru
Celcom Academy Sdn. Bhd.	100	100	3	Perkhidmatan yang berkaitan dengan latihan
CT Paging Sdn. Bhd.	100	100	500,000	Tidak aktif
Masterpage Sdn. Bhd.	100	100	2	Tidak beroperasi
Celcom Trunk Radio (M) Sdn. Bhd.	100	100	10,000	Tidak beroperasi
CT Communication Sdn. Bhd.	100	100	10,000	Tidak beroperasi
Firent Management Services Sdn. Bhd.	100	100	4	Tidak beroperasi
Celcom Timur (Sabah) Sdn. Bhd.	60	60	500,000	Perkhidmatan penghantaran rangkaian telekomunikasi
Celcom Cellular Business Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
Celcom Telecommunications Consulting Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
Celcom International Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
Celcom Wireless Data Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
Celpage Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
EG Ventures Sdn. Bhd. ^	100	100	2	Tidak beroperasi
Celcom Multimedia (Malaysia) Sdn. Bhd.	100	-	2	Tidak beroperasi

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%)		Modal Berbayar RM	Kegiatan Utama
	2002	2001		
Technology Resources Industries Berhad #	100	100	1,000	Pemegangan pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan
Alpine Resources Sdn. Bhd. #	100	100	2,500,000	Pemegangan pelaburan
Rego Multi-Trades Sdn. Bhd. #	100	100	2,000,000	Berurusan dalam sekuriti boleh pasar
Malaysian Motorhomes Sdn. Bhd. #	62.4	62.4	718,000	Tidak aktif
Technology Resources Management Services Sdn. Bhd. #	100	100	2	Tidak aktif
Freemantle Holdings (M) Sdn. Bhd. #	100	100	13,504,080~	Pemegangan pelaburan
Technology Resources Manufacturing Sdn. Bhd. #	99.25	99.25	15,889,154	Tidak aktif
Technology Resources (Capital) Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Tidak aktif
TR Components Sdn. Bhd. #	100	100	2	Pemegangan pelaburan
Aseania Plastics Sdn. Bhd. +	-	90	300,000	Tidak aktif
Technology Resources (Group) Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Tidak beroperasi
Technology Resources (Nominees) Sdn. Bhd. #	100	100	2	Tidak beroperasi
TR Communications Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Syarikat tidak beroperasi semenjak ianya ditubuhkan
TR Cruisers (M) Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Syarikat tidak beroperasi semenjak ianya ditubuhkan
TR International Wireless Communications Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Penyediaan paging dan lain-lain perkhidmatan telekomunikasi. Syarikat tidak beroperasi semenjak ianya ditubuhkan

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%)		Modal Berbayar RM	Kegiatan Utama
	2002	2001		
TRI Cellular Communications Cambodia Company +	-	70	USD3,000,000 (RM11,400,000)ψ	Berhenti beroperasi
Tripoly Communication Technology Corporation Ltd. +	-	80	RMB5,787,878 (RM2,662,424)ψ	Perkhidmatan radio panggilan jauh
TRI Telecommunication Tanzania Limited * (Penerima dan Pengurus dilantik pada 14 Januari 2003)	-	60	Shs2,350,500,000 (RM9,260,970)ψ	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
TRI Telecommunication Zanzibar Limited +	-	60	Shs50,000 (RM197)ψ	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
TR International Limited # @	100	100	HK\$2 (RM1)ψ	Pemegangan pelaburan
Celcom Ventures (Malaysia) Sdn. Bhd. ^ #	100	100	2	Tidak beroperasi
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. *	-	86.4	Taka327,966,000 (RM21,301,392)ψ	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi

Kesemua subsidiari-subsidiari diperbadankan di Malaysia kecuali:

Nama	Diperbadankan di
TR International Limited #	Hong Kong
TRI Telecommunication Tanzania Limited *	Republik Bersatu Tanzania
TRI Telecommunication Zanzibar Limited +	Republik Bersatu Zanzibar
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. *	Republik Rakyat Bangladesh
TRI Cellular Communications Cambodia Company +	Kemboja
Tripoly Communication Technology Corporation Ltd. +	Republik Rakyat China

- * Dipindahkan kepada syarikat-syarikat bersekutu disebabkan kehilangan kuasa tetapi masih mempunyai pengaruh penting (Nota 26)
- + Dipindahkan kepada pelaburan bukan semasa disebabkan oleh kehilangan kuasa dan pengaruh penting
- ^ Dalam proses pembatalan pendaftaran di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat 1965
- # Disatukan menggunakan kaedah perakaunan percantuman
- ~ Merangkumi 10,204,080 saham biasa dan 3,300,000 saham keutamaan
- ψ Ditranslasikan menggunakan kadar penutup pada 31 Disember 2002
- @ Subsidiari yang diaudit oleh juruaudit selain dari Arthur Andersen & Co.

b. Penjualan subsidiari

Dalam tahun berakhir 31 Disember, 2001 yang lepas, Kumpulan telah menjual subsidiarinya, Celcom Petro Network (M) Sdn. Bhd., dengan ganjaran tunai berjumlah RM600,000. Subsidiari tersebut terlibat dengan penyediaan perkhidmatan penghantaran rangkaian gentian optik.

Kesan pelupusan ke atas hasil kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001 oleh Kumpulan sehingga tarikh penjualan adalah seperti berikut:

	1.1.2001 hingga 17.8.2001 RM'000
Pendapatan	15,952
Perbelanjaan operasi	(10,575)
Keuntungan daripada operasi	5,377
Kos kewangan	5,504
Keuntungan sebelum cukai	10,881
Cukai	-
Keuntungan selepas cukai	10,881

Ringkasan kesan penjualan subsidiari-subsidiari ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	17.8.2001 RM'000
Aset bersih dijual:	
Hartanah, loji dan peralatan	85,023
Penghutang	6,916
Wang tunai dan baki di bank	4,215
Pemiutang	(99,897)
Sewabeli dan pemiutang pajakan	(424)
Aset bersih	(4,167)
Laba daripada pelupusan	4,767
Jumlah balasan yang diterima daripada pelupusan	600
Tolak:	
Tunai dan setara tunai atas subsidiari yang dijual	(4,215)
Tunai bersih daripada penjualan kepentingan dalam subsidiari	(3,615)

c. Pembatalan Penyatuan Subsidiari-subsiadi

Syarikat memegang secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiarinya lebih daripada separuh ekuiti dalam syarikat-syarikat berikut, yang oleh kerana ketiadaan kuasa, tidak lagi dianggap sebagai subsidiari:

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%) 2002	Modal Berbayar RM	Kegiatan Utama
Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd. (Nota i)	60	25,000,000	Perkhidmatan telekomunikasi
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. ("Sheba") (Nota ii)	86.4	Taka327,966,000 (RM21,301,392)	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
TRI Telecommunication Tanzania Limited (Penerima dan Pengurus di lantik pada 14 Januari 2003) ("Tritel") (Nota ii)	60	Shs2,350,500,000 (RM9,260,970)	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
TRI Telecommunication Zanzibar Limited (Nota iii)	60	Shs50,000 (RM197)	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
Tripoly Communication Technology Corporation Ltd. (Nota iii)	80	RMB5,787,878 (RM2,662,424)	Perkhidmatan radio panggilan jauh
TRI Cellular Communications Cambodia Company (Nota iii)	70	USD3,000,000 (RM11,400,000)	Berhenti beroperasi
Aseania Plastics Sdn. Bhd. (Nota iii)	90	300,000	Tidak aktif

Penyata kewangan syarikat-syarikat atas tidak dilampirkan bersama-sama ini, seperti yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat, 1965, kerana penyata kewangan tersebut tidak boleh didapati.

- Pada tahun kewangan yang lepas, Kumpulan telah mengubah klasifikasi pelaburannya dalam Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd. ("CTS") kepada syarikat bersekutu berikutan ketidakupayaannya untuk melangsungkan mesyuarat-mesyuarat lembaga pengarah akibat pertikaian seperti yang di nyatakan di Nota 30. Disebabkan itu, Syarikat tidak dapat menggunakan kuasanya ke atas dasar kewangan dan pengendalian CTS.
- Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan telah kehilangan kuasa ke atas dasar kewangan dan pengendalian Tritel dan Sheba. Pengurusan semasa Kumpulan dan lembaga pengarahnya tidak diwakili di dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat ini dan mesyuarat lembaga pengarah tidak dapat di laksanakan walaupun di minta berulang kali oleh Kumpulan. Pertikaian dengan pemegang-pemegang saham minoriti seperti yang dinyatakan di Nota 30, juga menghalang Syarikat untuk menggunakan kuasanya. Walaupun demikian, Kumpulan masih berupaya untuk menjalankan pengaruh penting ke atas pengendalian syarikat-syarikat ini melalui perlantikan pengurus-pengurus utama kakitangan, disebabkan oleh pertikaian belum selesai ini, penggunaan kuasa pengurusan itu tidak berkesan. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat ini telah dikelas semula ke pelaburan dalam syarikat bersekutu dan keputusan kewangan mereka telah disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti bermula 1 Januari 2002.

Kumpulan telah menghapuskera sepenuhnya pelaburan dalam, pendahuluan dan muhibah yang melibatkan Tritel dan telah membuat peruntukan kerugian dijangka berkenaan deposit tetap yang dicagar sebagai sekuriti dan jaminan korporat oleh TRI untuk pinjaman berjangka yang diberikan kepada Tritel semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

- iii. Dalam tahun kewangan semasa, syarikat-syarikat ini, yang sebelumnya dianggap sebagai subsidiari telah dihentikan penyatuannya disebabkan oleh ketidakupayaan Kumpulan untuk menguasai atau menjalankan pengaruh lagi keatas pengendalian mereka. Syarikat-syarikat ini dianggap sebagai pelaburan bukan semasa yang lain dan Kumpulan telah membuat peruntukan penuh keatas pelaburan-pelaburan tersebut.

Ringkasan kesan pembatalan penyatuan di atas ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	2002 RM'000	2001 RM'000
Aset bersih yang tidak di satukan:		
Hartanah, loji dan peralatan	159,463	96,351
Pelaburan-pelaburan bukan semasa	51	-
Inventori	8,663	-
Penghutang	44,426	87,275
Wang tunai dan tunai di bank	17,953	8
Deposit dengan bank berlesen	-	2,500
Overdraf bank	(4,456)	(3,017)
Pinjaman	(114,226)	(69,234)
Pemiutang	(90,527)	(8,548)
Cukai	(3,510)	(434)
Cukai tertunda	-	(11,858)
Kepentingan minoriti	(90)	-
Aset bersih	17,747	93,043
Tolak:		
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(15,335)	(55,826)
Kepentingan minoriti	(2,412)	(37,217)
Laba bersih dari pembatalan penyatuan	-	-
Tunai dan kesetara tunai atas pembatalan penyatuan subsidiari	(13,497)	509
Tunai bersih daripada pembatalan penyatuan	(13,497)	509

d. Pengambilalihan Syarikat Subsidiari

Syarikat telah mengambilalih seluruh modal saham diterbitkan dan dibayar penuh Celcom Multimedia (Malaysia) Sdn. Bhd. melibatkan dua saham biasa berharga RM1 setiap satu, harga tara untuk ganjaran tunai sebanyak RM2. Pengambilalihan itu tidak menimbulkan kesan kepada keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

26. Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah:

Nama Syarikat-syarikat Bersekutu	Kepentingan Berkesan (%)		Modal Berbayar RM	Kegiatan Utama
	2002	2001		
Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd.	60	60	25,000,000	Perkhidmatan telekomunikasi
Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. ^	86.4	- *	Taka327,966,000 (RM21,301,392)	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
TRI Telecommunication Tanzania Limited @ (Penerima dan Pengurus dilantik pada 14 Januari 2003)	60	- *	Shs2,350,500,000 (RM9,260,970)	Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi
Mobile Telecommunications Company of Esfahan # (J.V. - P.J.S)	49	-	Rial1,000,000,000 (RM480,000)	Merangka, merekabentuk, memasang, mengendalikan dan menyelenggarakan rangkaian telekomunikasi selular GSM kepada pelanggan di provinsi Esfahan, Iran
Fibrecomm Network (M) Sdn. Bhd.	41	41	75,000,000	Penyediaan perkhidmatan rangkaian penghantaran gentian optik

* Syarikat-syarikat ini dianggap sebagai subsidiari pada tahun kewangan sebelum ini

^ Diperbadankan di Republik Rakyat Bangladesh

@ Diperbadankan di Republik Bersatu Tanzania

Diperbadankan di Republik Islam Iran

Pada 18 Mac 1999, Lembaga Pengarah Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. ("Sheba") telah meluluskan Tambahan Modal Saham Berbayar Syarikat daripada Taka40,204,000 kepada Taka327,966,000 melalui permodalan pendahuluan yang diberikan oleh TRI. Berdasarkan kepada penambahan modal saham ini, kepentingan TRI di dalam Sheba meningkat kepada 86.4%. Walaupun demikian, permodalan pendahuluan antara syarikat telah dipertikai oleh pemegang saham minoriti Sheba dan Sheba juga masih belum mendaftarkan tambahan pegangan saham itu dengan Pendaftar Syarikat-Syarikat Saham Bersama. Kesan akhir pertikaian dengan pemegang saham minoriti Sheba tertakluk kepada keputusan dari tindakan tatacara penimbangtaraan seperti yang dihuraikan di Nota 30.

27. Pelarasan Tahun Lepas

Dalam tahun kewangan semasa, Syarikat telah menemui dokumen-dokumen palsu yang melibatkan persetujuan untuk pembelian loji dan peralatan berharga RM259,315,000 pada tahun-tahun terdahulu. Aset-aset tersebut mempunyai nilai buku bersih sebanyak RM210,994,000 pada 31 Disember 2001. Mengikut Piawaian MASB 3: Keuntungan dan Kerugian Bersih untuk tahun berakhir, Kesalahan Fundamental dan Perubahan kepada Dasar-dasar Perakaunan, Pembetulan Kesalahan Fundamental tersebut dilaraskan secara retrospektif kepada tahun berlakunya kejadian.

Kesan dari pelarasan tahun lepas kepada penyata kewangan untuk tahun berakhir 31 Disember 2001 untuk Kumpulan dan Syarikat adalah seperti yang dinyatakan di Nota 34.

28. Komitmen

Komitmen tertunggak yang melibatkan perbelanjaan modal pada tarikh lembaran imbalan yang tidak di peruntukkan di dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Perbelanjaan modal untuk, hartanah, loji dan peralatan:				
Diluluskan dan dikontrakkan	106,258	167,427	86,887	137,929
Diluluskan dan belum dikontrakkan	164,609	153,512	147,527	133,205
	270,867	320,939	234,414	271,134
Komitmen dibawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan yang perlu di bayar dalam tempoh berikut:				
Dalam tempoh satu tahun	9,907	12,697	9,907	12,697
Antara satu hingga dua tahun	6,608	9,907	6,608	9,907
Antara dua hingga lima tahun	4,104	10,511	4,104	10,511
	20,619	33,115	20,619	33,115

29. Maklumat Segmental

Maklumat Segmental tidak dikemukakan kerana tiada segmen penting selain daripada penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan operasi Kumpulan kebanyakannya di jalankan di Malaysia.

30. Liabiliti-liabiliti Luar Jangka

- Pada 10 Mac, 2000, Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd. ("CTS") telah megemukakan saman writ kepada Celcom (M) Sdn. Bhd. ("Celcom") berkenaan kegunaan lingkaran optik fiber sebanyak RM102,616,991 dengan faedah terakru. Celcom tidak menyetujui jumlah yang diminta atas alasan CTS telah menggunakan cara penaksiran yang tidak dipersetujui. Syarikat mengemukakan pembelaan ke atas kes tersebut dan memohon untuk menolak terus kes saman itu. Suatu Rumusan Keputusan telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuching pada 23 Februari, 2001 dimana keputusan memihak kepada CTS untuk pembayaran gantirugi sebanyak RM90,586,727. Syarikat sedang merayu terhadap Rumusan Keputusan ini dan tarikh untuk rayuan masih belum ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan.

Perbicaraan untuk baki hutang tertunggak yang dipertikaikan sebanyak RM12,030,264 hanya boleh dijalankan selepas perbicaraan rayuan ke atas Rumusan Keputusan. Keputusan kes mahkamah dan seterusnya, jumlah bayaran gantirugi kepada CTS tidak boleh dipastikan pada masa ini sehingga perbicaraan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh mahkamah.

Tiada peruntukan dibuat ke atas pertikaian jumlah bayaran yang dituntut kerana para pengarah berpendapat risiko timbulnya tuntutan tambahan ke atas jumlah yang dituntut adalah kecil.

- Syarikat telah menghadapi petisyen terhadap Sarawak Electricity Supply Corporation ("Sesco") (dan pihak lain berkaitan dengan SESCO) di bawah Seksyen 181 Akta Syarikat 1965 dan, pada 25 Mei 2001, juga menuntut injunksi interim untuk menahan CTS daripada meneruskan petisyen pembubaran terhadap Syarikat. Pada 1 Ogos 2001, CTS memberi notis kepada Syarikat tentang hasratnya untuk menjual saham-saham Syarikat dalam CTS sekiranya ia gagal untuk membuat bayaran Rumusan Keputusan serta-merta seperti dinyatakan di atas. Pada 14 Ogos 2001, Syarikat telah berjaya memperolehi injunksi interim untuk menahan CTS daripada menjual saham Syarikat sehingga penyelesaian permohonan injunksi antara pihak. Perkara ini telah ditetapkan untuk sebutan terakhir pada 25 Mac 2003. Berdasarkan kepada pendapat guaman yang diterima, para pengarah berpendapat bahawa Syarikat mempunyai peluang cerah untuk berjaya dalam perkara ini.

- c. Pada 3 Ogos, 2001, Sarawak Electricity Board Supply Corporation, rakan kongsi Syarikat di dalam CTS telah mengemukakan saman untuk mendapatkan deklarasi daripada Mahkamah Tinggi Kuching terhadap Perjanjian Usahasama ("JVA") untuk ditamatkan dengan alasan Syarikat telah melanggar beberapa syarat seperti yang ditetapkan dibawah JVA bertarikh 5 Mei, 1994. Permohonan untuk menangguhkan persidangan dan untuk pertikaian itu dirujuk kepada penimbangtaraan telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dimana Syarikat seterusnya menghadapkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan bersama dengan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk penangguhan interim sementara menunggu keputusan rayuan. Pada 25 Julai 2002, Mahkamah Rayuan mendengar dan menolak rayuan penagguhan penimbangtaraan. Oleh itu, pada 13 Ogos 2002, hakim telah menolak rayuan untuk penangguhan interim.

Pada 13 September 2001, Sesco telah membuat permohonan untuk melupuskan kes ini berdasarkan "point of law" dibawah Arahan 14A Syarat-syarat Mahkamah Tinggi 1980 ("Arahan 14A") dan untuk memberi keputusan berhubung tuntutan. Perbicaraan Arahan 14A telah ditetapkan pada 30 April 2003.

Berdasarkan kepada pendapat peguam-peguam yang diterima, para pengarah berpendapat, bahawa oleh kerana penangguhan interim telah ditolak atas alasan tiada pertikaian yang harus dirujuk kepada penimbangtaraan, Sesco mempunyai peluang cerah dalam permohonannya untuk memperolehi keputusan di bawah Arahan 14A. Sekiranya Sesco berjaya dalam perbicaraan Arahan 14A, Mahkamah akan mengarahkan Syarikat untuk memindahkan pegangan sahamnya dalam CTS kepada Sesco pada harga yang akan ditentukan oleh juruaudit bebas. Syarikat mungkin akan mengalami kerugian sekiranya nilai harga kepentingan dalam CTS yang ditentukan adalah kurang daripada nilai bawa pelaburan Syarikat dalam CTS sebanyak RM48,399,000.

Pihak-pihak berkaitan masih berbincang untuk menyelesaikan pertikaian ini melalui penyelesaian luar mahkamah global bersama-sama juga dengan perkara (a) dan (b) di atas. Para pengarah yakin bahawa penyelesaian dapat dicapai dan nilai yang akan terealisasi akibat dari penyelesaian ini akan, paling kurang, sama dengan nilai bawa pelaburan Kumpulan dalam CTS.

- d. Syarikat dan Inmiss Communications Sdn. Bhd. ("Inmiss") telah memeterai Perjanjian Service Provider ("Perjanjian") pada 30 Mei 1997. Pada 11 Jun 2002, Syarikat telah menerima notis tuntutan daripada peguam Inmiss megikut Seksyen 218 (1) Akta Syarikat 1965 menuntut dari Syarikat wang berjumlah RM17,702,020 yang merupakan bayaran untuk inbois yang dikeluarkan Inmiss selaras dengan Perjanjian, yang sekiranya gagal, permohonan pembubaran akan dimulakan. Bayaran tidak dibuat atas alasan, antara lain, bahawa terdapat sangkaan transaksi panggilan palsu. Syarikat seterusnya telah menghadapkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk menghalang Inmiss menghadapkan petisyen pembubaran terhadap Syarikat. Syarikat juga menuntut pendapat mahkamah berhubung isu-isu berikut: (i) sekiranya pihak-pihak terikat oleh Perjanjian untuk menyelesaikan segala pertikaian menerusi penimbangtaraan (ii) dan deklarasi yang menyatakan bahawa Syarikat bukan penghutang putusan untuk wang berjumlah RM17,702,020 di dalam pengertian Seksyen 217 Akta Syarikat 1965. Pada 15 November 2002, permohonan itu telah ditolak oleh Mahkamah dengan kos.

Peguam-peguam Syarikat telah mengeluarkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan pada 28 November 2002 terhadap keputusan ini. Pada 30 Disember 2002, Syarikat telah dikemukakan dengan petisyen pembubaran yang akan didengar pada 11 Jun 2003. Peguam-peguam Syarikat telah menghadapkan injunksi interim pada 24 Disember 2002 untuk menghalang Inmiss daripada mengambil tindakan lanjut di atas petisyen pembubaran itu sementara menunggu pelupusan sepenuhnya rayuan ini. Pada perbicaraan mengenai permohonan ini pada 31 Disember 2002, pihak-pihak diarah untuk menghadapkan permohonan bertulis dan perkara ini ditetapkan untuk keputusan pada 7 Mac 2003. Syarikat telah diperkenankan injunksi "holding-over" sementara ini.

Para pengarah berpendapat bahawa peruntukan yang telah dibuat dalam pemiutang dalam penyata kewangan memadai untuk menampung liabiliti luarjangka yang mungkin timbul dari tuntutan ini.

- e. Melalui surat bertarikh 16 Ogos 2002, Malaysian Airlines System Berhad ("MAS") telah menuntut wang berjumlah RM16,382,753 daripada TRI berkaitan dengan sebuah akaun projek. Kumpulan masih berbincang dengan MAS untuk mencapai penyelesaian saksama atas isu ini yang tidak dijangka akan memberikan kesan yang besar ke atas penyata kewangan.

- f. Berdasarkan Perjanjian Usaha Sama bertarikh 13 September 1993 ("JVA"), TRI dan VIP Engineering and Marketing Limited ("VIPEM") bersetuju untuk menubuhkan TRI Telecommunications Tanzania Limited ("Tritel") sebagai syarikat usaha sama, untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di Tanzania. Struktur pemegangan saham adalah TRI 60% dan VIPEM 40%.

Pada 10 Disember 2001, VIPEM telah memfailkan saman terhadap TRI, menuntut, antara lain, wang berjumlah USD18,628,000 sebagai bahagian daripada kehilangan keuntungan akibat salah urus Tritel. VIPEM meminta arahan dibuat atas asas "ex-parte". Peguam-peguam Tritel dan TRI menuntut bahawa Mahkamah tidak ada kuasa untuk melayan Permohonan Chamber tersebut disebabkan fasal penimbangtaraan di dalam JVA dan seterusnya memohon penangguhan persidangan. Mahkamah menolak untuk memberikan arahan "ex-parte" itu dan TRI menghadapkan petisyen untuk menangguhkan persidangan. Petisyen itu masih belum dibicarakan.

Berdasarkan nasihat guaman yang diterima, para pengarah berpendapat bahawa peluang untuk mendapatkan penangguhan adalah cerah. Berkenaan dengan tuduhan salah urus, peguam-peguam berpendapat, sekiranya tiada bukti yang lebih utuh, tuduhan itu hanya retorik dan tidak berasas. Oleh itu, tidak ada peruntukan yang dibuat dalam penyata kewangan berkaitan tuntutan yang di buat oleh VIPEM.

- g. TRI dan Integrated Services Limited ("ISL") telah memeterai Perjanjian Usaha Sama bertarikh 21 Januari 1995 atas penubuhan Sheba Telecom (Pvt.) Ltd. ("Sheba") sebagai syarikat usaha sama di Republik Rakyat Bangladesh. ISL dan TRI pada mulanya masing-masing memegang 51% dan 49% ekuiti Sheba. Pada 10 Jun 1997, kedua-duanya bersetuju untuk meminda pegangan ekuiti yang dimiliki oleh TRI dan ISL dalam Sheba masing-masing kepada 51% dan 49%. Pada 18 Mac 1999, Lembaga Pengarah Sheba memutuskan untuk menambahkan saham diterbitkan dan dibayar Sheba dengan cara memodalkan pendahuluan yang dibuat oleh TRI kepada Sheba, dan dengan itu menambahkan pegangan ekuiti TRI kepada 86.4%.

Dalam atau sekitar April 2000, ISL memulakan saman di Mahkamah Tinggi Bangladesh ke atas Sheba, TRI, para pengarah Sheba dan Suruhanjaya Syarikat-syarikat Saham Bersama untuk, antara lain, menuduh perlakuan tidak amanah dan salah urus oleh para pengarah ("Saman"). Salah satu tuduhan yang dibuat oleh ISL adalah menuduh bahawa resolusi yang diluluskan untuk menambahkan pegangan ekuiti TRI kepada 86.4% tidak sah. Pada 19 November 2001, TRI berjaya mendapat arahan untuk menangguhkan persidangan Saman itu dan untuk perkara tersebut di rujuk kepada persidangan penimbangtaraan ("Penimbangtaraan"). TRI seterusnya memulakan Penimbangtaraan itu di Singapura untuk mendapat deklarasi untuk menolak sesetengah pertuduhan yang dibuat di dalam Saman itu.

ISL juga membuat tuntutan balas di dalam Penimbangtaraan tersebut, dan menuduh, antara lain, pelanggaran syarat-syarat di dalam JVA dan lain-lain ketaknalaran dalam pengurusan dan pengendalian Sheba dan menuntut, antara lain, arahan untuk TRI membayar kepada ISL:

- i. wang sejumlah USD179,281,515 yang kononnya kehilangan potensi perolehan bersih Sheba;
- ii. wang berjumlah USD36,150,094 yang kononnya kehilangan peluang untuk memasuki perjanjian baru dengan Bangladesh Telegraph and Telephone Board; dan
- iii. wang berjumlah USD2,550,000 yang kononnya TRI telah bersetuju, untuk membayar ISL sebagai yuran perunding pemasaran.

Pihak-pihak berkaitan sedang mencari jalan penyelesaian yang baik dan perbicaraan Penimbangtaraan tersebut yang sebelum ini dijadualkan berlangsung pada 10 Februari 2003 telah ditangguhkan ke 4 Ogos 2003.

Berdasarkan kepada nasihat guaman yang diterima, para pengarah yakin bahawa keputusan Penimbangtaraan akan memihak kepada TRI. Oleh itu, tidak ada peruntukan yang dibuat ke atas jumlah yang dituntut oleh ISL. Nilai bawa pelaburan Kumpulan dalam dan juga pendahuluan kepada, Sheba tidak dilaras untuk menggambarkan pendedahan jangka sekiranya keputusan Penimbangtaraan itu tidak memihak kepada TRI.

Selain dari di atas, para pengarah tidak tahu mengenai tindakan undang-undang lain yang diambil terhadap Kumpulan atau subsidiari-subsidiarinya yang masih belum diputuskan atau fakta-fakta lain yang boleh membawa kepada tindakan undang-undang yang akan memberi kesan penting ke atas penyata kewangan pada 31 Disember 2002.

31. Urusan Penting dengan Pihak Berkaitan

Pihak Berkaitan Semasa

Pada 31 Disember 2002, syarikat-syarikat berikut terangkum di dalam definisi Pihak Berkaitan seperti yang termaktub dalam piawaian MASB 8: Pihak-pihak Berkaitan:

Syarikat

Fibrecomm Network (M) Sdn. Bhd. ("Fibrecomm")
 Celcom Timur (Sarawak) Sdn. Bhd. ("CTS")
 Mobile Telecommunications Company of Esfahan
 (J.V. - P.J.S) ("MTCE")
 Telekom Malaysia Berhad ("TMB") +
 TM Cellular Sdn. Bhd. ("TMC") +
 Fiberail Sdn. Bhd. ("Fiberail") +
 Mobikom Sdn. Bhd. ("Mobikom") +
 Technicus Consultancy Sdn. Bhd. ("Technicus")

Hubungan

Syarikat Bersekutu Syarikat
 Syarikat Bersekutu Syarikat
 Syarikat Bersekutu Syarikat
 Pemegang saham utama dalam Syarikat dari Mei 2002
 Subsidiari TMB
 Subsidiari TMB
 Subsidiari TMB
 Subsidiari bersama oleh pemegang saham utama,
 DeTeAsia Holding GmbH

Bekas Pihak yang Berkaitan

Selain daripada Pihak berkaitan di atas, Kumpulan telah juga bertransaksi dengan syarikat-syarikat berikut yang, walaupun bukan dianggap sebagai pihak berkaitan pada 31 Disember, 2002, jatuh di dalam definisi sebagai pihak berkaitan untuk sebahagian tahun kewangan semasa dan sepanjang tahun-tahun kewangan sebelum ini:

Syarikat

Edaran Digital Systems Berhad ("EDSB") ^
 Edaran Komputer Sdn. Bhd. ("EKS") ^
 Elitemac Resources Sdn. Bhd. ("ERSB") ^
 Edaran Communications Sdn. Bhd. ("ECSB") ^
 Advanced Communication
 Solutions Sdn. Bhd. ("ACSSB") ^
 Naluri Berhad ("Naluri") ^
 Technology Resources Properties Sdn. Bhd. ("TRP") ^
 Malaysian Airline System Berhad ("MAS") #

Hubungan

Syarikat dimana bekas pengarah,
 Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli dan
 Bistamam bin Ramli mempunyai kepentingan
 tidak langsung
 Subsidiari EDSB
 Subsidiari EDSB
 Subsidiari EDSB
 Syarikat Bersekutu ERSB
 Syarikat dimana bekas pengarah,
 Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli mempunyai
 kepentingan
 Subsidiari Naluri
 Syarikat dimana bekas pengarah,
 Tan Sri Dato' Tajudin bin Ramli mempunyai
